

**DOKUMEN INI BELUM DISEMAK**

[Senarai Ahli-Ahli DN dilampirkan]  
[kandungan dilampirkan]

---

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 18 April 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi.**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Tee Thiong Hock** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) adakah pihak pemaju perumahan yang menjual rumah dengan sistem BKJ (Bina Kemudian Jual); dan
- (b) adakah kerajaan menimbangkan penggunaan sistem BKJ dalam masa jangka panjang; dan jika ya, bolehkah pihak pemaju yang berminat berharap pada kerajaan untuk diberi bantuan serta sokongan supaya dapat bersaing dengan pihak pemaju lain yang masih degil dan hendak berterusan dengan sistem lama.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab:

- (a) memang ada pemaju perumahan yang mengamalkan sistem Bina Kemudian Jual. Bilangan di sektor swasta tidak banyak tetapi kebanyakan agensi kerajaan dan badan berkanun mengamalkannya.
- (b) Dalam keadaan sekarang tidak ada peraturan yang menghalang mana-mana pemaju mengamalkan sistem Bina Kemudian Jual, malah kerajaan memberi pengecualian daripada syarat lesen dan permit di bawah Akta Pemaju Perumahan bagi pemaju yang menjual rumah yang sudah mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki. Ini sebagai satu galakan kepada mereka. Sistem Bina Kemudian Jual mempunyai implikasi peningkatan harga.

Oleh itu, kerajaan belum bercadang mensyaratkan memestikan kaedah ini digunakan. Sekian.

**Datuk Tee Thiong Hock:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah mendengar daripada report Timbalan Menteri bahawa di negara kita juga ada syarikat-syarikat yang menjalankan tugas pemaju pemasaran menggunakan sistem Bina Kemudian Jual iaitu kebanyakan daripada badan-badan kerajaan. Daripada jawapan (b) itu salah satu akibat kalau kita buat dengan sistem Bina Kemudian Jual ialah kosnya tetapi dengan apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri kalau kita bandingkan syarikat-syarikat yang sekarang masih menggunakan sistem Bina Kemudian Jual iaitu badan-badan kerajaan, tidak nampak harga-harga rumah badan-badan kerajaan adalah lebih mahal daripada harga pemaju swasta yang mengikut sistem Jual Kemudian Bina. Mengapa?

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih, Yang Berhormat. Bagi syarikat-syarikat yang mengamalkan sistem Bina Kemudian Jual, mereka ada keistimewaan-keistimewaan yang berlainan. Maksud saya ialah syarikat-syarikat ini yang menggunakan sistem Bina Kemudian Jual sudah mempunyai tanah tertentu atau tapak perumahan – skim perumahan dan kebanyakan syarikat ini telah mengadakan kos yang sudah dikira apabila tanah itu dimiliki oleh mereka, seumpamanya dalam tahun-tahun yang dahulu iaitu dalam land bank mereka. Oleh sebab itu maka holding cost, dengan izin, bagi tanah adalah murah sedikit sebab tanah itu sudah dimiliki oleh mereka sudah lama, umpamanya satu kawasan di mana tapak itu adalah ladang kelapa sawit dan hari ini sebab tanah itu sudah dimiliki oleh syarikat itu, maka mereka tidak perlu membeli tanah itu dengan harga pasaran sekarang. Jadi, itu satu unsur kos yang tinggi bagi harga rumah yang akan disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya, bagi badan-badan berkanun ini, objektifnya adalah lain sedikit daripada syarikat-syarikat perumahan yang biasa. Objektif bagi badan-badan berkanun ialah untuk membekalkan rumah-rumah bagi pembeli dan keutamaan tidak kepada kaedah profit atau keuntungan. Ini menyebabkan mereka bolehlah, dengan izin, absorb cost yang telah diambil kira oleh pihak pemaju perumahan swasta yang kebanyakannya ialah sama ada projek itu viable atau tidak mereka akan mengira kos berkenaan. Saya masih berpendapat memang ada syarikat yang boleh mengamalkan sistem ini tetapi kebanyakan pemaju merasa sistem Bina

Kemudian Jual ini akan menyebabkan kosnya tinggi dan akhirnya kos ini akan ditanggung oleh pihak pembeli. Sekian.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pernah berlaku monopoli pembelian rumah oleh individu yang mampu, kemudian selepas beberapa tahun dijual kepada tangan yang kedua. Ini satu penindasan kalau berlaku. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham macam mana boleh pembeli menggunakan monopoli. Saya rasa itu tidak berlaku di dalam pasaran di mana pembeli menggunakan monopoli. Saya tidak faham.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Saya terpaksa betulkan soalan saya, mungkin terlalu ringkas. Maksud saya, orang-orang yang kaya membeli rumah sama ada swasta ataupun pihak kerajaan yang lebih daripada yang sepatutnya. Jadi, dia mengambil kesempatan itu dan menjual kepada orang lain, sedangkan ramai lagi orang yang memerlukan rumah. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Maksud Yang Berhormat ialah pembeli-pembeli yang menjadi spekulator di pasaran. Saya rasa buat masa sekarang pasaran masih lembap, kalau rumah-rumah yang tersebut itu tidak mempunyai tanah iaitu landed property, dengan izin, pasaran masih lembap. Sebab pasaran masih lembap saya rasa kalau spekulator ini hendak membeli rumah untuk dijual kemudian dengan harga yang lebih tinggi supaya mereka boleh untung perbezaannya, saya rasa buat masa sekarang tidaklah tetapi saya boleh bersetuju kalau dalam pasaran di mana tidak cukup rumah-rumah di dalam pasaran ini untuk dijual, maka adalah situasi ini berlaku tetapi kita sekarang terus berbincang dengan pihak persatuan pemaju supaya perkara ini boleh dielakkan.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kira Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui, baru-baru ini satu kajian telah dikeluarkan oleh intelektual Universiti Pertanian bahawa kos rumah murah boleh didirikan dengan harga RM14,000. Adakah kementerian bercadang untuk mengubah harga kos rumah murah ke tahap yang sedemikian bagi membolehkan mereka yang berpendapatan rendah memiliki rumah dan sekaligus ianya akan dapat mengurangkan pendirian rumah setinggan yang merata-rata sebab pendapatan pekerja begitu kurang – tidak mampu untuk membayar sewa rumah ataupun membayar ansuran rumah. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai harga untuk membina rumah, kalau Yang Berhormat memaksudkan rumah teres di luar bandar, maka kos RM14,000 ini boleh dicapai tetapi sejauh mana yang saya tahu, apabila kita bincang dengan pihak syarikat-syarikat berkenaan dan juga pihak akademik di universiti-universiti di dalam negara ini, kita dapati kalau di Kuala Lumpur atau di bandar raya yang besar ini, harga RM14,000 ini memang tidak dapat dicapai oleh mereka kerana ini terlalu rendah kalau kita kira kos tanah, kos bahan-bahan pembinaan dan juga kos buruh yang digunakan. Oleh sebab itu, maka kita ada satu cadangan bagi negeri-negeri yang berkenaan. Buat masa sekarang, harga yang terendah bagi rumah kos rendah ialah RM25,000 dan kita mengizinkan mereka menaikkan kos itu kepada tahap yang sesuai tetapi tidak melebihi RM42,000. Umpamanya di Kuala Lumpur di mana kos tanah amat tinggi, kalau kita hadkan mereka menjual rumah-rumah kos rendah ini menggunakan harga yang kita amalkan dahulu iaitu RM25,000, mereka akan rugi dan mereka tidak terus langsung membina rumah kos rendah. Walau apa pun, kita gunakan undang-undang atau menggunakan kaedah administrative atau pentadbiran. Mereka tidak dapat membekalkan rumah dengan harga yang terlalu rendah iaitu RM14,000 di Kuala Lumpur.

2. **Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) adakah kementerian akan mengehendkan kelulusan perusahaan penanam pengawet tembakau di bawah PPRT; dan
- (b) berapakah jumlah kuota daun tembakau di Kelantan sehingga tahun 2000.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah Program Penyusunan Semula Industri Tembakau, Program Penanam Pengawet yang dipanggil sebagai Penanam Pengawet Individu (PPI) telah pun diwujudkan. Melalui program ini kerajaan bercadang untuk memajukan seramai 3,000 PPI menjelang tahun 2003. Ini adalah merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk membolehkan industri tembakau berdaya maju dan dapat bersaing di pasaran

terbuka selepas pelaksanaan pasaran bebas di bawah CEPT atau AFTA menjelang tahun 2010. Walau bagaimanapun, selepas tahun 2003, bilangan PPI ini akan dikaji semula bergantung kepada prestasi pengeluaran PPI, permintaan sebenar tembakau, keupayaan pengawet-pengawet telah disusun semula, harga tembakau di pasaran bebas dan kos pengeluaran yang dicapai.

Mereka yang dipilih untuk menjadi PPI adalah dari kalangan penanam-penanam tembakau yang telah memenuhi kriteria-kriteria tertentu termasuk juga dari mereka yang dikategorikan sebagai rakyat termiskin di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Oleh itu di dalam pemilihan PPI ini tidak dihadkan secara khusus bilangan peserta dari PPRT.

- (b) Jumlah kuota daun tembakau yang diagihkan setiap tahun untuk negeri Kelantan ialah dalam anggaran 60% daripada keseluruhan kuota. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kuota daun tembakau kering yang diagihkan kepada negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 1999 ialah sebanyak 71.18 juta kilogram iaitu 59.4% daripada 119.8 juta kilogram iaitu jumlah keseluruhan kuota pengeluaran. Manakala pengeluaran sebenar daun tembakau kering pula bagi negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 1999 ialah 62.83 juta kilogram iaitu 63.8% daripada 98.5 juta kilogram iaitu jumlah keseluruhan pengeluaran sebenar. Manakala bagi tahun 2000 pula kuota daun tembakau kering untuk negeri Kelantan ialah 9.27 juta kilogram iaitu 64% daripada keseluruhan kuota berjumlah 14.52 juta kilogram.

Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tujuan kita bercucuk tanam ini ialah untuk menentukan penanam mendapat pendapatan. Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan kerana ini merupakan projek PPRT dan sebagainya, apakah pulangan yang kita dapat daripada setiap hektar

atas tanaman tembakau ini dan kerana ianya kebanyakan di tanam di negeri Kelantan. Saya juga ingin tahu dari segi hukumnya penanaman tembakau ini digunakan khusus untuk menjadikan rokok dan rokok ini kalau kita dari segi hukumnya kalau kita menghisap rokok, membazirkan wang dan sebagainya ada hukumnya juga.

Jadi, penanaman ini kebanyakannya di negeri Kelantan yang kini dikuasai oleh PAS yang mati-mati hendak menegakkan cara Islam. Jadi, saya hendak tanya juga..., jadi ada dua perkara dalam soalan ini, ia berkait-kait. Adakah ianya dari segi hukum boleh kita teruskan atau kita hendak menamatkan tanaman tembakau ini dan gunakan tanaman lain yang lebih sesuai dan tidak memudaratkan kesihatan orang ramai.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang diPertua, untuk menjawab soalan tentang hukum. Saya kurang arif tentang hukum. Saya berharap bahawa Kerajaan Kelantan akan dapat menjawab soalan ini bagi Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, sekiranya diperlukan saya juga boleh bertanya kepada alim ulama kita tentang hukum dan tentang penggalakan tanaman tembakau terutama sekali di negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat bahawa usaha menanam tembakau ini di antara terbesarnya ialah di Kelantan dan keluasan tanaman daripada segi hectered nya ialah 13,274 hektar. Oleh itu industri tembakau ini adalah penting di negeri Kelantan dan juga Terengganu dan negeri-negeri lain-lainnya.

Walau bagaimanapun, pendapatan purata penanam pengawet tembakau ialah sebanyak RM26,000 setahun dan kini kerajaan telah pun membuat beberapa langkah untuk membantu mereka supaya dapat meningkatkan lagi pendapatan mereka dan kerajaan juga dan Kementerian Perusahaan Utama juga bimbang, oleh kerana kos pengeluaran daun kering di bawah sistem pengawet begitu tinggi sekali iaitu RM12.70 sekilogram dan kalau dibandingkan pengeluaran di negara-negara ASEAN yang lain adalah di antara RM4 hingga RM6 sekilogram dan kementerian kita telah pun mengusahakan beberapa langkah-langkah untuk meningkatkan lagi produktiviti mereka daripada segi modern mechanization, daripada segi benih dan berbagai lagi usaha-usaha yang telah kita lakukan. Kita berharap pula pada tahun 2003 kita akan mengkaji semula dan pada 2010 apabila CEPT dan AFTA ini iaitu ASEAN free trade area yang akan dikenakan bahawa industri tembakau ini kita akan bersedia menghadapi masalah-masalah atau cabaran yang akan kita hadapi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sewaktu saya belajar, guru saya cakap makruh hisap rokokkan. Makruh jika hisap tetapi kalau orang Islam tidak hisap lagi bagus. Tetapi orang bukan Islam yang hisap banyak ya.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tidak payah rujuklah kepada ulama.

3. **Tuan N. Marimuthu** minta Kementerian Kewangan menyatakan mengenai jumlah lesen pengurup wang yang dikeluarkan semenjak tahun 1995. Apakah prosedur dan kelayakan untuk mendapat lesen pengurup wang tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, setakat 12 April 2000 sebanyak 460 lesen pengurup wang telah dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Syarat kelayakan untuk memohon lesen pengurupan wang seperti yang termaktub di bawah Akta Pengurupan Wang 1998 iaitu:

- (i) pemohon adalah sebuah syarikat berdaftar;
- (ii) mempunyai modal syer berbayar minimum, tidak terjejas oleh kerugian sebanyak RM100 ribu; atau
- (iii) apa-apa amaun lain yang boleh ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Walau bagaimanapun, faktor-faktor lain yang diutamakan dalam menimbang sesuatu permohonan ialah:

- (i) pemohon hendaklah menjadikan perniagaan pengurupan wang sebagai perniagaan utamanya;
- (ii) pemilikan syer oleh bukan pemastautin di dalam syarikat hendaklah tidak melebihi 30% dari jumlah syer berbayar;
- (iii) sama ada terdapat permintaan terhadap perkhidmatan pengurupan wang di sesuatu lokasi yang dipohon; dan
- (iv) bilangan pengurup wang berlesen yang sedia ada di kawasan lokasi yang dipohon.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

4. **Datuk Long bin Jidin** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pemilikan pelantar dan hasil yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat pengeluar minyak yang

beroperasi di Malaysia dan mengikut unjurannya, sehingga bilakah hasil minyak mampu dikeluarkan oleh negara kita pada kadar sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga bulan Januari 2000 jumlah pelantar yang dipasang di perairan negara adalah berjumlah 231 buah. Kebanyakannya adalah dimiliki oleh tiga syarikat kontraktor perkongsian. Pengeluaran minyak pada tahun 1999 adalah berjumlah kira-kira 252.6 juta tong atau purata 630,000 tong sehari. Sementara pengeluaran gas berjumlah kira-kira 1,599 bilion kaki padu.

Berdasar daripada jumlah rizab minyak sebanyak 36,003 bilion tong dan pada pengeluaran harian semasa, pengeluaran minyak dijangka mampu diteruskan untuk selama 15 tahun. Rizab gas pula mampu bertahan sehingga 40 hingga 50 tahun.

5. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan peratusan pengangguran di kalangan siswazah mengikut bidang pengkhususan pada masa kini dan apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah pengangguran siswazah.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Suku Tahun Keempat 1999 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sebanyak 14.2% daripada jumlah penganggur iaitu kira-kira 39,200 orang mempunyai pencapaian pendidikan pada tahap tertiary. Dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini pula didapati seramai 4,086 orang golongan profesional yang mempunyai kelayakan diploma, ijazah atau setaraf dengannya telah mendaftar di Jabatan Tenaga Rakyat di bawah kementerian untuk mendapat pekerjaan. Pendaftar-pendaftar ini tidak bermakna mereka tidak bekerja.

Kementerian Sumber Manusia telah mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah. Antara tindakan-tindakan tersebut ialah:

- (i) mempertingkatkan aktiviti pendaftaran siswazah yang menganggur supaya mereka dapat ditempatkan dalam jawatan kosong;

- (ii) mempertingkatkan aktiviti lawatan ke syarikat-syarikat untuk mendapatkan maklumat mengenai jawatan kosong yang wujud;
- (iii) membolehkan pendaftaran secara on-line iaitu melalui Internet; dan
- (iv) menyebarkan maklumat pasaran buruh dengan lebih kerap dan meluas supaya siswazah-siswazah mengetahui peluang pekerjaan di pasaran buruh.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kumpulan siswazah adalah kumpulan yang terpelajar dan sepatutnya lebih termaklum akan peluang-peluang pekerjaan kerana di dalam negara kita maklumat-maklumat berkenaan dengan pekerjaan senang didapati melalui media massa, iklan dan juga senarai yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Perkembangan ekonomi sekarang sudah banyak mengadakan peluang-peluang pekerjaan. Apa yang perlu ialah siswazah bersedia tidak banyak memilih dan sanggup bekerja di mana-mana sahaja.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita mengetahui bahawa keadaan ekonomi telah pulih dan peluang-peluang pekerjaan juga bertambah.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kita juga tahu banyak syarikat yang gulung tikar, bantal mereka dan menutup pintu dan jatuh muflis seperti mana yang berlaku di Pulau Pinang, di Apply Mathematics seramai 2,400 tenaga pekerja telah ditamatkan. Begitu juga di Cheras.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di mana MTEN, Kabinet telah pun bersetuju untuk melaksanakan Skim Penamatan Perkhidmatan dalam bahasa Inggerisnya National Retrenchment Scheme – sumbangan RM1 majikan, RM1 pekerja.

Saya hendak tahu bilakah kerajaan bercadang untuk melaksanakannya. Sekurang-kurangnya kalau dana ini diwujudkan, mereka yang terlibat akan dapat diberi pembayaran pampasan jika sekiranya syarikat tersebut lari, gulung tikar, bantal, tutup pintu, jatuh muflis dan sebagainya Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak boleh dinafikan dalam proses Malaysia maju ke bidang teknologi yang tinggi ada banyak

kilang yang masih beroperasi di tahap teknologi yang rendah, oleh kerana mereka tidak mengikuti pengaliran perubahan teknologi ini akibatnya mereka harus ditutup.

Namun demikian, ada banyak kilang lain yang beroperasi, yang akan mula beroperasi dan juga akan memperluaskan lagi aktiviti mereka dan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan senang mendapat pekerjaan.

Kementerian Sumber Manusia dalam proses kita memberi bantuan kepada pekerja-pekerja yang terjejas, Kementerian Sumber Manusia telah sediakan satu tabung khas sejak tahun 1997 untuk memberi latihan semula kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan dari segi pekerjaan. Tentang cadangan MTEN memang segala cadangan MTEN itu akan diberi kajian teliti oleh Kabinet dan saya yakin bahawa apabila kajian itu dikemukakan, kerajaan akan beri dia satu pertimbangan sewajarnya. Dari segi Kementerian Sumber Manusia, kami akan terus memberi segala bantuan dan sokongan yang perlu dengan tabung-tabung yang sedia ada di bawah Kementerian Sumber Manusia supaya kita boleh memberi pertolongan dari segi latihan semula, dari segi bantuan dan sebagainya supaya pekerja-pekerja yang terjejas senang sahaja mereka mendapat pekerjaan yang baru ini.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, siapa yang sebenarnya membuat unjuran dari segi keperluan pekerja-pekerja dalam dekad yang terdekat ini. Bermaknanya tahun 2000 sampai 2010, kementerian mana yang buat unjuran, keperluan negara dari segi tenaga manusia, adakah Kementerian Sumber Manusia kerana kita takut ada miss-match, dengan izin, antara supply dan demand di dalam kita menghadapi cabaran-cabaran globalisasi, liberalisasi, k-ekonomi dan sebagainya banyak sangat perubahan-perubahan struktur yang berlaku.

Jadi, saya ingin tahu adakah Kementerian Sumber Manusia membuat unjuran 10 tahun akan datang berapa jurutera, berapa akauntan, berapa yang diperlukan untuk menampung keperluan negara atau kementerian mana yang buat?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang kemukakan satu soalan yang agak baik kerana dari segi perancangan, keperluan tenaga manusia merupakan satu persoalan utama akan menentukan bahawa bagaimana Malaysia akan mencapai objektif-objektif yang kami sudah tentukan.

Dari segi perancangan ini angka-angka ini dari segi keperluan tenaga manusia itu dibuat oleh satu agensi bersama yang dipertanggungjawab oleh EPU, MAMPU dan juga Kementerian Sumber Manusia dan pejabat-pejabat yang lain seperti Jabatan Perangkaan dan sebagainya dan semua rangka yang telah ditentukan itu telah diterbitkan dalam dokumen yang berkenaan Rancangan Pembangunan Kelima, Keenam, Ketujuh dan sebagainya. Semua itu tergantung dalam dokumen rancangan tersebut ini dan dari segi kemaskinikan jawatankuasa tersebut selalunya berbincang supaya segala perubahan yang akan menjejaskan keperluan akan dibuat dan kita boleh mengemaskinikan dari segi keperluannya.

6. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, adakah benar kementeriannya akan mengadakan tulisan Bahasa Cina di papan petunjuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur selain dari tulisan Bahasa Malaysia, Inggeris dan Jepun dan jikalau benar, bilakah tindakan ini akan dilaksanakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan ahli-ahli yang di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan tidak ada cadangan pada masa kini untuk mengadakan tulisan bahasa Cina di papan-papan penunjuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur selain dari bahasa-bahasa Malaysia, Inggeris dan Jepun yang digunakan sekarang.

7. **Hajah Che Jam binti Harun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, memandangkan sejak tahun 1996 hingga 1999 sebanyak 772 persatuan belia telah dibatalkan pendaftarannya atas berbagai alasan dan sebab apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengatasi perkara ini daripada menjadi lebih runcing.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 65% pertubuhan belia yang dibatalkan di bawah Seksyen 14 Akta Pertubuhan 1966 adalah kerana kegagalan menghantar penyata tahunan.

Jabatan Pendaftar Pertubuhan telah memberi masa yang mencukupi bagi setiap pertubuhan untuk memenuhi kehendak akta sebelum ianya dibatalkan. Jika pertubuhan tidak menghantar penyata tahunan ia akan dikenakan notis di bawah Seksyen 14(2) supaya berbuat demikian dalam tempoh 30 hari dan pertubuhan boleh

memohon untuk lanjutan masa daripada pendaftar untuk memenuhi kehendak-kehendak notis itu.

Jika mereka masih enggan memenuhi kehendak notis itu, pertubuhan itu akan dibubar sementara mengikut Seksyen 14(5). Selepas 30 hari ia akan terbatal dengan sendiri dan jabatan akan mengambil tindakan membatalkan di bawah Seksyen 13(1)(d).

Tanggungjawab mengurus pertubuhan adalah terletak kepada jawatankuasa pertubuhan itu sendiri yang dipilih dan diamanahkan oleh ahli-ahli pertubuhan. Pengurusannya hendaklah mengikut undang-undang berdaftar. Walaupun demikian, pertubuhan-pertubuhan belia sentiasa dinasihatkan supaya mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan di negeri-negeri masing-masing. Pegawai-pegawai pertubuhan secara berterusan memberi ceramah-ceramah, taklimat dan penerangan mengenai bagaimana caranya menguruskan sebuah pertubuhan dengan sebaik-baiknya. Dari masa ke semasa Jabatan Pendaftaran Pertubuhan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan menjalankan kursus-kursus serta taklimat dan dialog di peringkat negeri kepada pertubuhan-pertubuhan belia sebagai langkah meningkatkan kefahaman pengurusan pertubuhan.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua soalan saya, sebagaimana yang telah kita dengar tadi, sebanyak 772 persatuan belia telah dibatalkan pendaftarannya. Ini adalah satu perkara yang mendukacitakan kita kerana sebagaimana yang kita tahu, belia merupakan pelapis kita dan banyak masalah antisosial yang dilibatkan oleh belia-belia ini dan saya rasa ini adalah kerana persatuan belia ini sendiri kurang aktif. Dan apakah langkah kementerian untuk perkasakan persatuan-persatuan belia ini supaya mereka ini dapat bergerak aktif dan turut memajukan diri dan masyarakat dan ini sekaligus boleh mengurangkan masalah-masalah seperti dadah dan lain-lain kegiatan antisosial.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditimbulkan ialah permasalahan yang terdapat dalam gerakan dan aktiviti persatuan belia. Saya rasa soalan ini perlu dikemukakan kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Walau bagaimanapun, saya percaya bahawa Kementerian Belia dan Sukan serta kementerian saya sendiri, Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi teguran dan cara-cara bimbingan yang perlu dijalankan oleh persatuan-persatuan belia ini dan saya percaya semua rakyat mengetahui bahawa Kementerian Belia dan Sukan mengadakan banyak kemudahan di dalam negara kita ini dan terpujanglah kepada

persatuan-persatuan ini untuk mengikuti rancangan yang telah disusun ataupun mengemaskini pertubuhan yang telah mereka tubuhan dengan nasihat dan bimbingan yang diberi oleh pegawai-pegawai di dalam kementerian dan jabatan masing-masing.

8. **Dato' Lee Pit Chern** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kes penderaan pembantu rumah asing oleh majikan tempatan yang dilaporkan kepada pihak polis pada tahun 1999 dan juga berapakah jumlah kes penderaan ahli-ahli keluarga majikan tempatan oleh pembantu rumah asing yang dilaporkan oleh majikan tempatan kepada pihak polis pada tahun yang sama; dan
- (b) bagi kes-kes penderaan pembantu rumah asing, Jabatan manakah yang bertanggungjawab menyiasat dan menangani kes tersebut, Jabatan Imigresen atau Jabatan Polis.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes penderaan pembantu rumah asing oleh majikan tempatan yang dilaporkan kepada pihak polis pada tahun 1999 adalah sebanyak 14 kes. Sementara itu, jumlah kes penderaan ahli-ahli keluarga majikan tempatan oleh pembantu rumah asing bagi tahun yang sama adalah sebanyak satu kes.

Di dalam pada itu, terdapat sejumlah 46 kes kecurian harta benda majikan oleh pembantu rumah asing di dalam tahun berkenaan. Jabatan yang bertanggungjawab di dalam mengendalikan siasatan mengenai kes penderaan pembantu rumah asing adalah Polis Diraja Malaysia dengan dibantu oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

**Datuk Tee Thiong Hock:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan statistik yang kita telah diberitahu hanya ada 15 kes sahaja tahun lepas. Kes-kes ini yang kita baca dalam surat khabar nampaknya ada satu punca ataupun satu manifestation yang common, dengan izin, kebanyakan adalah strain relationship between employer and employee result in violence, dengan izin, nampaknya kes ini jadi satu isu human relation. Walaupun jumlah kes tidak banyak tetapi pihak imigresen oleh kerana ingin mengatasi masalah ini telah impose regulation across the board kepada tiap-tiap majikan yang menggunakan pembantu rumah asing. Jadi, adakah ini adil, adakah ini satu situasi yang kita over react kerana statistic yang berbangkit hanya 15 orang sahaja.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab persoalan ini, peraturan yang dikatakan sebagai over board ataupun agak berlebihan adalah satu andaian yang saya percaya ianya tidak seimbang dengan perkara yang berlaku. Kita jangan mengandaikan bahawa 14 ataupun 16 kes itu adalah terlalu kecil kalau kita bandingkan dengan masyarakat ataupun rakyat kita menggunakan tenaga pembantu rumah di seluruh negara. Tetapi bagi kerajaan kita menganggap penderaan ini walaupun satu, ianya merupakan satu gejala yang tidak sihat. Kalau tahun 1999 terdapat 14 dan tambahan satu lagi merupakan dia nggap kecil tetapi saya yakin kalau tindakan tidak dibuat oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri bagi melindungi pekerja-pekerja asing ini, bukan sahaja bahawa kita akan menghadapi satu budaya penindasan oleh majikan-majikan yang tidak berperikemanusiaan, bahkan kita akan mendedahkan imej negara kita sebagai sebuah negara yang tidak membela pekerja-pekerja di dalam negara kita sendiri. Kerajaan Barisan Nasional mengambil tanggungjawab di semua peringkat untuk melihat yang kaya dan yang miskin dipelihara dan diperhatikan.

9. **Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan taraf semua Sekolah-sekolah Teknik kepada Institut yang menawarkan kursus bertaraf diploma memandangkan ITM telah pun ditingkatkan kepada taraf universiti (UiTM).

**Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk meningkatkan taraf sekolah menengah teknik kepada institut. Ini adalah kerana matlamat utama penubuhan sekolah menengah teknik adalah untuk menawarkan pendidikan teknikal di peringkat sekolah menengah atas khususnya untuk para pelajar lepasan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Untuk makluman, walaupun Universiti Teknologi MARA berstatus universiti sekarang ini, sekurang-kurangnya 70% daripada pelajarannya dimestikan mengikuti kursus diploma.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada sekolah-sekolah vokasional dahulunya kini telah dinaikkan taraf kepada sekolah menengah teknik. Ini kita ucapkan tahniah kerana peningkatan dari segi teknikal keperluan negara. Dengan ini juga bermakna dinaikkan taraf kemasukan, kelayakan anak-anak ini untuk masuk ke sekolah menengah teknik. Soalan saya,

bagaimana dengan anak-anak yang kurang pencapaian akademik yang dahulunya mereka masuk ke sekolah vokasional, sedangkan ada sekolah-sekolah ini yang telah dinaikkan taraf. Jadi, kita ingin tahu, kita takut anak-anak ini tidak ada peluang belajar melanjutkan pelajaran. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dasar untuk meningkatkan sekolah vokasional kepada sekolah teknik ini telah diubahsuai semula supaya kita menampung keperluan bagi pelajar-pelajar yang ramai yang mahukan pendidikan vokasional. Selain daripada itu, sekolah-sekolah biasa juga sekarang akan diberikan kemudahan untuk menampung keperluan dalam bidang vokasional. Dengan cara begitu, kita akan dapat menampung jumlah ramai yang tidak memperoleh kelayakan untuk masuk sekolah teknik.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak tahu apakah term of reference Lembaga Akreditasi Negara (National Accreditation Board), baru-baru ini saya telah mendengar Lembaga Akreditasi Negara (LAN) ada mengeluarkan satu circular melarang kursus-kursus baru oleh badan profesional dan bukan profesional bagi negara ini. Adakah LAN satu badan akreditasi atau badan yang akan menyatukan dasar pendidikan Malaysia. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini lari dari tajuk soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin. Walau bagaimanapun, oleh kerana perkara ini dibangkitkan, saya akan cuba menjawabnya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya, Lembaga Akreditasi Negara adalah ditubuhkan bertujuan untuk menjalankan kerja-kerja akreditasi, iaitu kerja-kerja untuk menilai mutu pendidikan khususnya pendidikan institusi pengajian tinggi swasta. Jadi, soal ia menjadi badan menentukan dasar kependidikan negara tidak timbul sama sekali. Saya tidak tahu tentang circular yang dikeluarkan oleh LAN itu, mungkin apabila saya kembali ke kementerian nanti saya akan meninjaunya sama ada ada circular itu ataupun tidak.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada di sini satu pekeling dari Lembaga Akreditasi Negara. Mungkin menteri belum nampak. Circular itu melarang kursus-kursus baru oleh semua badan profesional di Malaysia. Pekeling itu berkuat kuasa mulai 1 Januari 2000. Kerana circular itu.....saya ingin

tahu badan akreditasi ini yang mana patut akreditasi tentang dasar polisi Malaysia atau confining itself, dengan izin, to accreditation itself. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meninjau circular itu dan membacanya daripada mula hingga ke akhir untuk mengetahui apa maksud sebenarnya. Jikalau cuma secara sinopsis, begitu sukar bagi saya untuk memberi jawapan. Jadi, saya janji akan meninjaukannya dan akan memberi jawapan bertulis sekiranya diperlukan.

10. **Dato' Charern Intachat** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah banci bilangan penduduk-penduduk di Malaysia akan diambil semula dan dapatkah pada kali ini jumlah bilangan tiap-tiap kaum minoriti di negara ini ditentukan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, pengambilan banci penduduk dan perumahan Malaysia akan dilaksanakan dalam tempoh di antara 5 Julai sehingga 20 Julai 2000 dengan 5 Julai 2000 ditetapkan sebagai tarikh rujukan. Semua penduduk dalam negara ini akan diliputi. Salah satu maklumat yang dikutip dari banci ialah berkaitan kumpulan etnik. Dengan demikian, jumlah bilangan penduduk mengikut kumpulan etnik akan dapat diperolehi.

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kriteria atau definisi yang digunakan oleh Jabatan Perangkaan bagi sesuatu kaum yang dianggap sebagai kaum minoriti di negara ini?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat tadi. Dari segi bancian yang kita akan jalankan kita tidak ada mentafsirkan sesuatu kumpulan sebagai minoriti atau tidak. Yang sebenarnya kita akan mengutip segala maklumat mengenai penduduk Malaysia. Jadi, semua kumpulan etnik yang duduk di Malaysia ini akan dimasukkan dalam banci ini, maka kita akan tahu ada beberapa penduduk dalam satu kumpulan etnik tersebut.

11. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bagaimanakah kualiti udara di bandar-bandar utama negara ini terutamanya di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru. Adakah kualiti udara kini telah bertambah baik. Jika tidak, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan kualiti udara di bandar-bandar Malaysia.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada amnya kualiti udara di seluruh negara pada masa ini termasuk di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru berada pada tahap yang baik dan pada kebanyakan masa, kecuali pada masa-masa tertentu terutamanya di musim kering keadaan mungkin berada pada tahap sederhana.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar sentiasa mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan kualiti udara di bandar-bandar, di antara tindakan yang telah diambil ialah:

- (i) meningkatkan kesedaran orang ramai ke atas kepentingan penjagaan kualiti udara;
- (ii) meningkatkan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran termasuklah punca pencemaran udara seperti asap dan buangan sisa berjadual daripada industri, asap kenderaan dan juga pembakaran terbuka; dan
- (iii) memastikan aspek-aspek kawalan pencemaran diambil kira dalam melaksanakan projek-projek pembangunan.

Selain daripada itu, untuk makluman Yang Berhormat, tindakan kerajaan dalam mengurangkan kandungan plumbum di dalam minyak petrol juga telah menunjukkan kesan yang amat positif yang mana telah menyebabkan pengurangan kandungan plumbum yang amat ketara di dalam ruang udara terutamanya di bandar-bandar utama semenjak penguatkuasaannya.

**Datuk Tee Thiong Hock:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kejadian bush fire yang kita telah baca di surat khabar lebih kurang 20 tempat terjadi hari Sabtu atau Sunday yang lepas di negeri Selangor. Saya nampak sendiri dekat KLIA juga puncanya hanya kerana musim kering ataupun ada possibility of sabota ge dan juga saya tanya ini kerana pada satu masa saya participate dalam satu function di Kuala Selangor, pada hari itu juga, pada masa saya sampai tidak ada open bush fire, tetapi selepas dua jam nampak padang semua terbakar. Jadi, saya mahu tanya di sini bila kita nampak bush fire adakah kerana musim kemarau (dry season) ataupun ada anasir-anasir subversif yang buat perkara jahat itu. Terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kejadian bush fire ini boleh terjadi dengan sengaja dan boleh jadi dengan tidak sengaja kerana kadang-kadang ada musim kemarau atau musim panas ada orang ramai yang kadang-kadang dengan tidak sengaja mencampakkan puntung rokok di tepi-tepi jalan yang boleh menyebabkan punca kebakaran berlaku seperti yang berlaku di kawasan hutan simpan ataupun hutan-hutan rizab seperti kawasan KLIA dan sebagainya. Mengenai kejadian yang berlaku di Kuala Selangor, kita memang ada mengesyaki bahawa ini adalah perbuatan sabotaj. Terima kasih.

12. **Tuan Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah kesan amaran halus kenyataan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini terhadap mereka yang lebih terdedah kepada bahan-bahan siaran berita dan hiburan luar negeri melalui Astro. Sehubungan itu, adakah pihak kerajaan akan mengambil langkah menggubal undang-undang tertentu bagi menangani isu berkenaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan adalah untuk meningkatkan kandungan tempatan yang disiarkan melalui saluran-saluran televisyen tempatan. Syarikat-syarikat penyiaran termasuk Astro telah menerima hakikat ini dan sedang berusaha untuk menambahkan kandungan tempatan yang disiarkan.

Sejak perkhidmatan Astro diperkenalkan, Astro telah mencapai kemajuan dalam usaha-usahanya untuk meningkatkan kandungan tempatan dalam siaran-siarannya. Kandungan tempatan yang disiarkan melalui Astro Ria kini telah pun melebihi 80%. Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal undang-undang khusus untuk menangani isu tersebut. Terima kasih.

13. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan mengapakah sebahagian besar penerima bantuan am kemasyarakatan di Terengganu tidak menerima dengan sepenuhnya bantuan bulanan dan apakah benar dakwaan kerajaan negeri Terengganu (PAS) bahawa bantuan tidak dapat diberikan kerana tidak dapat bantuan daripada Kerajaan Pusat (BN).

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafe]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat khususnya Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia mengamalkan konsep masyarakat penyayang dan sentiasa

prihatin kepada rakyatnya yang susah, tidak bernasib baik, berpendapatan rendah dan miskin. Golongan-golongan tersebut diberikan bantuan berdasarkan kepada kelayakan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dengan tidak mengira bangsa, agama dan fahaman politik yang dianuti oleh individu tersebut. Oleh itu, dakwaan pihak pembangkang yang menyatakan bahawa bantuan tidak diberikan oleh Kerajaan Pusat adalah tidak benar sama sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Soalan-soalan Lisan sudah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 28 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

#### **PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

#### **UCAPAN TAKZIAH ATAS KEMBALINYA KE RAHMATULLAH ALLAHYARHAM TAN SRI ISMAIL KHAN, BEKAS TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita dan sedih di atas kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tan Sri Ismail Khan, bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara pada hari ini Selasa, 18 April 2000. Allahyarham pernah dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dari 5 Januari 1981 hingga 13 April 1985. Saya bagi pihak Majlis Dewan Negara mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Bagi memperingati Allahyarham, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam menghadahkan Al-Fatehah kepada roh Allahyarham dan yang bukan beragama Islam bertafakur selama satu minit.

*[Majlis bertafakur selama satu minit]*

**USUL****MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesepuluh”. *[17 April 2000]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato’ Dr. Chin Fook Weng, sila sambung ucapan **11.00 pagi**

**Dato’ Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, semalam dalam ucapan saya, saya telah menyentuh tentang begitu penting kita semua memerangi segala bentuk fahaman sempit perkauman dan keagamaan seperti di dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu dan juga saya telah menyentuh tentang begitu pentingnya perpaduan diadakan di negara kita supaya kita dapat mencapai apa yang diharapkan sebagai satu negara maju moden dan berkebolehan. Hari ini saya akan meneruskan dengan dua lagi perkara yang saya anggap begitu penting. Di dalam ucapan Tuanku itu ada disebutkan bahawa kita perlu memodenkan sistem pengangkutan negara kita. Di banyak bandar khususnya di bandar-bandar yang besar seperti Pulau Pinang, masalah lalu lintas itu sudah menjadi satu perkara yang menyusahkan semua penduduk.

Oleh kerana itu langkah-langkah untuk memodenkan pengangkutan awam itu harus diadakan dan harus digalakkan, tetapi masalahnya ialah sungguhpun ada pihak-pihak tertentu yang ingin melabur dalam sektor ini tetapi undang-undang yang ada pada ketika ini telah banyak menghalang usaha-usaha ini. Sebagai contoh, saya berikan usaha kerajaan negeri untuk mengadakan satu bas bandaraya yang percuma tetapi selepas perbincangan dengan pihak Lembaga Perlesenan maka lesen tidak

dapat dikeluarkan bagi kerajaan menganjurkan satu perkhidmatan bas ini. Bagaimana kita dapat memodenkan kalau agensi kerajaan pun tidak mendapat sokongan daripada satu lagi agensi kerajaan.

Kalau kita betul-betul ingin memodenkan sistem pengangkutan ini maka semua pihak harus bekerjasama, mungkin kita perlu lihat dari segi perundangan. Saya dapati adalah lebih baik kalau masalah-masalah pengangkutan awam di sesuatu tempat itu dikuasakan kepada pihak tempatan untuk mengatasinya dan segala kementerian yang ada penglibatan dalam sektor ini boleh masuk sebagai penasihat supaya satu sistem yang berintegrasi, satu sistem yang moden dan satu sistem yang boleh menampung keperluan penduduk itu dapat kita wujudkan.

Di dalam ucapan itu juga ada menyebut tentang tenaga pekerja khususnya di dalam sektor perkhidmatan. DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyeru supaya kita dapat meningkatkan kecekapan, kemahiran dan kepakaran dalam sektor perkhidmatan ini, memandangkan sektor ini akan membantu negara kita maju ke hadapan. Bagi saya apa yang penting dalam hal kecekapan, kemahiran dan kepakaran ini ialah supaya dasar-dasar yang ada, supaya prosedur-prosedur yang ada, supaya amalan-amalan yang ada itu adalah jelas, adalah terang dan adalah *transparent* supaya semua pihak itu akan memahaminya dengan baik. Dengan berbuat demikian maka bukan sahaja kita akan mencapai hasrat itu tetapi kita juga dapat mengurangkan peluang-peluang penyelewengan yang mungkin berlaku kalau ini tidak dikawal dengan baik.

Apa yang mustahak semasa kita maju ke hadapan ialah pandangan-pandangan pelanggan kita dalam sektor ini khususnya kepada servis-servis yang dianjurkan itu atau yang diberikan itu. Dalam banyak aspek permohonan, saya difahamkan kelambatan sama ada disengajakan atau tidak disengajakan oleh kerana proses itu memerlukan satu masa yang begitu panjang telah menimbulkan banyak masalah dan untuk mengatasi ini pihak-pihak tertentu telah menggunakan cara-cara yang tidak diingini.

Oleh kerana itu proses itu akan menggalakkan satu yang tidak baik dan untuk mengatasi ini adalah baik kalau semua pihak itu mengkaji semula prosedur-prosedur mereka untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dan juga untuk memastikan semua itu diumumkan terus kepada pelanggan-pelanggan terlibat, supaya mereka memahaminya, supaya mereka tahu apa yang dapat mereka buat dan juga apa yang

mereka tidak dapat mengatasi, supaya satu sistem dapat diwujudkan di mana sistem itu akan dianggap sebagai user-friendly.

Kalau semua perkara ini diberi perhatian, saya percaya masa depan sistem yang ada dalam negara kita, sektor-sektor yang ada di dalam negara kita semua turut akan membantu negara kita mencapai tujuan-tujuan yang diharapkan dan juga hasrat-hasrat yang diharapkan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong ucapan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Encik Zainal.

### **11.10 pagi**

**Tuan Zainal bin Rampak:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara yang saya kasihi sekalian, alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah s.w.t kerana di atas limpah kurniaNya maka saya telah dapat bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan Negara yang saya kasihi sekalian di Dewan yang mulia ini.

Di kesempatan ini izinkan Tuan Yang di-Pertua merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdul Aziz Shah di atas perkenan Baginda mencemar duli bagi membuka Dewan sidang Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kesepuluh dan seterusnya menyampaikan titah ucapan Baginda yang saya kira begitu mendalam dan penuh bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan titah ucapan Baginda negara kita telah berjaya keluar dari belunggu kegawatan ekonomi yang melanda semenjak tiga tahun yang lepas. Keadaan ini dibuktikan dengan peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang mencecah pertumbuhan 5.4% berbanding unjuran pertumbuhan 4.3% bagi keseluruhan tahun 1999. Di samping itu gred penarafan kegawatan Malaysia yang diberikan oleh agensi penarafan antarabangsa seperti Merrill Lynch dan Standard and Poors dan Morgan Stanley pada akhir 1999, awal tahun 2000 adalah tersangat baik berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata dari kenyataan ini sungguh membanggakan dan mengembirakan rakyat jelata terutama sekali kaum pekerja yang berpendapatan rendah dan sederhana kerana ia menjanjikan suatu kehidupan yang lebih selesa dan

sempurna kepada mereka di masa-masa yang akan datang. Perkembangan ekonomi negara yang sungguh menggalakkan ini terhasil dari kestabilan politik serta komitmen kerajaan terhadap penstrukturan semula di samping dasar-dasar ekonomi dan kewangan yang mantap dan pragmatik seperti memperkemaskan sistem pentadbiran negara, sektor-sektor perbankan, perkhidmatan dan penumpuan kepada industri domestik, yakni Industri Kecil dan Sederhana.

Dalam pada itu inflasi yang rendah, keadaan pasaran buruh yang memuaskan, lebih dagangan berterusan, rizab antarabangsa yang kukuh dan hutang luar yang rendah memperkukuhkan lagi perkembangan ekonomi negara. Kesemuanya ini Tuan Yang di-Pertua, menyakinkan para pelabur asing untuk terus datang menanam modal di negara kita di samping adanya kehormatan perhubungan perusahaan di antara majikan dan pekerja yang merupakan teras kepada kestabilan ekonomi negara kita.

Seperti mana yang kita ketahui, Tuan Yang di-Pertua, kedatangan lebih banyak pelabur asing akan mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan di negara kita. Justeru itu, saya berharap agar para pelabur asing akan menggunakan sepenuhnya pekerja tempatan dan bukan hanya mencari pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk ke negara kita dengan membayar gaji yang setimpal dan selaras dengan kos sara hidup di negara kita ini, yang mana kian hari kian meningkat setiap masa. Mereka sudah mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, iaitu pelabur-pelabur asing bahawa pekerja-pekerja negara ini berpengetahuan tinggi, mahir sangat produktif berbanding dengan negara-negara serantau Asia Tenggara yang lain, yang boleh memberikan perkhidmatan yang sangat baik kepada syarikat-syarikat pelabur asing yang melabur modal mereka ke dalam negara kita.

Kenyataan ini telah terbukti, Tuan Yang di-Pertua, semenjak bertahun-tahun kebelakangan ini. Kaum pekerja pasti akan lebih bersemangat untuk bekerja sekiranya syarikat menghormati syarikat-syarikat pelabur asing, menghormati undang-undang buruh dan mengiktiraf hak asasi kaum pekerja untuk kebebasan berserikat misalnya dan perundingan bersama, *politic bargaining*, dengan izin dan mempunyai sikap *profit sharing oriented*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan tidak meninggalkan negara ini tanpa membayar pampasan perkhidmatan kepada pekerja-pekerja setelah mengaut keuntungan berjuta-juta ringgit hasil daripada pelaburan mereka bertahun-tahun di negeri ini, dan juga titik peluh yang dikeluarkan

oleh kaum pekerja yang melaburkan diri mereka terhadap syarikat-syarikat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin memetik satu kejadian yang berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini sepertimana soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri pagi tadi iaitu Syarikat Apply 'Magnetic' Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat Amerika yang telah menutup perniagaan mereka dan memberhentikan pekerja-pekerjanya selepas Hari Raya Puasa bilamana pekerja balik bekerja didapati pintu syarikat tutup dan pekerja diberitahu tidak ada peluang pekerjaan, syarikat telah tutup. Seramai 2,400 orang pekerja telah hilang pekerjaan mereka tanpa pembayaran apa-apa pun.

Jabatan Buruh telah memerintah dalam satu perbicaraan mahkamah supaya syarikat berkenaan membayar pampasan kepada pekerja-pekerjanya berjumlah RM10.4 juta termasuk tunggakan gaji, caruman KWSP dan juga PERKESO. Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, pengarah urusan syarikat tersebut telah gagal menjelaskan pampasan tersebut dan beliau telah menghilangkan diri dan dipercayai telah keluar dari negara ini. Sebelum ini, Tuan Yang di-Pertua saya telah mencadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia tetapi kadangkala saya pun merasa khawatir mengapa kementerian tidak bertindak begitu cekap dan juga Jabatan Imigresen agar passport antarabangsa pegawai dan pengarah syarikat tersebut ditahan. Get the court order, dengan izin, ditahan dan mereka tidak dibenarkan meninggalkan negara ini sehingga mereka menyelesaikan segala hak bentuk barang kepada pekerja-pekerjanya tetapi nasihat dan tindakan yang telah saya beri, surat pun saya telah tulis kepada Ketua Pengarah Buruh dan juga Menteri Sumber Manusia sendiri tetapi tidak adapun tindakan yang diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan. Akhirnya sedar-sedar apa yang telah berlaku pekerja menanggung kerugian, pekerja tidak dapat sesen pun, mereka hilang wang caruman KWSP. Saya yakin bukan sahaja sumbangan 12% majikan juga tidak dibayar, malahan caruman 11% daripada kaum pekerja juga tidak dibayar kepada KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, berdasar keadaan inilah maka MTUC pergerakan kesatuan pekerja dan saya sendiri telah mencadangkan beberapa kali supaya Skim Penamatan Perkhidmatan (SPP) dilaksanakan di negara ini, iaitu safety net, untuk memberikan perlindungan sewajarnya kepada pekerja jika sesebuah syarikat itu jatuh muflis ataupun gulung tikar bantal mereka dan cabut lari meninggalkan negara kita.

Saya telah difahamkan bahawa MTEN dan Kabinet dengan saya kira, kalau silap dan saya hendak betulkan, waktu saya berjumpa dengan Tun, saya menyatakan Kabinet juga telah meluluskan skim ini tetapi Kementerian Sumber Manusia masih lagi belum melaksanakannya dan saya telah menolong Kementerian Sumber Manusia untuk mendapatkan bantuan pakar daripada AIRO secara percuma untuk membuat kajian bagi menolong kerajaan bagi memastikan dana ini dapat dilaksanakan bagi menolong kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, skim ini hanya memerlukan sumbangan sebanyak seringggit seorang pekerja dan seringggit sumbangan dari majikan. Pekerja sanggup membuat sumbangan sepertimana yang telah saya jelaskan pada masa-masa lepas pada tiap-tiap bulan. Pada pendapat saya jumlah ini tidak besar ataupun membebankan syarikat-syarikat, pekerja juga telah bersetuju membuat pembayaran tersebut. Saya tidak nampak mengapa pihak majikan masih lagi enggan untuk menerimanya dan kalau kita hendak bersandarkan benar-benar kepada majikan, Tuan Yang di-Pertua lima sen pun majikan tidak akan bersetuju, kalau hendak tanya majikan mana-mana majikan sekalipun, oleh kerana saya ini pernah, memang selalu mengadakan rundingan, negotiate dengan mana-mana majikan, kalau negotiate lima sen hendak bercengkang mata hendak dapatkan lima sen dari majikan pun kadangkala susah, kadang-kadang kes-kes demikian terpaksa dirujuk ke mahkamah atas keputusan mahkamah. Seperti mana berlaku iaitu Kabinet telah bersetuju gaji bulan bagi pekerja-pekerja estet tetapi perundingan MAPA dan NUPW telah gagal untuk penentuan berapa gaji bulan maka menteri terpaksa merujuk kes ini ke Mahkamah Persekutuan untuk satu penyelesaian.

Adakah ini satu cara kita untuk bermuafakat, adakah ini satu cara kita untuk berunding, menyelesaikan masalah dalam suasana yang lebih mesra yang kita selalu meminta supaya wujudnya keharmonian. Pihak Kesatuan Sekerja Tuan Yang di-Pertua, memang selalu idamkan supaya keharmonian wujud dalamnya. Tuan Yang di-Pertua boleh lihat sejak empat dekad yang lepas dalam negara kita tidak ada satu nation-wide strike, dengan izin, berlaku dalam negara kita. Saya jelaskan, kalau pun ada hanya piket di sana sini waktu kelepasan masa kerja mereka, itu sekadar hendak meluahkan.....

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Minta laluan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan sedikit. Di akhir-akhir ini Kesatuan Sekerja ada

menyebutkan gaji minima sebanyak RM1,200. Kita rasa kita ingin tahu apakah kriteria penetapan ini dibuat supaya ianya lebih kita jelas sebab kita tahu sekarang ini guru yang baru-baru mengajar pun tidak sampai kepada gaji sedemikian. Jadi kalaulah gaji buruh ini ditetapkan kepada kadar yang demikian mungkin ada implikasi, jadi oleh itu kita perlu ada justifikasi dalam tuntutan ini.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Haji Gapar, sebenarnya ilham gaji RM1,200 datang dari Perdana Menteri sendiri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri waktu kami mengunjungi beliau pada 7 Ogos 1998. Waktu itu MTUC hanya mencadangkan RM600 untuk pendapatan seorang, bukan satu keluarga. Bilamana kami berjumpa dengan beliau, saya juga merasa terperanjat bilamana beliau mengatakan RM1,200 beliau mencadangkan bilamana keadaan ekonomi telah pulih.

Jadi itulah datangnya ilham RM1,200 ini dan saya bertanya kepada Perdana Menteri apakah kriterianya pula sepertimana Yang Berhormat Tuan Haji Gapar tanya saya, apa kriteria Yang Amat Berhormat gunakan? Katanya, saya bertanya kepada pemandu saya berapa perbelanjaannya sebulan, katanya dia bercerita perbelanjaan dia, perbelanjaan dapur, rumah, anak sekolah, transport, makan dan sebagainya. Kalau seseorang hendak tinggal di dalam Kuala Lumpur kurang daripada RM1,200 susah hendak hidup. Inilah datangnya bagaimana RM1,200.

Jadi dari sini MTUC bertekad supaya ianya dapat diluluskan dan kami sedang mengadakan perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Tun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita harap perkara ini akan dapat diselesaikan dan walau macam mana sekalipun soal kategori mana yang harus dibayar RM1,200 ini harus diselesaikan melalui perundingan dan besar kemungkinan satu jawatankuasa boleh dibentuk yang mewakili tiga penjurong majikan, kesatuan dan kerajaan kita boleh rundingkan perkara ini, tidak ada masalah yang tidak boleh dirundingkan dan kami sanggup, pokoknya kita harus memperkenalkan satu gaji minimum dalam negara kita. Ini penting, oleh kerana ini satu asas yang penting untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, soal keengganan majikan, ini satu perkara yang selalu saya risaukan, di mana seperti mana saya katakan tadi, kita tidak pernah mengadakan tindakan nation-wide strike dan ada pun berlaku hanya piket di sana sini, sekadar hendak meluahkan perasaan, marah kepada syarikat sepertimana berlaku di Melaka, sebuah syarikat kepunyaan Taiwan, textile company, Kementerian Sumber Manusia

telah membuat pemeriksaan, keahlian kesatuan mempunyai majoriti besar, syarikat mempertikaikan pula soal status kesatuan, status keahlian dan cara kementerian menjalankan penyelidikan, katanya dia ada sebuah syarikat yang lain di Nilai dan sebagainya, tetapi sebelum ini dia tidak ikhlas, jadi kadangkala kita hendak persoalkan keikhlasan majikan, Kesatuan Sekerja sudah cukup ikhlas dalam soal ini untuk kita mengadakan perundingan, mengadakan penyelesaian, kadangkala kita dapati sesetengah syarikat tidak ikhlas dalam usaha ini.

Saya menyerulah kepada pihak-pihak majikan dalam negara ini, biar ikhlas, be transparency, dengan izin, accountability, dengan izin, supaya perkara ini dapat diselesaikan, wujudnya keharmonian perhubungan perusahaan, wujudnya kestabilan.... [*Pembesar suara tidak berfungsi*] Bila saya cakap kuat, mic ini hilang.

Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua, majikan-majikan supaya bertukar sikap lebih berkompromi, lebih bekerjasama dengan pergerakan sekerja untuk kepentingan bukan sahaja negara tetapi kepentingan diri majikan itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya skim ini dijalankan, Skim Penamatan Perkhidmatan telah dijalankan saya kira ianya boleh membuat pembayaran setelah setahun yang lepas, sudah terkumpul wang, kalau dianggarkan dimasukkan ke dalam PERKESO, PERKESO mempunyai keahlian 5.5 juta, RM2 sebulan ada RM11 juta, setahun sudah ada RM330 juta, dua tahun sudah ada RM260 juta dilaburkan dan RM10.4 juta ini boleh dibayar daripada dana ini dan pekerja tersebut mendapat faedah dari tabung ini. Saya kira Kementerian Sumber Manusia, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, telah gagal untuk bertindak dengan secepat mungkin, saya minta maaf atas perkara ini. Saya berharap kalau kementerian dapat bertindak rakyat kita akan dapat jaminan, kalau majikan ini lari, biar dia lari, tetapi pekerja akan dapat pembayaran, kenapa tidak kementerian bertindak dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja pembayaran penamatan perkhidmatan malah saya tidak tahu bagaimana duit sumbangan KWSP sumbangan pekerja. Begitu juga dengan PERKESO, saya tidak tahu sama ada PERKESO telah dapat pembayaran, walaupun saya tahu kalau sebuah syarikat jatuh muflis, tutup pintu dan diletakkan di bawah tanggungan maka pembayaran yang pertama ialah gaji waktu mereka masih bekerja, kedua, pembayaran PERKESO, ketiga KWSP dan juga 'statutory benefit' yang ada dibayar sebelum dibayar pampasan pekerjaan dan sebagainya dan saya berharap Jabatan Buruh mengambil ingatan, mengambil tindakan

dan kalau boleh tindakan undang-undang diambil lelong harta syarikat yang berkenaan. Kalau pun harta tersebut kepunyaan syarikat, saya takut pula sama ada harta tersebut dipajak, dipunyai oleh bank dan sebagainya, hanguslah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun dasar dan langkah kerajaan dilihat begitu wajar bagi menangani kemelut kegawatan ekonomi dan cabaran globalisasi dan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat namun masih lagi terdapat di merata-rata sudut negara ini rakyat yang hidup masih lagi di paras kemiskinan. Sebagai contoh rakyat dari golongan berpendapatan rendah yang tinggal di penempatan setinggan terus sahaja bertambah sebagaimana yang kita tahu mereka yang tinggal di kawasan setinggan ini, kehidupan mereka sangatlah menyedihkan tanpa kemudahan-kemudahan yang diperlukan.

Sesungguhnya kemajuan sesebuah negara itu bergantung kepada usaha-usaha semua pihak termasuk kerajaan, majikan, pekerja dan juga rakyat jelata, demi mencapai ke tahap ini, kerajaan haruslah menyediakan kemudahan infrastruktur untuk rakyat seperti perumahan yang teratur, sempurna dan murah, pendidikan yang berkualiti, perkhidmatan kesihatan percuma serta kemudahan asas yang lain seperti sistem pengangkutan awam, jalan raya, telekomunikasi yang baik, sistem perparitan yang sempurna untuk mencegah banjir dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kerajaan akan terus berusaha untuk menempatkan semua penduduk setinggan di kawasan perumahan kos rendah yang selesa dengan tiga bilik tidur, dua bilik air dengan bayaran balik pinjaman perumahan serendah RM200 sebulan sepertimana yang saya cadangkan. Kalau ini boleh dapat dilakukan, kalau bayaran balik installment rumah bulanan kurang RM200 tiap-tiap bulan banyak pekerja yang mampu memiliki rumah kerana mereka sanggup untuk membayar tiap-tiap bulan oleh kerana bayaran balik dengan pendapatan yang sedikit dan kalau sekiranya pembayaran balik rumah yang begitu tinggi saya kira barangkali banyak rumah setinggan akan wujud, walaupun kerajaan bertindak merobohkan hari ini, besok didirikan dan sebagainya.

Jadi ini satu perkara yang harus dipandang berat oleh kerajaan, sepertimana di Jepun Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Jepun, saya bertanya dengan kawan-kawan saya kaum pekerja, katanya dia tinggal di rumah pangsa bayarannya murah dan jangka pembayaran tidak ada time limit, kemudian katanya boleh ditransfer kepada anak, cucu dia, kalau dia tidak habis bayar, kenapa tidak kita lakukan ini, demi untuk

menolong rakyat jelata. Saya kira kalau ini dapat dilakukan saya ingat barangkali kerajaan akan menerima sokongan yang lebih kuat lagi dari kalangan rakyat yang berpendapatan rendah dan kaum pekerja negara ini. Ini dapat dapat dilakukan, sebab saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Itu soal perumahan RM14,000 sepertimana yang dirangka dan dibuat oleh pakar-pakar dari Universiti Putra Malaysia. Kenapa tidak kita lakukan ini dan kerajaan negeri Selangor telah melakukannya.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya sekadar memberikan pandangan apa yang berlaku tentang soal perumahan. Sekiranya di Malaysia, diberikan rumah ataupun apartment dengan harga yang murah, kemudian apa yang terjadi ialah kebanyakan mereka sama ada meninggalkan flat itu dan mendapat rumah yang lain dan menyewakan kepada pihak lain. Hal ini mungkin berlaku sebab kalau dibandingkan dengan Jepun, Jepun menghadapi masalah yang paling teruk tentang penempatan pekerja dan tidak mungkin satu orang pekerja yang telah mempunyai rumah untuk mendapat rumah yang lain. Itu hanya pandangan sayalah.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk. Tuan Yang di-Pertua, boleh kita atasi. Kita mempunyai segala teknologi yang canggih yang ada pada kita. Kami telah mencadangkan *Housing National Registration* - Pendaftaran Rumah Negara yang mana dalam komputer, key-in dalam komputer, daftarkan semua majlis perbandaran, yang mana juga menyediakan perumahan murah, key-in data mereka. Kalau ia buat application lagi, mesti ditolak dengan serta-merta, *rejected outright* dengan serta-merta. Ini boleh kita lakukan, *National Housing Register* dengan secara efektif diadakan. Saya memang bersetuju apa yang dikata Yang Berhormat Datuk Zainudin tadi, kalau kita tidak berbuat demikian, besar kemungkinan ditinggalkan flat, disewakan flat masuk rumah haram balik, besar kemungkinan. Tetapi kalau kita gunakan keadaan sedemikian saya kira barangkali kita boleh lakukan dengan adanya mesin-mesin yang canggih dan sebagainya kita boleh kontrol perkara yang sedemikian pula. Kalau mereka ini mendirikan rumah jangan bagi dan ambil tindakan. Kami akan menyokong tindakan sedemikian. Kalau ada mereka mengambil kesempatan sudah ada rumah tinggalkan flat untuk mendirikan rumah setinggalan semata-mata untuk menambahkan pendapatan mereka. Saya tahu, kata Yang Berhormat Datuk Zainudin, kita sama-sama memang ada

sesetengah orang. Kadangkala di rumah flat itu ada Mercedes pun ada dekat bawah juga - that's one part.

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat Marimuthu bangun ini. Minta laluan. Laluan diberikan.

**Tuan N. Marimuthu :** Yang Berhormat salah seorang Presiden MTUC, saya minta pandangan. Kerajaan memberi banyak keistimewaan kepada kakitangan awam misalnya kerajaan memberi bonus satu bulan gaji, elaun perumahan, pinjaman membeli rumah sebanyak dua kali. Sebaliknya pekerja-pekerja estet dan petani hidup dalam kesusahan tanpa ketiadaan sokongan kerajaan dalam hal ini, ini pandangan saya. Apakah penjelasan Yang Berhormat?

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan rakan saya. Sebenarnya Yang Berhormat Marimuthu, saya bukan salah seorang Presiden, I'm only President MTUC. Benar kata Yang Berhormat tadi dan saya memang setuju. Memang kita mengetahui masalah yang dihadapi oleh petani dan pekerja-pekerja estet dalam isu perumahan dan kita harus tingkatkan lagi kekuatan dan perpaduan kita untuk mendesak tuan-tuan punya ladang untuk mendirikan rumah dan bukan sahaja rumah, kuarters untuk mereka tinggal, waktu mereka bekerja. Tetapi juga kita harus mencadangkan supaya syarikat-syarikat estet ini, tanah mereka didirikan rumah dan jual secara murah kepada pekerja-pekerja dan pekerja-pekerja boleh kekal lama, tinggal lama. Bila mana mereka tidak lagi bekerja, mereka tidak lagi melarat mencari rumah, tempat tinggal dan sebagainya. Saya bersetuju kalau kita sama-sama bertindak, parti politik bertindak, kita menggesa kerajaan dan minta kepada pihak majikan berbuat demikian, saya yakin satu hari nanti kita akan berjaya dengan syarat kita harus berterusan bercakap sedemikian sama ada di luar Dewan ataupun di dalam Dewan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sambil kita menggalakkan kerajaan mendirikan rumah-rumah kos murah dan sebagainya, saya ingin juga mengingatkan kerajaan-kerajaan negeri agar tidak memberi kelulusan atau permit kepada para pemaju perumahan untuk memotong pokok-pokok, meratakan bukit-bukau dan mengganggu kawasan-kawasan hutan bagi mengekalkan alam persekitaran semulajadi negara kita. Kita sememangnya mengetahui bahawa kawasan inilah yang merupakan tempat yang menarik kedatangan pelancong-pelancong asing ke negara kita. Pelancong asing

yang datang ke negara ini kebanyakannya datang dari negara maju yang sudah penuh dengan bangunan tinggi. Mereka datang bukan hendak melihat bangunan tinggi tetapi kayu-kayan alam semulajadi negara kita.

Jika penerokaan hutan dan bukit-bukau dibuat tanpa ada sebarang kawalan maka rosaklah usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang selama ini giat mempromosi serta menggalakkan industri pelancongan negara kita. Akibatnya negara akan kehilangan punca pendapatan yang boleh digunakan untuk menggerakkan perkembangan ekonomi dan majukan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal pembangunan negara kita juga harus melihat kebajikan pekerja-pekerja di perladangan di negara ini. Saudara Yang Berhormat, rakan saya, Yang Berhormat Marimuthu selalu bercakap atas pekerja ladang. Saya hendak bercakap atas pekerja ladang. Selama ini merekalah yang menggerakkan ekonomi negara kita sejak sebelum merdeka. Mereka seharusnya mendapat gaji bulanan yang setimpal.

Dalam hal ini, Kabinet telah bersetuju tetapi malangnya MAPA masih berdolak-dalih. Kementerian Sumber Manusia juga telah melantik satu jawatankuasa dari Universiti Malaya bagi menjalankan kajian bagi gaji bulanan pekerja-pekerja ladang. Sementara itu, hal ini juga telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan untuk satu penyelesaian selanjutnya. Saya tidak bercadang Tuan Yang di-Pertua, untuk campur tangan dengan ahli jawatankuasa yang telah dilantik oleh kementerian tetapi saya hanya berharap agar semua pihak yang terlibat termasuk mereka yang telah dilantik, menggubal gaji bulanan dan berapakah jumlahnya supaya penetapan gaji bulanan pekerja-pekerja ladang yang munasabah (reasonable) dengan izin, dan sejajar dengan kos sara hidup seperti makanan, minuman, pakaian, perumahan, barangan keperluan rumah, perbelanjaan kesihatan, perubatan, pengangkutan dan persekolahan anak-anak mereka serta faktor-faktor lain yang ada hubungkait dengan kehidupan seharian kaum pekerja. Ini harus diambil kira. Jangan pula tetapkan Tuan Yang di-Pertua, RM460 seisi rumah. Kalau RM460 seisi rumah sepertimana kajian yang dibuat oleh *household income* dengan izin baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir barangkali seisi rumah dengan RM460.00 kita boleh hidup.

Di sini saya hendak nyatakan *outdated* – sudah ketinggalan zaman. Tidak harus diwujudkan. Saya berharap jawatankuasa ini janganlah sekali-sekali tetapkan. Kalau hendak kira Tuan Yang di-Pertua, pembantu rumah (the maid) dari Phillipine

sekarang ini telah ditetapkan gaji sebanyak RM700, bagaimana dengan pekerja ladang, Yang Berhormat Marimuthu, RM700? Saya berharap yang berkuasa akan mengkaji perkara ini dengan sedalam-dalamnya. Bagilah gaji yang setimpal dan baik untuk mereka.

Kami tidak bersetuju jika sekiranya Indeks Harga Pengguna (CPI) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara digunakan bagi penentuan gaji bulanan pekerja-pekerja ladang kerana ianya tidak menyeluruh serta tidak mengambil kira faktor-faktor sebenar dalam kehidupan seharian terutama sekali di luar bandar, iaitu tempat yang terpencil dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya selaku wakil kaum pekerja negara ini, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas pengiktirafan yang telah diberikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap sumbangan kami di dalam mengekalkan perhubungan perusahaan yang harmoni ketika negara menempuh kegawatan ekonomi sejak tiga tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya tanggungjawab mengekalkan keharmonian perhubungan perusahaan bukan sahaja terletak di atas bahu kaum pekerja semata-mata. Saya hendak jelaskan dengan lebih jelas. Bukan terletak di bahu kami semata-mata, sebaliknya kerajaan dan para majikan juga hendaklah memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan. Perkara ini masyarakat korporat sepatutnya menggerakkan jentera pengurusan mereka secara lebih proaktif dalam menangani isu pekerja bukan sekadar menolak dan sebagainya. Kadangkala Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak membawa satu, dua perkara, pengalaman saya, saya lihat kadangkala kalau syarikat-syarikat asing, pengurus sumber manusia terdiri anak-anak tempatan, mereka ini tidak begitu sensitif dengan perasaan kita sendiri. Kadangkala orang cakap, “sudu lebih daripada mangkuk”, ia lebih daripada orang luar. Ia menasihatkan orang-orang ini buat sedemikian dan sebagainya. Saya dapati banyak kompelin yang saya terima. Yang mana di kalangan mereka ini tidak memberikan gambaran sebenar kepada pelabur-pelabur asing. Soal kemasyarakatan kita, soal kebudayaan kita, perihal laku kita, tidak digambarkan sebenarnya. Banyak eksploitasi berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tahu kalau hendak nyatakan banyak syarikat. Yang saya tahu dan saya sedang membuat laporan saya hendak berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan dan juga pihak-pihak yang tertentu terhadap sebuah

syarikat gergasi beroperasi di Negeri Sembilan yang ada melakukan beberapa perkara seperti *sexual harrasment* dan sebagainya berlaku di syarikat tersebut. Saya kemukakan pandangan saya kelak kepada Yang Amat Berhormat sebelum saya membuka perkara ini terlebih luas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(1) saya menjemput Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman untuk mempengerusikan Mesyuaratsekarang

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kerana duduk di sana.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Sementara sahaja.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Walaupun sementara ini merupakan satu penghormatan yang begitu tinggi. Saya yakin bila mana saya dilantik dahulu menjadi Ahli Dewan Negara, saya yakin Tuan Yang di-Pertua memang seorang yang berkaliiber, mempunyai pengalaman yang tinggi dan bercakap.....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih. Boleh sambung lebih sedikit minit. *[Ketawa]*

**Tuan Zainal bin Rampak:** Satu bonus untuk saya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan bahawa jika kita lihat indeks komposit BSKL baru-baru ini, ianya telah mencecah lebih daripada jangka yang kita harapkan walaupun sekarang telah menurun tetapi saya kira penurunannya buat sementara waktu tetapi ia telah melonjak lebih baik daripada masa kita menghadapi kegawatan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini amatlah menyukakan kita dan MTUC sebenarnya sedang mengkaji perkara ini begitu mendalam dan kita sentiasa prihatin terhadap perkembangan ekonomi negara dan melihatnya daripada kaca mata sendiri dan kita meninjaunya pada setiap masa. Dan pada saya Tuan Yang di-Pertua, saya selalu berkunjung ke luar negeri dan berucap dalam beberapa forum di dunia dan untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan *business-business enterprise* luar negeri dengan izin, menyanjung tinggi cara kerajaan kita mengatasi kegawatan. Kalau dahulu mereka menuduh kerajaan negara kita tetapi hari ini, sekarang pemimpin kesatuan sekerja juga menyatakan kepada saya, *we must learn from your*

*country how you do it.* Sesuatunya tidak ada di dalam IMF agenda, tidak ada sesuatu dalam IMF procedure atau World Bank. Something katanya, negara kamu *create something new* yang harus dipelajari dan dicontohi oleh negara-negara lain.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya tidak saya yang jawab, menteri lah yang jawab, sebab ia tidak ada kena-mengena dengan saya. Mungkin ada sesetengah negeri ataupun sesetengah kesatuan sekerja negeri-negeri ataupun negara-negara tertentu yang memberikan pujian-pujian yang hebat kepada Malaysia, terutama sekali negeri-negeri yang miskin. Negeri yang kecil-kecil tentulah akan puji lebih. Saya pun kalau miskin, saya puji juga yang kaya. Macam kita hari ini Yang Berhormat, hendak dapatkan sedikit time daripada Tuan Yang di-Pertua, diangkat sedikit, sudah dapat bonus. *[Ketawa]*

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk memanjangkan sedikit apa yang telah dinyatakan, sebenarnya pandangan-pandangan ini dikemukakan bukan sahaja oleh negara-negara yang membangun seperti negara Afrika atau Latin Amerika. Dalam governing body mewakili workers, Tuan Yang di-Pertua, hampir 33 dari seluruh dunia termasuk saya datang dari Latin Amerika, Afrika dan kalau dahulu di Afrika, rakan-rakan saya menyatakan IMF katanya merupakan ceti yang paling dahsyat di dunia, "Dia datang ke negara kami bukannya menolong tetapi memapakan negara kami." Negeri-negeri inilah yang menyatakan.

Selain daripada negara membangun, Tuan Yang di-Pertua, juga turut rakan-rakan saya dari Canada dan Setiausaha Agung International Confederation of Free Trade Union (ICFTU) juga menyatakan "Now you got lord" daripada Queen Elizabeth dan mereka juga mengatakan yang Setiausaha Agung ICFTU telah pun menulis surat kepada Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan terima kasihnya dan sumbangan terhadap perkembangan ekonomi dan menyanjung atas usaha-usaha Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, keharmonian perhubungan perusahaan yang wujud di negara kita pada hari ini adalah hasil daripada adanya pemimpin-pemimpin kesatuan dan pekerja yang bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak seharusnya berpuas hati dengan keadaan ini, sebaliknya ia hendaklah memperbaiki tahap yang ada sekarang dengan bertindak melaksanakan perubahan-perubahan yang drastik seperti meminda Akta Buruh di Sabah dan Sarawak bagi memasukkan peruntukan-

peruntukan faedah penafian kepada pekerja yang diberhentikan kerja sebagaimana yang terdapat dalam Akta Pekerjaan untuk pekerja-pekerja di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, sedarkah kita semua selepas 43 tahun merdeka, Undang-undang Buruh di Sabah dan Sarawak tidak serupa dengan di Semenanjung? 43 tahun, patutkah kita bezakan? Sudah sampai masanya kementerian bertindak dengan serta-merta dan saya tahu waktu Timbalan Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Dato' Affifudin Omar pernah memaklumkan dalam Dewan ini bahawa kerajaan sedang mengambil tindakan dan saya menggesalah, bukan ahli-ahli politik tetapi juga besar kemungkinan terletak kepada pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang mengadakan perundingan mempercepatkan perkara ini supaya faedah-faedah yang ternyata dalam Akta Pekerjaan di Semenanjung ini diselaraskan dengan Akta Buruh di Sabah dan Sarawak dengan secepat mungkin.

Kita takut walaupun keadaan ekonomi telah pulih, soal tutup pintu, jatuh muflis sudah menjadi perkara biasa. Walaupun negara maju, walaupun syarikat itu besar-besar, ini besar kemungkinan akan berlaku di setiap masa dan setiap ketika. Sebelum keadaan yang begitu ....., kita anggap begitu menyusahkan kaum pekerja berlaku di Sabah dan Sarawak, saya berharap undang-undang ini dapat disebar dan dipanjangkan ke sana dan dilaksanakan dengan secepat mungkin. Terima kasih.

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih, Yang Berhormat. Semalam saya membangkitkan Employment, Regulations Act 1955, Act 265 dan Regulations and Order 12(a) termination and lay-off the benefit tidak dikaji semula dalam jangka masa yang panjang. Menteri dan Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia menjawab soalan saya, dia kata boleh mengkaji akta ini. Kalau boleh dikaji tetapi bila saya pun tidak tahulah. Bagaimanakah pekerja-pekerja boleh terlibat di dalam kandungan undang-undang ini, sila berikan penjelasan.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Soal pindaan Akta Pekerjaan, memasukan faedah-faedah yang lebih baik yang harus dinikmati oleh kaum pekerja adalah menjadi satu teras perjuangan MTUC dan kita sentiasa mengadakan perundingan dan memohon kepada kementerian. Umpamanya, soal isu pekerja-pekerja kontrak, saya tahu sekarang satu fenomena wujud dalam negara kita. Syarikat banyak menukar daripada kerja permanent, kerja tetap kepada skop kontrak. Bila skop kontrak tidak lagi dilindungi di bawah Akta Pekerja. Itu paling senang untuk syarikat beroperasi dan membuat keuntungan yang besar. Ini satu fenomena yang selalu saya nyatakan tidak

harus diterima oleh kita semua dan saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat supaya perkara-perkara ini dibincang dan dimasukkan demi untuk kepentingan kaum pekerja umumnya.

Forum yang tertinggi yang ada pada kita ialah di Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) yang sepatutnya diadakan pada tiap-tiap tiga bulan sekali tetapi sehingga bulan April ini dan sudah bulan Mei, saya belum lagi mendapat tarikh bila majlis perundingan tersebut. Saya ada banyak agenda yang hendak saya kemukakan dalam mesyuarat tersebut. Insya -Allah Yang Berhormat, saya prihatin dan saya akan terus membawa perkara-perkara ini. Kalau Yang Berhormat ada isu-isu yang baik yang hendak ditonjolkan, sila kemukakan kepada MTUC, kita bersedia pada bila-bila masa.

**Tuan N. Marimuthu:** Okay, terima kasih.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, semenjak dekad 80-an dan 90-an sehinggalah ke hari ini, negara kita menyaksikan perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi maklumat dan bagi memastikan negara terus berdaya saing pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan untuk membawa masuk teknologi-teknologi baru termasuklah pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diharap dapat menjadi pemangkin yang bakal memacu perkembangan ekonomi negara dan seterusnya muncul sebagai sebuah negara yang berasaskan keekonomi. Sememangnya kami amat mengalu-alukan serta menyokong penuh langkah-langkah ini. Walau bagaimanapun, kerajaan juga harus memberikan latihan, it is very important, sangat penting kepada pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan supaya lebih sistematik dan teratur dan janganlah ada nya unsur pilih kasih dalam hal ini.

Saya sering menerima sungutan menyatakan jika seseorang pegawai dihantar menjalani kursus, baru dua, tiga hari sahaja balik daripada kursus, dihantar pula ke kursus lain. Ini satu fenomena, Tuan Yang di-Pertua. Kadangkala bila saya telefon, Tuan Yang di-Pertua, ini satu saya tidak tahu bagaimana sistem yang dijalankan oleh kerajaan – seorang pegawai....., saya bukan menghalang mereka pergi kursus, bagus untuk menambah pengalaman, menambah pengetahuan dan membekalkan mereka dengan ilmu yang lebih baik tetapi malangnya dia baru balik kursus dua hari, belum lagi panas kerusinya, dia sudah dihantar ke kursus lain. Orang yang hendak berjumpa dengan beliau tidak dapat berjumpa. Saya mengalami sendiri, Tuan Yang di-Pertua. Saya telefon Kementerian Pendidikan...Dato' Aziz ada di sini

[Ketawa]...Kementerian Pendidikan saya telefon, katanya “Dia belum balik kursus,”. Kata, “Bila balik?”, “Hari Selasa,”. Bila hari Rabu saya telefon, dia cakap “Dia sudah pergi kursus lain.” Kenapa tidak adakan satu sistem yang lebih baik. Kalau sudah pergi kursus tinggalkan mereka untuk sementara waktu, hantar yang lain, cari yang lain supaya penambahan pengetahuan ini bukan hanya segelintir sahaja tetapi menyeluruh kepada seluruh kakitangan. Jika sekiranya kita ingin maju dalam soal Koridor Raya Multimedia dan sistem yang canggih yang kita sedang laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita hari ini terdapat 39 juta pekerja yang boleh di organize ke dalam kesatuan tetapi malangnya hanya 11.8% sahaja daripada jumlah tersebut yang telah di organize ke dalam kesatuan. Keadaan ini berlaku kerana Undang-undang Kesatuan Sekerja negara ini begitu ketat dan menyekat kebebasan kesatuan dan hanya membenarkan penubuhan kesatuan-kesatuan dalaman sahaja seperti elektronik industri dan saya Tuan Yang di-Pertua, hendak jelaskan sedikit dalam Dewan yang mulia ini supaya semua Ahli Dewan faham bahawa kalaulah setengah-setengah majikan takut pekerja ini membuat kesatuan yang kuat, yang strong, kita akan mogok, paralyze to company tidak akan berlaku. Tidak terlintas, Tuan Yang di-Pertua sebab undang-undang sudah cukup dalam negara kita ini untuk mengatasi semua ini.

Dalam soal kuasa Menteri di bawah Seksyen 13(3) Akta Perhubungan Pusat, kalau didapati sesuatu pertikaian tidak boleh diselesaikan di antara perundingan secara terus menerus ataupun dengan perantaraan Kementerian Sumber Manusia, Menteri berhak untuk merujuk perkara ini kepada Mahkamah Persekutuan di bawah Seksyen 26(2) Akta Perhubungan Persekutuan dengan serta-merta. Ini boleh dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan Seksyen 26 bukan Seksyen 13, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Seksyen 13 itu hak mutlak majikan tetapi kuasa Menteri di bawah Seksyen 26(2) Akta Perhubungan Persekutuan, Menteri boleh rujuk pergi ke mahkamah. Bila rujuk pergi mahkamah macam MAPA dengan NUPW, NUPW tidak boleh mengambil tindakan pusat bila perkara ini telah dirujuk pergi ke mahkamah dan ini kuasa Menteri.

Jadi, kenapa kita takut membenarkan pekerja ini menubuhkan kesatuan. Dengan adanya penubuhan kesatuan, Tuan Yang di-Pertua, yang lebih kuat mereka mempunyai kuasa berunding dengan majikan. Kalau sekiranya mereka mendapat kenaikan gaji dengan tidak secara langsung ini akan menambah pendapatan mereka

dengan sekaligus ianya akan dapat mengeluarkan rakyat negara kita di kalangan pekerja daripada kemiskinan. Jadi, dengan tidak secara langsung menolong kerajaan membawa negara ini kepada kemakmuran dan seterusnya mengurangkan kemiskinan dalam negara kita. Itu sebenarnya konsep kesatuan untuk mempertinggi dan meningkatkan taraf kualiti pekerja dan kualiti hidup rakyat negara ini dan mengurangkan kemiskinan yang berlaku dalam negara kita.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah kerajaan memikirkan semula walaupun agenda ini masih lagi di dalam perbincangan wakil-wakil MTUC dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kami akan meneruskan perbincangan dengan beliau dan mudah-mudahan ianya akan mendapat kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus memandang penubuhan kesatuan ini dari sudut yang positif kerana dengan adanya kesatuan, maksimum perundingan bersama akan dapat merundingkan gaji, bonus, faedah-faedah yang lain seperti mana yang telah saya katakan tadi akan dapat menolong masalah yang akan dihadapi oleh kaum pekerja dari soal cost of living yang meningkat pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, kami tidak berhasrat dengan penubuhan kesatuan ini mengambil tindakan dan sebagainya seperti mana yang telah saya katakan tadi tetapi semata-mata untuk memastikan bahawa kaum pekerja mempunyai satu badan yang boleh mewakili mereka dalam perundingan-perundingan mereka dengan pihak-pihak yang tertentu. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta kerajaan supaya kerajaan menerima Konvensyen ILO 87 - Kebebasan Persatuan dan Perlindungan Hak Kaum Pekerja dan Konvensyen 98 Hak untuk Perundingan Bersama yang telah pun diiktiraf oleh negara-negara jiran kita seperti Indonesia dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin untuk menyeru kepada Dewan ini untuk menerima pandangan-pandangan yang telah saya kemukakan tadi dengan secara lebih terbuka, lebih memandang berat demi untuk kepentingan kaum pekerja di negara kita ini.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan Bismillahir Rahmanir Rahim, saya dengan sepenuhnya menyokong Usul yang telah dikemukakan Menjunjung Titah terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, saya mempersilakan Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Nor.

**11.59 pagi.**

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Nor:** Terima kasih, Tuan Yang diPertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini bagi melaksanakan sebahagian amanah sebagai ahli Dewan ini. Firman Allah S.W.T. [*Membaca sepotong ayat Quran*] – Surah Al-Haj ayat 41 – Maksudnya “*Orang-orang, jika kamu beri kekuasaannya di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh perkara makruf dan mencegah perkara mungkar dan kepada Allah kembali segala urusan.*”

Setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurniaNya kita masih diberi peluang untuk meneruskan kehidupan kita di dunia ini. Kita semua maklum bahawa Allah s.w.t tidak menjadikan begitu sahaja tetapi adalah semata-mata untuk beribadat kepadaNya kerana setiap apa yang kita lakukan di dunia akan ada ganjarannya di akhirat yang kekal abadi kelak.

Tuan Yang diPertua, kita sekarang berada di alaf baru yang begitu penuh dengan dugaan dan cabaran yang terpaksa kita hadapi sama ada cabaran dari dalam mahupun dari luar. Arus globalisasi yang digembar-gemburkan adalah satu proses yang perlu ditangani secara hati-hati kerana dunia tanpa sempadan ini akan memberi ruang kepada kita dalam sekelip mata untuk mendapatkan sebarang maklumat tanpa sekatan sama ada ia akan membawa kesan yang positif atau sebaliknya. Kita tidak mahu pengaruh Barat terlalu menular di dalam kehidupan kita termasuk dari aspek gaya hidup dan sebagainya kerana kebanyakannya tidak mencerminkan budaya setempat dan nilai kemasyarakatan yang ada di negara kita.

Sehubungan itu adalah menjadi tanggungjawab kita dan kerajaan khususnya untuk memberi pendidikan kepada rakyat agar mereka dapat membuat persediaan yang rapi untuk menghadapi cabaran globalisasi ini.

Tuan Yang diPertua, Alhamdulillah negara kita telah dikurniakan oleh Allah s.w.t dengan keindahan alam ciptaanNya. Jadi, yang berkemungkinan tidak terdapat di setengah negara yang lain. Oleh itu adalah wajar bagi kita untuk memanfaatkan sepenuhnya kurniaan Allah s.w.t dengan meningkatkan usaha untuk memajukan industri pelancongan domestik. Sebagaimana usaha kita untuk mengadakan Tahun Melawat Malaysia, contohnya, Tahun Melawat Negeri Kedah dan sebagainya.

Meningkatkan industri pelancongan bukan bermakna kita perlu menonjolkan dalam aspek berpesta dan berhibur secara material, sekadar untuk bergembira atau

untuk mendapatkan pulangan ekonomi sahaja sebaliknya yang perlu kita ketengahkan ialah nilai-nilai daripadanya seperti aspek keagamaan, kebudayaan dan sosial yang boleh menjadi unsur kekaguman pelancong asing untuk melawat Malaysia. Sewajarnya usaha-usaha yang bersesuaian dirancang untuk menarik lebih ramai pelancong dari negara Islam.

Usaha untuk menganjurkan Majlis Tilawah Al-Quran adalah satu usaha yang baik. Di samping itu kerajaan perlu berusaha untuk memajukan apa yang sedia ada kerana warisan kesenian Islam masih erat terpancar di kalangan masyarakat Melayu. Misalnya, sistem pengajian pondok di Kelantan adalah satu hal yang begitu menarik untuk ditonjolkan. Kita perlu menjadikan keindahan alam ciptaan Allah s.w.t ini sebagai pusat tumpuan pelancong dari dalam dan luar negeri.

Usaha-usaha sebegini telah dilaksanakan oleh Kerajaan Kelantan dan pada pendapat saya adalah wajar dicontohi oleh negeri lain seperti perusahaan promosi kraftangan dan perusahaan desa mendedahkan susunan masyarakat Kelantan yang begitu unik melalui perkampungan pelancongan dengan berunsurkan dakwah Islamiah dan terus menghidupkan budaya tradisi tempatan sesuai dengan nilai-nilai keislaman. Sesungguhnya warisan kesenian Islam masih tidak pupus di negara kita seperti rumah tradisional Melayu dan masjid-masjid yang indah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila memperkatakan tentang masjid, saya tertarik untuk menyentuh berkaitan kaedah kita memakmurkan masjid sebagaimana tempat penyatuan Islam dan seterusnya sewajar dijadikan tempat perolehan ilmu, lebih-lebih lagi ilmu Islam agar rakyat Malaysia dapat membuat persediaan diri untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan bagi menghadapi cabaran alaf baru ini.

Masjid bukanlah semata-mata untuk kita menunaikan solat tetapi sekarang didapati masjid telah hilang fungsi sebenarnya. Kelas-kelas pengajian di sesetengah negeri tidak dibenarkan lagi dilaksanakan, begitu juga di sebahagian surau-sarau di jabatan kerajaan dan swasta telah tidak dibenarkan untuk diadakan kuliah Zuhur iaitu waktu rehat antara pukul 1.00 hingga 2.00 tengah hari.

Sekarang kalau ada yang dibenarkan di masjid-masjid hanyalah sekadar untuk mempelajari ilmu-ilmu fardu ain sahaja sedangkan ilmu Islam bukanlah sesempit itu. Bukannya meliputi bab zakat, menunaikan fardu haji, sembahyang lima waktu dan puasa sahaja tetapi ia merupakan satu sistem kehidupan yang mencakupi aspek muammat, munakahat, peraturan dan undang-undang serta tidak dapat dinafikan

juga aspek politik. Oleh itu sekiranya masjid gagal berfungsi sepenuhnya, maka di manakah lagi umat Islam Malaysia yang dahagakan pengetahuan agama untuk memperolehi ilmu kalau tidak dari sistem yang formal ini.

Mutakhir ini kedengaran pula rungutan yang mengatakan di kalangan rakyat Malaysia khususnya orang Melayu Islam di negara ini telah tidak lagi bersatu atau dalam erti kata lain, telah wujud perpecahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya amat keliru dengan definisi sebenarnya perpecahan yang dimaksudkan. Adakah apabila sudah ramai orang Melayu tidak menyokong UMNO, bermakna orang Melayu telah berpecah? Adakah apabila orang Melayu keluar dari UMNO, bermakna orang Melayu tidak lagi bersatu padu? Sekiranya benarlah telahan saya ini, maka saya amat dukacita kalau perpecahan yang dimaksudkan ini hanya sekadar itu penyebabnya.

Dalam Sistem Demokrasi Berparlimen hak memilih parti yang mana mereka yakini, hak berpersatuan termasuk persatuan mana yang mereka ingin masuki sewajarnya tidak disekat begitu rupa. Adakah pelajar sekolah dianggap tidak bersatu, apabila sebahagian memasuki persatuan Sains dan sebahagian memilih persatuan yang lain seperti persatuan Agama Islam, Sejarah dan sebagainya. Adakah pelajar sekolah di Malaysia dianggap telah berpecah-belah apabila sebahagian memilih untuk belajar di sekolah kerajaan dan sebahagian lagi di sekolah swasta, sekolah agama rakyat atau agama negeri.

Persoalan saya seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, adakah rakyat Malaysia berpecah-belah apabila sebahagian memilih untuk terus bersama-sama dengan UMNO, MCA, MIC dan Barisan Nasional dan sebahagian lagi memilih untuk menyertai PAS, KeADILan, DAP, Barisan Alternatif. Saya amat berterima kasih sekiranya pihak kerajaan yang ada dapat memberi definisi yang jelas tentang maksud perpecahan yang digembar-gemburkan ini.

Kami cukup bimbang sekarang apabila ada kejadian tumbuk-menumbuk, yang kena tumbuk pasti orang UMNO, manakala yang menumbuk pula ialah orang PAS. Akhbar memainkan peranan yang besar dalam menggembar-gemburkan isu ini. Apalah salahnya jika laporan tersebut sekadar menyatakan nama yang terlibat tanpa menyentuh isu kepartian.

Tuan Yang di-Pertua, kerana perihal ini akan meningkatkan lagi permusuhan di antara kedua pihak, PAS beberapa kali telah menegaskan bahawa perjuangan kami

atas dasar Islam, maka sekiranya UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional sanggup meneruskan dan melaksanakannya di bumi Malaysia ini, maka sudah pasti parti PAS tidak diperlukan lagi firman Allah s.w.t dalam surah An-Nisa' ayat 59, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya, “*Sekiranya kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah kepada Ia iaitu Allah (Al-Quran) dan Rasul (As-Sunnah). Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah s.w.t dan hari kemudian, yang demikian itu lebih utama bagimu dan lebih baik akibatnya*”.

Tetapi hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak sampai enam bulan Kerajaan PAS memerintah di Terengganu, setiap apa usaha yang hendak dilaksanakan di Terengganu seperti kesedaran tentang aurat wanita, kewajipan bertudung telah diputarbelitkan sebegitu rupa seolah-olah melambangkan Kerajaan PAS Terengganu begitu keras memaksa semua umat Islam, wanita di Terengganu dan yang hendak ke Terengganu semua pasti memakai tudung. Walhal, isu bertudung dan melabuhkan tudung ini dapat kita hayati di dalam Al-Quranul Karim surah Al-Ahzab dan surah An-Nur, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya, “*Hai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu dan perempuan-perempuan mukmin melabuhkan jilbab mereka atas mereka yang demikian itu sekurang-kurangnya, mereka lebih dikenali supaya mereka tidak diganggu.*”

Oleh itu cadangan saya kepada kerajaan yang ada sekarang laksanakanlah Kempen Menutup Aurat termasuklah kepada semua pemimpin di peringkat Pusat dan negeri serta isteri-isteri dan seterusnya ke akar umbi di kalangan wanita Islam kerana ia sebahagian dari tuntutan Islam yang wajib ditaat sebahagiannya, kita pelihara aurat kita sewaktu menunaikan solat lima waktu. Kempen seperti ini telah pun dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan serta muslimat PAS Pusat, maka sewajarnya juga dilaksanakan di peringkat Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat Yang Berhormat Menteri Pendidikan tahun lepas seramai lebih 70,000 pelajar sedang menuntut di sekolah agama rakyat di mana ia merupakan institusi pendidikan yang menjadi pilihan ibu bapa dan pelajar berkenaan untuk mendapatkan pendidikan yang bersepadu dan sempurna kepada anak mereka. Kemudian, kita dikejutkan dengan perkhabaran bahawa kerajaan hendak mengambil alih sekolah menengah agama rakyat. Selepas itu timbul pula isu untuk menjadikan sekolah bantuan dan selepas itu saya tidak pasti apa lagi yang akan dilakukan.

Cadangan saya sekiranya ikhlas hendak membantu para pelajar seramai 70,000 orang tersebut, bantulah, huluskanlah bantuan, tidak perlulah hendak ambil alih hendak dijadikan sekolah bantuan dan sebagainya. Kerajaan patut bersyukur kerana masih ada lagi di kalangan kita yang sanggup mewakafkan tanah dan menjadikan hak persendirian untuk tujuan pendidikan sekurang-kurangnya ia telah dapat mengurangkan sedikit bebanan atau tanggungjawab sosial yang dipikul oleh kerajaan. Saya tidak mengatakan kerajaan tidak memberi apa-apa bantuan selama ini tetapi ianya terlalu kecil.

Saya menyeru apalah salahnya dan apalah ruginya sekiranya kerajaan menambahkan lagi bantuan yang sedia ada demi kepentingan anak-anak kita yang seramai 70,000 orang itu kerana mereka suatu hari nanti akan menjadi sumber tenaga manusia serta aset yang penting kepada negara kita.

Tuan Yang diPertua, di sekolah agama tersebut sekurang-kurangnya penghafal Al-Quran dapat dihasilkan kerana sekarang menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri di negara kita nisbah antara penghafal Al-Quran dengan jumlah penduduk Islam Malaysia adalah terlalu kecil, iaitu sehingga sekarang hanya lebih kurang 460 orang sahaja bilangan hafiz Al-Quran yang ada di negara kita. Kita patut berusaha untuk meningkatkan bilangan tersebut dengan memberi galakan dan maksimumkan had umur pelajar yang ingin menyertai kelas menghafal Al-Quran daripada 17 tahun kepada pelajar yang berumur tujuh ataupun lapan tahun kerana umur yang muda begini akan mampu untuk menghafal Al-Quran dengan lebih cepat.

Akhir sekali, Tuan Yang diPertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan industri makanan yang ada di negara kita. Sebagai umat Islam, kita amat prihatin sekali tentang sejauh manakah halalan makanan tersebut walaupun pada pek-pek makanan terdapat cop tanda 'Halal'. Kita memandang berat berkaitan perkara ini kerana makanan yang kita makan akan menjadi darah daging kita yang seterusnya akan memberi pengaruh yang langsung kepada tubuh badan dan yang paling penting hati dan jiwa kita.

Oleh itu, sukacita sekiranya Jabatan Perdana Menteri dapat memberi penjelasan yang terperinci bagaimana prosedur cop 'Halal' itu diberikan kepada sesuatu syarikat pengeluar makanan. Apakah kaedah kawal selia dan pemantauan yang dilaksanakan dan berapakah kos yang perlu dibayar oleh sebuah syarikat ataupun individu untuk mendapat sijil 'Halal' atau tanda 'Halal' tersebut. Kita

bimbang sekiranya kos yang dikenakan terlalu tinggi maka ramai pengusaha makanan yang tidak akan mampu untuk mendapat pengiktirafan tentang halal makanan tersebut kerana kita perlu berlaku adil kepada semua pihak termasuk pembeli, pengusaha juga kepada semua penduduk di negara kita ini.

Sebagai penutup, Firman Allah s.w.t. [*membaca Surah Al-Ma'idah, ayat 48*], maksudnya: “Allah menghendaki nescaya kamu dijadikanNya satu umat sahaja, tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberianNya kepadamu, maka berlumba-lumbalah kita membuat kebajikan, hanya kepada Allah kembali kamu semua walau diberitahukanNya kepadamu apa yang telah kamu perselisihkan itu.”

Sekian, saya turut menyokong.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan.

**12.18 tgh.**

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut sama dengan rakan-rakan yang lain untuk sama-sama menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini di Dewan yang mulia ini. Sebelum ucapan ringkas saya, saya juga bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara yang ada merakamkan ucapan tahniah kepada Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman kerana telah dipilih selaku Presiden Kelab Senator dalam pra AGM semalam. [*Tepuk*] Selepas jadi Presiden terus jadi Pemangku Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, Tuanku telah mencakupi semua bidang yang bersangkutan-paut dengan pembangunan rakyat dan pembangunan negara bermula daripada perkara yang menyentuh soal-soal ekonomi, politik dan juga pendidikan serta pembangunan semasa yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk kepentingan negara dan rakyat. Di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu tadi menggambarkan kepada kita bahawa berapa pekanya Tuanku terhadap hasil perjuangan dan kebolehan pengurusan pimpinan negara yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khususnya yang didukung oleh sebuah parti yang telah memerintah begitu lama di negara kita iaitu Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya dilantik oleh Duli Tuanku di peringkat Pusat, secara kebetulannya saya adalah warga negeri Terengganu. Jadi, kita berkesempatan juga menilai dari masa ke semasa apa jua kebolehan dan kelemahan

yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini di Terengganu dan apakah baru-baru ini sebagaimana kita maklum bahawa sebagaimana rakan kita Yang Berhormat daripada Kelantan menyatakan tadi iaitu hasil daripada keputusan rakyat baru-baru ini PAS telah menjadi pilihan berdasarkan kepada pilihan raya baru-baru ini dapat memerintah di Terengganu.

Ada beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh banyak pihak terutama sekali di negeri Terengganu dan sebelum ini kita telah berkata beberapa kali bahawa di dalam pembangunan di negara kita ini, satu perkara yang kita tidak boleh lupa iaitu apabila kita bercakap masalah Islam seolah-olah PAS dari dahulu lagi telah menyatakan perkara-perkara yang berkaitan dengan perjuangan Islam itu hanya diperjuangkan oleh PAS yang mana saya rasa UMNO juga yang menunjangi Barisan Nasional telah berjihad begitu besar perjuangannya apabila melalui gagasan Perikatan selepas kita merdeka dalam mewujudkan Perlembagaan meletakkan Islam dalam Perlembagaan.

Oleh kerana Islam diletakkan dalam Perlembagaan maka syiar Islam ini telah diperjuangkan bukan sahaja oleh kerajaan tetapi segenap lapisan masyarakat kita. Tetapi kadang-kadang oleh kerana sebahagian daripada kita sebagaimana kita dapat penjelasan dari masa ke semasa, selepas semua persoalan asas hidup yang diperlukan oleh rakyat nampaknya terutama sekali Melayu dan bumiputera daripada papa kedana selepas kita merdeka sehingga kita menjadi kumpulan yang telah dilahirkan oleh kerajaan, bukan sahaja kumpulan usahawan kecil, sederhana, besar dan gergasi tetapi juga pegawai-pegawai kerajaan dan juga pegawai-pegawai profesional yang dilahirkan oleh kerajaan. Jadi, kerajaan yang saya maksud ini bukan Kerajaan PAS tetapi Kerajaan BN.

Tuan Yang di-Pertua, senario ini adalah sebenarnya senario yang bukan gawat dari segi kedudukan di peringkat akar umbi. Kalau kita hendak bercakap masalah perpecahan ianya sinonim dengan masalah perpaduan. Kalau kita bercakap masalah perpaduan memang ada perpecahan. Tetapi apa yang kita membicarakan sekarang ini khususnya di dalam keadaan masyarakat Islam di Malaysia ini, sebelum ini dengan tidak ada dakwaan yang dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin PAS umpamanya seperti orang UMNO itu kafir, itu jelas kita boleh buktikan, hendak video pun kita ada, ia dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin PAS dan sembelihan orang UMNO tidak boleh dimakan dan sebagainya, kita ada puluhan perkara-perkara yang boleh

memecahkan kepercayaan orang Islam yang berada di kampung-kampung yang mempunyai pendidikan yang tidak baik. Maknanya, pendidikan agamanya tidak sempurna seperti Ahli-ahli Yang Berhormat kita ini. Jadi, mereka mempunyai cetek pengetahuan, pendedahan dan sebagainya.

Apabila mereka mengeluarkan walaupun ianya bukan fatwa, tetapi dilihat fatwa, ianya berte rusan lebih daripada 20 tahun. Maka penghakisan ini berlaku dalam kepercayaan orang-orang Melayu, kebetulannya orang-orang Islam, seolah-olah pemimpin PAS ini telah banyak menyatakan perkara-perkara yang berbentuk fatwa walaupun kita tidak mengiktirafkan itu sebagai fatwa. Mutakhir ini pun ada perkara-perkara yang berkaitan dengan lebih daripada 23 isu yang telah dibangkitkan oleh pemimpin PAS. Ini sebenarnya permulaan daripada bibit-bibit perpecahan.

Jadi, sebagaimana Yang Berhormat kata tadi, saya bukan hendak jawab tetapi kadang-kadang kita rasa seolah-olah macam Datuk Zam kata semalam apabila Perdana Menteri bercakap masalah janggut, ianya dipertikaikan oleh sekumpulan manusia yang dianggap alim. Tetapi apabila yang dikenali sebagai pemimpin PAS bercakap masalah perkara-perkara yang dilihat boleh bertentangan dengan ajaran Islam seperti contohnya meluluskan lesen arak umpamanya, tidak ada orang yang bercakap. Malah di dalam kenyataan akhbar pada 5 April 2000 baru-baru ini sahabat saya Exco Kerajaan Terengganu menasihati – Wan Mutalib berkata kerajaan negeri menggalakkan perniagaan arak bergabung sama ada dalam satu syarikat atau persatuan supaya mereka tidak terlalu bersaing antara satu sama lain. Katanya, dengan penggabungan ini keuntungan dan keberkesanan perniagaan akan dapat dikongsi sama rata.

Sebelum memerintah dahulu semuanya berjubah dan sebagainya, kononnya sunnah. Jadi, kadang-kadang tie yang kita pakai ini pun diherdik dan kalau kita bercakap masalah perangai pun kita kena akulah. Kalau kurang ajarnya perangai kebanyakan ialah kader-kader kalau di Terengganu. Kalau pemuda-pemuda UMNO dilihat lembik – bukan lembik tapi berakhlak sebenarnya. Kalau di masjid sekarang ini kita dapati banyak wakil rakyat PAS yang tidak mempunyai tauliah daripada Tuanku ataupun dari Jabatan Hal Ehwal Agama pun pergi berkhotbah. Saya pun boleh baca khotbah, tetapi pokoknya sekarang wakil rakyat PAS yang tidak mempunyai pengetahuan yang lengkap, tersalah sebut ‘Almarhum Tuanku’ lah,

kadang-kadang tidak sebut 'raja kita' lah. Jadi, inilah sebenarnya bibit-bibit yang membawa kepada perpecahan.

Jadi, bukan kerana tidak menyokong UMNO. UMNO stand-in ataupun BN ini yakin bahawa kita mengamal dan mendukung demokrasi. Kalau selepas pilihan raya dahulu apabila sudah menang majoriti PAS ambillah, tetapi baru-baru ini di Sanggang kita menang agak besar sedikit tetapi mereka menyatakan penggunaan politik wang. Apakah ketika kita menjalankan pilihan raya pada pilihan raya yang besar lalu UMNO tidak menggunakan wang atau BN tidak menggunakan wang. Kita memang menggunakan wang, apakah PAS tidak menggunakan wang langsung ataupun apa. Jadi, kadang-kadang biarlah ada satu piawai supaya kita tidak menjadi pemimpin yang double standard kerana hakikatnya dalam kita memerintah negara ataupun negeri yang pentingnya ialah untuk menyatupadukan rakyat dan memajukan rakyat sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum itu.

Jadi, saya mintalah bermula pada hari ini perkara-perkara yang berkaitan dengan isu-isu agama ini ditangani dengan lebih berkesan khususnya oleh Kerajaan Pusat kerana apa yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri yang berkaitan dengan agama, saya rasa bertentangan dengan hasrat dan perjuangan yang diasaskan dalam pembinaan di negara kita ini. Oleh kerana kita agaknya begitu lama, oleh kerana masyarakat kita telah dilahirkan oleh negara supaya kita lebih Islamic dan sebagainya, maka PAS telah menunggangi isu ini sehingga ada sebahagian daripada masyarakat kita terpaksa percaya perkara-perkara yang berlaku ini.

Jadi, kita pun dapat tahu apabila ada gabungan di antara PAS dan DAP nampaknya tidak ada apa-apa. Kalau orang Melayu di suatu ketika selepas merdeka apabila sebut DAP ini tidak mahu dekat. Tetapi sekarang ini PAS menentang gabungan diplomatik dan gabungan strategik kaum di antara hak Melayu, Cina dan India, tetapi sekarang ini mereka bergabung tidak apa. Jadi, inilah merupakan satu daripada fenomena yang harus ditangani oleh pimpinan, ditangani oleh pegawai-pegawai kerajaan dan ditangani oleh bijak pandai agama kita dan apatah lagi oleh masyarakat di negara kita.

Kerana cubalah kita banding keselamatan yang berada begitu lama di negara kita ini yang dapat kita nikmati. Mungkin kalau PAS ini, kita kena hantar pemimpin-pemimpin PAS ini duduk di Angola tiga bulan, duduk di negara-negara di Afghanistan, semasa perang dahulu dengan Russia, pemimpin PAS tidak pergi tetapi

Pemuda UMNO pergi. Aktivis orang-orang Melayu yang dilihat berjuang menyokong kerajaan sign surat minta izin kerajaan untuk pergi. Ramai di antara kita pergi, wartawan pun pergi. Jadi, PAS tidak pergi. Dia syok, tengoklah kalau di Dewan Rakyat dia bercakap, kalau di surau-surau, di masjid-masjid sekarang memang pemimpin PAS menggunakan masjid ini untuk kepentingan politik. Dia kata tidak cakap politik tetapi itulah sebenarnya politik.

Tidak mungkin seseorang yang bercakap masalah kepentingan organisasinya kalau dia mempunyai pengetahuan agama boleh di kenal pasti sebagai ulama agama. Sebenarnya dia bukan ulama Islam, mereka ini walaupun belajar agama Islam oleh kerana mereka merupakan pemimpin PAS, mereka sebenarnya ulama PAS bukan ulama Islam. Jadi perkara-perkara di sini mestilah diberi perhatian semula, dan kalau ini boleh memecahbelahkan masyarakat, maka saya mintalah Kementerian Dalam Negeri kadang-kadang kerajaan Barisan Nasional ini terlampau liberal, terlampau baik seolah-olah baik ini sampai dekat-dekat landak jadi bodoh Tuan Yang di-Pertua.

Saya cerita ini terlampau liberal, PAS buat apa pun kita diam, seolah-olah kita bersalah, kita defensive, sebenarnya PAS yang tidak beberapa betul yang telah memulakan bibit perpecahan ini sebenarnya. Jadi dari dahulu pun PAS ada, saya tengok trend pemimpin-pemimpin PAS zaman Borhanudin Helmi lain, di zaman Datuk Asri lain sekarang ini lain. Kalau dahulu seketika apabila menjadi 'idola' kepada pemimpin PAS ialah Ayatullah Khomeini, seolah-olah Ayatullah Khomeini inilah merupakan revolutionist Islam untuk Iran. Boleh dikatakan tiap-tiap rumah penyokong PAS ada gambar Ayatullah Khomeini, kita masih ingat ini. Jadi PAS tidak consistent di dalam perjuangan. Serupalah juga dengan perkara-perkara yang lain. Jadi sebab itulah kalau kita mahu negara kita terus selamat, kita mahu terus rakyat kita mencapai kemakmuran dan semua ini harus dinilai dengan lebih baik.

Jadi saya mintalah Kementerian Dalam Negeri, kalau ada perkara-perkara yang bertentangan dengan agama, yang bertentangan dengan rukun negara yang bertentangan dengan tata susila negara kita, kalau ada hukum akta, saya rasa kena ambil tindakan. Bukan sahaja buang perkataan Islam dalam PAS, kalau tindakan pemimpinnya di luar daripada batasan ketatasusilaan untuk kepentingan negara kita, tidak apa kita batallah PAS ini. Kita boleh bubar PAS, kita boleh bubar ini. Bukan

masalah kita takut, dia buatlah parti lain pula yang berorientasikan begitu. Kerana akhirnya yang rugi adalah rakyat, bukan pemimpin UMNO.

Saya rasa pemimpin UMNO ini boleh pergi dan datang. UMNO pun tidak merupakan satu perkara yang mesti dan mutlak tetapi vehicle untuk menyelamatkan negara adalah penting. Jadi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab saya menyarankan khususnya Kementerian Dalam Negeri, khususnya lebih detail lagi ialah Pendaftar Pertubuhan cuba nilailah organisasi yang berdaftar ini termasuklah PAS, termasuklah UMNO sendiri yang pernah diharam, jadi tidak salahnya Pendaftar Pertubuhan, jangan takut. Nilai semua Persatuan Belia yang dilihat apa yang berdaftar dengan kita kalau ianya di luar daripada tata susila kenegaraan kita, boleh mengancam keselamatan kita boleh memecahbelahkan masyarakat kita, boleh membantutkan urusan negara kita. Jadi kena ambil tindakan, janganlah kita ini terlampau baik sampai dekat-dekat jadi bodoh.

Tuan Yang diPertua, kerana ayah saya berpesan kalau kita hendak cerdik pun janganlah jadi penipu dan kalau kita hendak baik pun janganlah sampai jadi sangat bodoh. Jadi perkara-perkara ini dieksploitasikan oleh beberapa pemimpin pembangkang khususnya PAS. Di Terengganu secara khususnya Tuan Yang diPertua, kalau lesen arak dilepaskan, ianya serupa sahaja maknanya pemimpin-pemimpin PAS melalui suatu realiti kehidupan politik bernegara ataupun bernegeri. Jadi inilah sebenarnya hakikat, tidak seperti janji-janjinya sebagaimana sebelum pilihan raya. Sebab itulah saya mencabar kerajaan PAS dia pun ambil alih daripada Barisan Nasional suruh bentang berapa bilion peninggalan BN tidak bentang dalam akhbar.

Saya sudah cabar dua tiga kali pemimpin-pemimpin PAS di Terengganu, kerana dia ini sudah terima semua sekali dan ada sekarang ini 13-14 bangunan yang baik-baik miliknya Yayasan Terengganu dan sebagainya untuk kepentingan rakyat. Tolong beritahulah kepada masyarakat khususnya Terengganu bahawa semua sekali berapa bilion peninggalan kerajaan BN berapakah aset dan current account yang ditinggalkan oleh kerajaan Barisan Nasional. Sekarang ini kita hendak pakai sama ada haram tak haram tidak kira, kita hendak beri balik kepada rakyat hendak menguruskan negeri ini.

Saya rasa adalah lebih adil dan lebih sensible, lebih bermaruah dan lebih baik pemimpin-pemimpin PAS menyatakan benda yang benar. Jadi insya-Allah

kalau perkara-perkara ini dapat dinilai semula oleh kerajaan PAS Terengganu. Saya juga memintalah oleh kerana banyak isu minyak diperkatakan di negeri Terengganu. Dahulu apabila ada timbul di Dewan Undangan Negeri semasa pemerintahan UMNO dan Barisan Nasional. Kita buat perjanjian untuk mendapat ses ini, beberapa peratus daripada Kerajaan Pusat dan Petronas. Adalah lebih bermaruah kerajaan PAS Terengganu baru ini sudah minta 20% pakai minta macam itu.

Saya ingat kerajaan PAS meminta Kerajaan Pusat membatalkan agreement lama, buat agreement baru hendak minta 20-30% lebih bermaruah sebagai sebuah kerajaan negeri yang mempunyai pandangan tersendiri, yang mempunyai haluan yang berlainan dengan pemimpin pusat, tidak apa. Saya ingat oleh kerana kuasa itu duduk di kerajaan negeri minta batalkan dengan kerelaan sepenuh hati supaya batal agreement itu dengan Petronas, buat agreement baru dengan Kerajaan Pusat. Hendak minta 20-30% tetapi jangan gembur-gemburkan di dada akhbar itu PAS tidak marah pula dia minta 20% rakyat pun tepuk tangan. Ini batal tol tanpa rujuk kepada mesyuarat Exco, baru-baru menang tiga hari Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya dapat untung fasal saya hari-hari pergi airport, orang kampung tidak dapat faedah daripada keputusan kerajaan PAS baru-baru ini.

Apabila membatalkan cukai pintu yang dapat faedah orang-orang yang berada di bandar-bandar, bukan orang-orang kampung yang mendapat faedah sebenarnya. Ini semuanya merugikan rakyat di luar bandar tidak seperti kita menyusun, mengatur, mengurus masyarakat luar bandar. Tetapi oleh kerana permulaan bibit perpecahan ini yang berorientasikan kepada agenda agamalah yang dimulakan oleh PASlah maka rakyat telah mula bertukar beberapa peratus sehingga kita agak kecundang di Terengganu baru-baru ini.

Jadi saya rasa semua ini harus dilihat dengan lebih pragmatik demi perpaduan sebagaimana disarankan oleh Duli Tuanku dalam titah ucapannya, apatah lagi dalam keputusan Majlis Raja-raja baru-baru ini dan saya berkeyakinan kalau di Terengganu dan di Kelantan Duli Yang Maha Mulia di kedua-dua negeri sebagai ketua agama akan menilai dan menggunakan kebijaksanaannya demi menyatukan umat Islam di kedua-dua negeri. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak bercakap masalah kegawatan ekonomi yang telah pulih tetapi oleh kerana saya agak terusik dengan perkara-perkara yang menyentuh, perkara-perkara yang saya rasa tidak benar, yang boleh memainkan sentimen rakyat khususnya rakyat Terengganu

dan Kelantan ini, maka saya mengambil pendirian kepada Titah Ucapan Diraja pada hari ini untuk menyatakan bahawa PAS Terengganu tidak boleh menguruskan negeri dengan agak berkesan kerana kita tahu bahawa janji setakat ini. Kita lagi memberi masa sehingga pilihan raya ini, kita memberitahu rakyat Terengganu, kita mahu pengagihan tanah dipercepatkan, tidak seperti dalam kerajaan Barisan Nasional dahulu, ini dakwaan sebelum pilihan raya, kerajaan Barisan Nasional tidak beri tanah, kerajaan UMNO tidak beri tanah. Sekarang saya insya-Allah melalui UMNO negeri Terengganu kita akan mengenal pasti rakyat-rakyat yang belum mempunyai tanah dan kita akan angkat pada kerajaan negeri dan kita mintalah kumpulan-kumpulan masyarakat ini.

Kita mahu pastikan semua rakyat yang dilihat miskin ini terus dibela oleh kerajaan negeri apatah lagi perkara-perkara yang berkaitan dengan perkara-perkara yang memberi faedah kepada rakyat dan saya masih berterima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana sekolah menengah, sekolah rendah di Terengganu masih tidak ditutup. Baru-baru ini pinjaman buku teks masih dijalankan dan saya berterima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional Pusat masih tidak menutup sekolah menengah, sekolah rendah, ITM, Politeknik dan sebagainya di Terengganu. Masih tidak menutup hospital, klinik kesihatan, klinik desa yang saya rasa belanjanya akan meliputi bilion pada tahun ini sahaja saya rasa kita akan bahas mulai besok dan insya-Allah perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan rakyat yang mempunyai tanggungjawab kerajaan Barisan Nasional Pusat. Insya-Allah kita akan sama-sama menyokong gagasan ini untuk kepentingan rakyat Terengganu. Saya amat-amat berterima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional Pusat yang masih meluluskan perkara-perkara asas untuk kepentingan rakyat di Terengganu khususnya dua perkara penting iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan kesihatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajian ataupun pendidikan anak-anak kita. Jadi saya tidak berhasrat melebihi daripada ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ya silakan.

**Tuan S. Parasuranam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana

telah memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya dengan berlangsungnya istiadat Majlis Persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kesepuluh ini oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah jelas menunjukkan bahawa negara kita Malaysia memang mengamalkan sistem demokrasi dengan begitu baik sekali. Demokrasi diamalkan oleh negara kita Malaysia sememangnya telah menjadi ikutan kepada negara-negara membangun yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kejayaan cemerlang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memimpin Barisan Nasional melangkah ke alaf baru dengan berjaya sekali. Sesungguhnya ramalan Yang Amat Berhormat bahawa Barisan Nasional akan memenangi pilihan raya umum 1999 dengan mendapat majoriti lebih 2/3 adalah sangat tepat dan sekali gus mengesahkan kewibawaan Yang Amat Berhormat dalam mengatur perjuangan parti Barisan Nasional ke arah era kegemilangan kemenangan meyakinkan.

Ini adalah amanat bagi warganegara dan rakyat Malaysia yang mencintai keamanan, kedamaian, keharmonian, pembangunan dan keadilan sosial sejagat. Jelas terbukti nampaknya langkah demi langkah negara Malaysia sedang bergerak menghadapi millenium baru dengan penuh tabah dan jati diri. Yakin akan mencapai status sebuah negara maju pada tahun 2020. Kejayaan Barisan Nasional telah dicapai berkat kerjasama tolak ansur dan kesefahaman antara semua parti komponen dalam Barisan Nasional.

Perpaduan dalam Barisan Nasional telah banyak membantu Barisan Nasional dalam menghadapi cabaran parti lawan, menghakis segala tohmahan teguran, fitnah, maki hamun dan celaan yang mereka lemparkan. Tuan Yang di-Pertua, memetik daripada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, baginda menitahkan agar perpaduan serta kesejahteraan kaum di negara kita hendaklah sentiasa dijaga supaya keharmonian yang wujud pada kita ini akan berkekalan. Keadaan yang sedia ada pada ketika ini hendaklah dikekalkan kerana ianya adalah jaminan kepada generasi yang akan datang.

Perpaduan dan keharmonian adalah elemen yang begitu penting dalam menjana pembangunan serta pertumbuhan ekonomi negara kita. Dengan menjana pembangunan serta pertumbuhan ekonomi mengikut acuan negara kita sendiri tidak mustahil Malaysia kini telah dapat keluar daripada kemelut ekonomi sejagat. Kegawatan ekonomi yang melanda negara kita pada sedikit masa dahulu, sedikit sebanyak menjelaskan pendapatan golongan rakyat di negara kita. Melihat kembali keadaan yang wujud sedikit masa dahulu telah banyak golongan pekerja terutama mereka yang bekerja di sektor industri dan perkilangan telah diberhentikan ataupun dibuang pekerjaan mereka oleh para majikan yang terbabit. Kita tidak menafikan bahawa majikan terbabit mempunyai haknya yang tersendiri untuk menentukan sama ada seorang pekerja itu hendak dikekalkan perkhidmatannya ataupun ianya hendak diberhentikan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang hendak saya bangkitkan di sini ialah tentang sikap sesetengah majikan yang begitu sewenang-wenangnya mengambil kesempatan di atas kegawatan ekonomi yang berlaku tadi.

Kita mengharapkan agar pihak kementerian yang terbabit lebih memberi perhatian yang serius agar perkara seumpama ini tidak akan berulang lagi di masa-masa mendatang kerana golongan rakyat itu sendiri yang akan menjadi mangsanya. Daripada keadaan tersebut terdapat juga para pelabur ataupun majikan asing dengan izin, foreign investor telah menutup perusahaan kilang mereka di negara kita semata-mata ingin mengaut keuntungan dengan fenomena yang saya sebutkan tadi. Ada sesetengah kes yang dilaporkan oleh golongan pekerja yang terbabit bahawa mereka tidak dibayar oleh majikan ataupun pelabur asing ini dengan ganjaran yang setimpal atas alasan pihak syarikat mengalami kerugian yang teruk.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru agar pihak kerajaan lebih mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi membendung situasi begini daripada terus berulang lagi. Seandainya pihak kerajaan dapat mengambil beberapa langkah yang tertentu bagi menangani masalah tersebut pasti golongan rakyat berserta pihak kerajaan dapat bersatu padu dan menggembelng usaha untuk membawa ekonomi negara ke atas landasan pertumbuhan yang lebih mapan agar matlamat pertumbuhan berimbang di bawah dasar pembangunan nasional dan matlamat pencapaian status negara maju di bawah Wawasan 2020 dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai sektor pertanian di negara kita. Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong,

baginda ada menekankan bahawa pihak kerajaan hendaklah meningkatkan lagi usaha memodenkan sektor pertanian di negara kita. Kemampuan menghasilkan produk pemakanan itu adalah sangat penting dengan membekalkan bahan makanan yang mencukupi di dalam negara kita, maka adalah tidak mustahil sektor pertanian dapat membantu bagi meningkatkan tahap pertumbuhan ekonomi. Kita sangat bertuah kerana Malaysia dikurniakan sumber hasil yang kaya dengan menggalakkan rakyat menanam sayur dan buah-buahan di kawasan ladang dan Rancangan Buku Hijau juga telah dihidupkan semula. Saya merasakan sektor pertanian ini akan dapat berkembang dengan lebih cepat lagi.

Walaupun dasar pertanian negara kita telah diperkenalkan, negara kita masih lagi memerlukan bahan pemakanan yang berasaskan pertanian diimport daripada luar. Ini sedikit sebanyak membuktikan bahawa sektor pengeluaran pertanian di negara kita masih lagi mempunyai kelemahannya. Daripada jumlah keseluruhan import hasil pertanian tersebut negara kita telah mencatat jumlah import yang agak tinggi iaitu mencecah ke angka RM11 bilion pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan hendaklah mencari beberapa langkah yang tertentu bagi menyelesaikan masalah ini umpamanya dengan menggalakkan pertanian yang lebih banyak daripada golongan rakyat itu sendiri. Langkah-langkah ini juga haruslah diambil, umpamanya oleh pihak kerajaan sendiri seperti berikut:

- Lebih banyak kawasan yang dikhaskan untuk industri pertanian.
- Meningkatkan lagi usaha Research and Development dalam sektor pertanian.
- Menambahkan lagi tenaga buruh dalam sektor pertanian dengan tawaran insentif yang lebih baik.
- Mengkomersialkan lagi sektor pertanian yang berpotensi untuk dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai keyakinan yang penuh sekiranya perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan tidak mustahil industri pertanian di negara kita akan berjaya dan berkembang pesat. Dengan perkembangan pesat sektor pertanian maka taraf hidup golongan petani juga dapat ditingkatkan. Penyertaan golongan belia juga dapat ditingkatkan sekiranya pihak kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan dapat menyusun beberapa

langkah ataupun program yang lebih teratur agar mereka juga turut sama menceburkan diri dalam bidang pertanian ini. Golongan belia adalah aset penting bagi negara kita. Penyertaan mereka di dalam aktiviti-aktiviti berfaedah dapat membantu pihak kerajaan dalam membangunkan negara kita.

Saya mencadangkan agar lebih banyak program dirangka agar semangat jati diri serta cintakan negara dapat dipupuk di kalangan generasi muda di negara kita kerana mereka semua adalah penentu ke arah hala tuju negara di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua dengan kata-kata ini saya mohon menyokong, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Parasuraman. Sekarang masa baru 12.50. Kita ada sepuluh minit lagi, sila Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh.

**12.52 tgh.**

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Assalamualaikum w.b.t. Saya terutama sekali ucap terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama ddalam membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada persidangan Dewan baru-baru ini, dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyentuh pelbagai bidang termasuklah bidang ekonomi, politik, sosial dan agama. Dalam hal ini saya mengambil peluang untuk bercakap sedikit berkenaan dengan agama bersangkut utan dengan ayat al-Quran [*membaca sepotong ayat al-Quran*] bermaksud, “*Ya Allah, ya Tuhanku kami pohon kebahagiaan dunia dan kebahagiaan di akhirat*”.

Jadi kalau kita rujuk balik kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, baginda mahukan kita sekalian rakyat ini hidup dalam keamanan untuk sama-sama kita menikmati kebahagiaan dunia dan akhirat dan sekarang kita amat terima kasih kepada kerajaan yang telah dapat memerintah negara ini dalam keadaan aman damai dan rakyat hidup dalam keadaan kemakmuran. Justeru itu kita masih terdapat bahawa di kalangan kita, di kalangan rakyat Malaysia ini terutama parti pembangkang di mana pilihan raya telah habis tetapi masih lagi kita cuba menghasut rakyat supaya benci kepada kerajaan terutama sekali benci kepada pucuk pimpinan kita Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Saya rasa

perbuatan ini adalah semata-mata hasutan dari pendapat orang Barat bahawa untuk kita hendak menjatuhkan kerajaan itu ialah dengan menggunakan, dengan izin, divide and rule, kita pecah-belahkan kerajaan itu atau masyarakat itu agar kita memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita tahu parti pembangkang ini memang menggunakan ayat-ayat Quran dan hadis-hadis dan kadang-kadang syair Arab pun dikatakan ayat Quran. Oleh kerana kita masih cetek dalam ilmu bahasa Arab maka kadang-kadang kita keliru dengan pendapat-pendapat ataupun boleh juga kita katakan fatwa mengatakan bahawa pangkah PAS masuk syurga dan sebagainya dan saya setuju dengan pendapat daripada Yang Berhormat Rosli tadi bahawa PAS ini atau parti pembangkang ini tidak konsisten. Pada tahun 1957 mereka mengeluarkan pendapat ataupun petua mengatakan bahawa kerajaan ketika itu kafir kerana bersubahat dengan MCA dan MIC atau lain perkataan kita bergabung dalam Perikatan. Tetapi dalam tahun kemudiannya kita telah bersatu dalam Barisan Nasional dan ketika itu PAS juga telah memasuki bersama dalam Barisan Nasional dan ketika itu tidak kafir pula, boleh kita bersahabat, berkawan dengan orang kafir. Tetapi kalau kita balik kepada definisi istilah kafir dalam Islam bahawa kafir ini sebenarnya ada dua jenis atau dua kategori, pertama sekali kafir Zimi, yang kedua Kafir Harbi. Kafir Zimi ini kafir yang jinak, zaman Rasulullah (s.a.w) dahulu bahawa Islam telah bergabung atau berpakat dengan kaum-kaum kafir ini di Madinah terutama orang Yahudi seperti Bani Nazir, Bani Khuraizah dan Bani Qunaiqah. Kita berkawan, bekerjasama di dalam mentadbirkan negara ketika itu dan alhamdulillah negara Islam ketika itu telah maju hinggakan dua pertiga dunia diperintah oleh kerajaan Islam dan kerajaan Islam hidup aman damai tidak ada perpecahan dan sebagainya.

Yang kedua pula Kafir Harbi, Kafir Harbi ini kafir yang tidak mahu bersama-sama dengan kerajaan. Kalau kita lihat sekarang ini ada golongan yang menentang kerajaan mereka mengatakan “langkah mayat dahulu kalau hendak memerintah secara Islam”, ini menunjukkan itu Harbi, bermusuh dengan Islam. Jadi inilah yang mungkin akan membawakan perpecahan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita balik kepada kebahagiaan dunia dan akhirat tadi maka kita perlu kerjasama. Pilihan raya sudah lepas, sudah habis maka kita hari ini, kita harap atau menyeru kepada rakyat Malaysia dan parti-parti pembangkang marilah

kita bekerjasama untuk membangunkan negara ini kerana bekerjasama sahajalah yang boleh membawa kemajuan kepada negara dan rakyat yang cinta kepada keamanan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menentu keamanan ini kita dapati segelintir manusia yang cuba mencetuskan pergaduhan di kalangan masyarakat terutama ada cuba-cubaan untuk mengadakan demonstrasi ataupun perarakan secara aman.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kerajaan sekarang ini berusaha untuk membangunkan negara, untuk memajukan negara ini. Sekarang kita diamanahkan selama empat setengah tahun atau lima tahun daripada tahun 1999 hinggalah mungkin ke 2004 untuk membangunkan negara ini. Jadi dengan itu kita haraplah supaya semua lapisan masyarakat dan juga parti pembangkang mari kita bersatu-padu. Bersatu-padu ke arah memajukan negara ini. Kita faham bahawa pihak pembangkang mendapatkan 'lesen pembangkang', jadi kita tahu pembangkang ini kadang-kadang kalau tidak bangkang dia kata tidak guna jadi pembangkang. Tetapi pembangkang yang boleh membina, kita hendak pembangkang ini pembangkang untuk membina dan membetulkan kerajaan kita ini. Kita tidak mahu pembangkang dengan cara melulu, yang betul pun kita bangkang, yang tidak betul pun kita bangkang. Jadi kalau begitu jadi pembangkang yang cuba hendak merosakkan, hendak menjatuhkan kerajaan atau hendak memecahbelahkan rakyat ini supaya kerajaan itu jatuh.

Jadi kalau keadaan yang macam ini diteruskan kita sangat dukacitalah kerana perbuatan-perbuatan ini adalah dilarang oleh semua agama kerana semua agama memerlukan kita semua hidup aman damai, hidup bersatu padu, hidup bekerjasama. Semua agama mengajar kita supaya buat baik supaya membawakan rakyat ke arah yang lebih baik. Hakikat ini semua agama terima kita tidak boleh nafikan terutama agama Islam. Banyak hadis dan ayat-ayat Quran serta pendapat-pendapat ulamak semuanya menjurus ke arah perpaduan. Contohnya masjid, tadi ada Yang Berhormat mengatakan masjid adalah tempat yang paling sesuai untuk kita menjalankan semua aktiviti, ia kita akui. Di zaman Rasulullah (s.a.w) memang semasa Nabi Muhammad (s.a.w) berhijrah ke Madinah pertama sekali baginda membina masjid.

Jadi masjid ini merupakan pusat gerakan segala aktiviti untuk kepentingan agama, politik dan sebagainya hinggalah hendak berperang pun dimulakan di masjid, diadakan ceramah, taklimat dan sebagainya barulah keluar berperang.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat masa sudah cukup pukul 1.00, kita sambung 2.30 petang. Jadi Yang Berhormat boleh menyambung ucapan itu pada 2.30 petang. Saya tangguhkan mesyuarat sehingga 2.30 petang.

*Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Karim bin Salleh.

**2.30 ptg.**

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya akan menyentuh berkenaan dengan taktik-taktik ataupun cara-cara parti pembangkang khasnya PAS di dalam mewujudkan atau meng *create* kan sesuatu dalam memecahbelahkan masyarakat. Saya boleh bawa contoh-contoh ini khasnya di Perlis, saya orang Perlis di mana keadaan sekarang ini oleh kerana wujudnya penerapan-penerapan pemahaman membencikan kerajaan kepada masyarakat khasnya di Perlis maka terdapat sebahagian daripada orang-orang yang kurang ilmu pengetahuan terutama orang kampung yang mula membenci antara satu dengan lain.

Contohnya dalam majlis kenduri, misalnya – kenduri, kerja kahwin dan sebagainya terdapat golongan pemisahan antara orang yang berfahaman bahawa orang parti PAS ini lebih Islam dari UMNO. Kadang-kadang terdapat juga apabila berlaku kematian, orang PAS tidak pergi melawat orang UMNO yang meninggal dan ada kalanya tidak diberitahu pun jika ada kematian. Kita percaya kiranya pemahaman yang sempit ini dibiarkan berterusan, maka sudah tentu masyarakat Malaysia khasnya orang Islam akan berpecah belah dari masa ke semasa, justeru itu sudah tentulah keadaan kemakmuran dan keamanan yang kita nikmati sekarang tidak akan kekal bahkan lama-kelamaan kemakmuran dan kebahagiaan ini akan hilang begitu sahaja.

Jadi, dengan sebab itu saya sarankan kepada pihak kerajaan supaya ambil tindakan tegas kepada sesiapa yang cuba mencetuskan perkara-perkara ataupun anasir-anasir yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan orang Islam. Ini kerana kita tahu, kalau sekiranya perpecahan berlaku sudah tentu keamanan, kebahagiaan yang kita harap-harapkan tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyentuh tentang perpaduan tadi, ada pihak Yang Berhormat mengeluarkan ayat al-Quran [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]

Iaitu apabila kita berlaku permusuhan hendaklah kembali kepada kitab al-Quran dan Rasul. Ayat ini dipergunakan sebagai muslihat semasa berlaku pergaduhan atau peperangan di antara Ali dan Muawiyah di mana pihak Muawiyah cuba mengambil kesempatan dari ayat ini dengan pihak Muawiyah mengangkat Al-Quran dalam Peperangan Siffin.

Dan kalau kita kembali kepada sejarah di zaman Rasulullah S.A.W di mana ayat al-Quran diturunkan [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Jadi, dalam al-Quran ini Allah menyebutkan bahawa kita hendaklah berpegang teguh dengan agama Allah, atau dengan ajaran Allah dan jangan sekali berpecah-belah. Jadi, dua contoh ayat di atas, pada ayat kedua, Dia menyerukan kita supaya kita bersatu padu dan jangan berpecah-belah sesama kita terutama orang Ansar dan Muhajirin yang hidup aman damai.

Di zaman Muawiyah, maksud ayat pertama pihak Muawiyah sendiri menggunakan peluang untuk memutarbelitkan fakta ataupun keadaan di masa Peperangan Siffin, pihak Muawiyah merasakan bahawa mereka akan tewas dalam peperangan itu. Maka, dengan sebab itulah Umar Ibnu Al-As menggunakan al-Quran mengangkat al-Quran dengan pedang yang bermaksud menyeru kepada perpaduan mengikut kehendak Al-Quran tetapi sebenarnya pihak Muawiyah gunakan mafhum ayat ini untuk tipu helah dalam peperangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini berlaku antara Islam dengan Islam. Antara pengikut Syiah atau pengikut Saidina Ali dengan pengikut Muawiyah bin Abu Sufian. Apabila berlaku keadaan ini, pada mulanya pihak Ali sendiri tidak mahu menerima sebab dia tahu ini tipu helah dalam peperangan dan oleh kerana majoritinya sukakan kepada perdamaian, maka Saidina Ali terpaksa ikut kerana kehendak majoriti. Apabila perjanjian ini dibuat iaitu dalam Perjanjian Tahkim, maka terdapatlah penipuan di mana pihak Muawiyah menggunakan kesempatan ini melantik dirinya sendiri sebagai khalifah dengan mengenyahkan pihak Ali.

Maka, inilah mula berlaku perpecahan sesama Islam ketika itu iaitu jangka masa 1300 tahun lebih. Jadi, untuk kita jadikan sebagai contoh dan sebagai iktibar, ayat kedua tadi [*Menyebut ayat al-Quran tersebut*] Sebagai contoh di mana kita hendaklah bersatu padu supaya kita bertambah kuat, supaya negara dapat ditadbir dengan baik dan keamanan akan wujud di kalangan orang Islam. Ayat yang pertama

sebagai iktibar bahawa sekiranya ada bibit-bibit perpecahan berlaku sesama umat Islam, maka kembalilah bersatu-padu mengikut kehendak Quran dan hadis.

Kalau kita lihat daripada sejarah perkembangan itu, daripada sejak kejatuhan kerajaan Muawiyah sampailah hari ini, nampaknya orang Islam berpecah dari satu puak ke satu puak. Kita dapati orang Islam sekarang berpecah, bukan sahaja dari segi politik bahkan kepada fahaman-fahaman agama pun masing-masing ada yang berbeza dan setengahnya membawa kepada ajaran sesat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada unsur-unsur yang negatif ini saya sarankan kepada kerajaan supaya membuat kajian dan penyelidikan dengan harapan supaya perkara-perkara ke arah perpecahan ini kita dapat bendung sebab perpecahan sesama Islam tidak memberi keuntungan kepada sesiapa bahkan akan merosakkan perpaduan dan akan meruntuh atau melemahkan kerajaan kita yang ada. Kita harap, sebab kita generasi hari ini, mengikut pendapat Imam Shafie, kita hari ini adalah sebagai pemimpin hendaklah mereka yang kita pimpin itu akan lebih baik daripada kita hari ini.

Dan saya menyerulah kepada pihak kerajaan dan juga parti-parti pembangkang dan kerajaan supaya kita cuba bersatu-padu untuk membina negara ini. Kasihanilah kepada anak cucu kita yang akan mengambil tempat kita ini. Kita tidak mahu anak cucu kita yang akan hidup di masa hadapan ini lebih buruk, lebih hina daripada keadaan kita kerana kita mahu keadaan generasi kita akan datang supaya hidup lebih mulia, lebih bahagia dan lebih cemerlang daripada kita hari ini dan sekiranya perpecahan berlaku, sudah tentulah keadaan negara kita, keadaan rakyat kita, keadaan anak cucu kita di masa hadapan tidak terjamin kebahagiaan mereka.

Contohnya, terdapat di kalangan rakyat negara jiran hidup dalam keadaan menderita dan ramai yang menjadi pelarian, ada yang datang ke Malaysia minta perlindungan dan sebagainya. Kita tidak mahu rakyat kita ataupun generasi kita masa hadapan menjadi penganggur, menjadi peminta sedekah, menjadi pelarian dari negara yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membina masyarakat kita yang lebih teguh dan kuat maka hendaklah kita memberi penekanan kepada pendidikan. Kita dapati pelajar-pelajar hari ini, ada di antara mereka yang telah menyeleweng daripada tugas mereka sebagai seorang pelajar. Peristiwa baru-baru ini terdapat juga pelajar-pelajar daripada IPT yang mengambil bahagian dalam demonstrasi aman dan ini akan

merugikan – bukan sahaja merugikan pelajar-pelajar itu, bahkan akan merugikan rakyat dan kerajaan kerana harapan kerajaan ialah memberi pendidikan kepada anak-anak ini supaya mereka menjadi mahir dalam bidang ilmu pengetahuan dengan harapan kita supaya mereka ini keluar mahir dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan.

Tetapi, kalau mereka ceburkan diri dalam perkara yang tidak memberi faedah kepada mereka dan juga merugikan kerajaan, maka saya menyarankan pihak Kementerian Pendidikan supaya membuat kajian, mengapakah murid-murid ini ataupun pelajar-pelajar di IPT ini cuba menceburkan diri mereka dalam perkara-perkara yang tidak memberi faedah kepada mereka sendiri. Dan kemungkinan juga kita rasa, perhubungan ataupun interaksi antara pihak kerajaan dengan pelajar-pelajar ini renggang ataupun mungkin juga kita tidak ada hubungan yang erat untuk memberi penjelasan, penerangan berhubung dengan keadaan pentadbiran dan kerajaan kepada mereka.

Dan dengan itu, mungkin oleh kerana ruang-ruang ini kosong, kita tidak mendampingi mereka, kemungkinan mereka dari parti pembangkang ambil kesempatan untuk meracuni pemikiran pelajar-pelajar ini supaya menentang kerajaan. Kita bimbang kalau keadaan ini dibiarkan ataupun tidak mengambil tindakan awal maka kita rasa perkara ini akan merebak dan kemungkinan kedudukan kerajaan kita akan bertambah lemah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kita menyarankan kepada kerajaan supaya mengambil tindakan tegas kepada pelajar-pelajar terutama pelajar-pelajar yang dapat pinjaman daripada kerajaan khususnya daripada MARA dan juga mendapat pinjaman daripada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat supaya kalau boleh kita ambil tindakan dengan menarik balik pinjaman itu atau mengambil tindakan sesuatu sebagai memberi pengajaran kepada mereka bahawa kerajaan membantu mereka adalah bertujuan untuk memberi mereka pendidikan, pelajaran supaya mereka menjadi generasi yang berguna yang boleh memberi faedah kepada negara kita. Sepertimana yang kita tahu bahawa kita ini kerajaan demokrasi, kalau kita terlalu berlembut sangat dan memberi ruang yang begitu terlalu demokrasi maka sudah tentu pihak pembangkang atau pihak musuh-musuh kita akan mengambil kesempatan supaya melemahkan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelajar juga. Hari ini kita dapati ramai pelajar yang terlibat dengan selain daripada penagihan dadah ialah penghiduan gam.

Kita dapati bila kita tanya pihak bahagian keselamatan atau pihak polis dan sebagainya mereka mengatakan undang-undang tidak wujud untuk mengambil tindakan kepada penghidu-penghidu gam. Jadi kita bimbang kerana penghidu gam ini kesannya saya rasa lebih bahaya daripada dadah, boleh merosakkan pemikiran pelajar-pelajar dan kalau pihak-pihak kerajaan membiarkan keadaan berjalan begitu sahaja, pelajar-pelajar menghidu gam, membuang masa seperti lepak dan sebagainya, kita rasa tentulah akan merugikan pelajar itu sendiri, bangsa dan negara. Kiranya kerajaan tidak mengambil tindakan ataupun tidak mewujudkan undang-undang khususnya mengenai menghidu gam ini maka kita rasa keadaan ini akan merebak, akan meresap kepada generasi-generasi muda dan akhirnya akan melemah dan melumpuhkan kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri ucapan saya ini saya menyokong penuh di atas Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Dewan baru-baru ini. Sekian, terima kasih.

**2.48ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bagaian untuk menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Haji Gafar bin Gurrohu di atas junjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan negara kita sejak merdeka lagi, sejak tahun 1957 sehinggalah ke hari ini berpaksi kepada wujudnya perpaduan antara kaum, orang Melayu, orang Cina, orang India dan selepas itu kita masuk pula ke Sabah, Sarawak, semua kaum-kaum ini menunjukkan kesefahaman dan inilah sebenarnya kekuatan negara kita yang menjadi acuan terutama di South Africa misalnya. Ianya telahpun dicuba untuk mengambil acuan daripada kita untuk dijadikan sistem mereka sendiri.

Yang hairannya sekarang setelah kita merdeka 43 tahun, bibit-bibit perpecahan nampak menjelma dengan ketara sekali. Saya rasa begitu bimbang, pengalaman saya baru-baru ini dalam Pilihan Raya Kecil di Sanggang, dulunya merupakan kawasan saya sendiri iaitu Mentakab, tahun 1982-1986 saya mewakili Mentakab peringkat DUN Negeri, kawasan saya. Saya perhatikan kali ini cara orang-orang Melayu terutamanya bila berkempen untuk mencari pengaruh politik hendak memenangkan calon masing-masing berbeza dengan dulu. Dengan Pilihan Raya

Umum baru-baru inipun berbeza. Rupa-rupanya cara yang dibawa oleh parti PAS, daripada Terengganu, Kelantan, Kedah amat agresif sekali.

Saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, di dalam satu kempen yang mereka buat di Songsang, tempat lahirnya sahabat saya calon parti pembangkang Datuk Hishamuddin saya tengok lima enam ribu mereka mendengar ucapan-ucapan daripada pemimpin-pemimpin PAS sehinggakan jalan raya pun sesak, selepas itu pula memohon mereka yang menghadiri menderma, kutip derma saya ingat dapat RM8,000, RM9,000. Saya tak pernah, saya hendak tanya pihak kerajaan, adakah ini dibenarkan orang yang tidak mempunyai tauliah, yang tidak mempunyai surat rasmi hendak kutip derma ini, mengutip derma daripada orang ramai, daripada mereka yang datang menghadiri ceramah itu.

Dan yang paling teruk sekali pada waktu membuang undi itu sendiri, hari membuang undi, kita dapati pihak yang agresif ini menarik-narik tangan pengundi-pengundi dan mereka juga memberitahu saya kompelin, dia takut hendak keluar mengundi, ada yang takut hendak keluar mengundi bersungguh-sungguh kerana ada yang beritahu mereka, kalau mereka mengundi naik kereta Barisan Nasional mayat mereka tidak disembahyangkan, solat jenazah mereka tiada orang hendak pergi, hendak menggali kubur, orang dia tak akan buat begitu, ini PAS.

Sungguhpun di peringkat atasan, di peringkat jawatankuasa besar seperti sahabat saya Yang Berhormat Senator Hassan ceritakan, peringkat itu mungkin tak timbul perkara semacam ini tapi di peringkat bawah, banyak sangat cerita-cerita seperti ini timbul dan inilah yang memecahbelahkan masyarakat sehinggakan pada hari Jumaat, dua tiga minggu yang lepas seperti yang dinyatakan dalam surat khabar, memang benar ketua kampung yang sebenarnya juga menjadi Ketua UMNO cawangan di situ ditumbuk oleh penyokong-penyokong PAS. Dia kata JKKK, JKKK itu sebenarnya penyokong-penyokong PAS. Selepas itu hendak dirokok dengan botol yang dipecahkan, sampai begitu sekali dan dikeluarkan dalam surat khabar.

Ini amat memalukan kerana di kampung itu tidak pernah berlaku perkara semacam ini. Mereka hidup aman damai, ke masjid, ke surau bersama-sama, tidak ada yang mengugut tak hendak sembahyangkan jenazah, tidak ada, tak pernah berlaku begitu. Kali ini perkara ini berlaku kerana sudah wujud satu keangkuhan antara mereka ini yang telah menang di Terengganu, menang di Kelantan hendak di bawa ke Sanggang, cara keangkuhan itu sebenarnya memecahbelahkan masyarakat Melayu.

Jadi, benarlah apa yang dikatakan, yang dinafikan oleh saudara PAS saya di sini sebenarnya benar-benar berlaku di peringkat akar umbi benar-benar berlaku dan saya amat terkejut apabila Yang Berhormat Saudara Hassan menafikan apa yang dinyatakan oleh Tuan Haji Hadi sendiri dalam apa yang dipanggil, yang dikenal sekarang ini sebagai "Amanat Haji Hadi" yang dibuat pada tahun - amanat tersebut merupakan petikan ucapan Timbalan Presiden PAS, Abdul Hadi Awang di Banggol, Peradong, Kuala Terengganu pada 7 April 1981 dan saya ingin memetik kandungan amanat Haji Hadi itu yang berbunyi;

*"Saudara-saudara sekalian, (saya tak pandailah hendak baca cara dia, dia bercakap sedap) percayalah kita menentang UMNO bukan kerana UMNO dia UMNO. Kita menentang Barisan Nasional bukan kerana nama Barisan Nasional, kita menentang dia kerana dia mengekalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah. Oleh kerana itulah kita berjuang melawan mereka. Percayalah saudara, perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad dan derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini kalau kita mati kerana berlawan ini, mati kita adalah mati Syahid, mati kita adalah mati Islam. Kita tidak payah masuk Yahudi, kita tak payah masuk Kristian, kita tak payah masuk Hindu, kita tak payah masuk Buddha tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku, agama suku"*

Ini bulu roma saya naik sekarang ini mendengarkan amanat Haji Hadi pada 7 April 1981. Saya terpaksa merujuk balik kepada khazanah, kumpulan ucapan-ucapan ini hendak menengokkan di mana puncanya perpecahan umat ini dan dalam surat-surat khabar kita dengar bagaimana di masjid-masjid ini diimamkan oleh orang ini tak boleh sembahyang, ini berlaku di Terengganu. Bagaimana Ahli Yang Berhormat seorang itu hendak baca khutbah yang tidak diedarkan oleh Majlis Agama Islam di Terengganu, apakah ini tidak menularkan bibit-bibit perpecahan dan apakah tindakan yang diambil oleh pusat PAS yang tertinggi ini kepada mereka yang melanggar seolah-olah yang menjadi fatwa kepada mereka sekarang ini, yang melanggar syarat-syarat yang menentukan wujudnya perpaduan ummah tetapi sebenarnya memecahkan ummah. Apakah tindakan yang diambil kepada mereka yang bersabit oleh PAS itu sendiri.

Kalau tidak ada tindakan apa saja bererti mereka sendiri membiarkan perkara ini berlaku, sebab itulah satu ketika Perdana Menteri terpaksa merujuk kepada Majlis Raja-Raja kerana perkara ini akan memecahbelahkan masyarakat dan kita tengok bagaimana perpecahan antara ummah di negara-negara Arab, di Algeria, sembelih-menyembelih, saya tak tahu bagaimana orang-orang PAS sudah pergi ke sanakah menengok keadaan itu, saya hanya tengok surat khabar sahaja atau di Iraq sekarang ini bagaimana musuh luar, musuh yang bukan Islam menentang orang-orang Iraq. Setahu saya hanya isteri Perdana Menteri pergi dengan beberapa wanita berkumpulan yang pergi ke Iraq. Saya tak dengar lagi orang-orang PAS pergi ke sana.

Sebenarnya kita mintalah, jadilah perkara ini sebagai sempadan supaya orang-orang Melayu di negara tercinta ini berpadu sebagai satu ummah yang diredhai. Jadi saya mintalah Saudara Yang Berhormat Hassan menafikan apa yang saya sebutkan iaitu kandungan Amanat Haji Hadi yang saya sebut dan saya buat petikan tadi kerana ini penting bagi kita supaya tidak mengelirukan masyarakat. Sekarang ini masyarakat Melayu terkeliru, yang membuat kata-kata ini seolah-olah ulama-ulama, saya katakan 'seolah-olah' kerana ulama tidak berbuat demikian tetapi mereka berbuat demikian dan ini akan menjahanamkan satu generasi.

Saya bimbang kerana saya dengar cerita-cerita bagaimana di taski di pasti sudah wujud anak-anak kecil ambil gambar pemimpin, pijak-pijak, membenci pemimpin. Dan untuk makluman Tuan Yang diPertua, pada hari pengundian di Mentakab, saya pergi tengok, saya pergi ke Mentakab, tepi jalan Batu Satu bermakna sebatu daripada Temerloh sudah bendera PAS dinaikkan, budak-budak umur 6 tahun, 7 tahun, bendera KeADILan dinaikkan, pegang kibar-kibar, kita lalu situ, apa dia buat? Dia buka seluar, budak 6 tahun, 7 tahun, 8 tahun dibukanya seluar tunjukkan kepada kita. Saya risau kalau perkara ini berlaku cara begini dan di belakangnya penyokong-penyokong PAS dan KeADILan yang duduk tengok budak-budak di tepi jalan ini pergi kibar bendera, buka seluar, tunjukkan. Apakah ini berlaku dulu, tak pernah! Baru-baru ini saja berlaku.

Jadi saya mintalah, akurlah kepada apa yang kita hendak buat itu iaitu mengembalikan perpaduan ummah supaya tidak wujud perpecahan dan perbalahan kerana ini akan meruntuhkan negara, meruntuhkan PAS, meruntuhkan UMNO, meruntuhkan negara, kita tahu kerana sejarah telah menunjukkan bagaimana runtuhnya sesebuah kaum, sesebuah negara, berpaksi kepada perpecahan yang kini

telah sudahpun wujud. Sebab itulah tak pernah Perdana Menteri merujuk kepada Majlis Raja-Raja, tak pernah, sekarang ini Sultan Pahang pergi hendak mengembalikan perpaduan itu kerana sudah wujud bibit-bibit perpecahan yang akan retak dan akan meruntuhkan masyarakat kita.

Jadi saya memohon kepada pihak kerajaan, tindakan tegas mesti diambil kalau kita leka lagi mengambil tindakan terutama sekali pasti, taski - tutup. Kalau ianya merupakan bibit untuk mengajar anak-anak kecil membenci kerajaan, membenci pemimpin-pemimpin, sehinggakan Dr. Mahathir sendiri dipanggil 'Mahafiraun' dan sebagainya -tutup! Dan kita telah pohon di sini beberapa kali supaya prasekolah diambil oleh kerajaan, tak payah FELDA ambil, tak payah KEMAS ambil, tak payah pasti, tak payah taski, Kementerian Pendidikan. Sebab itulah kita mengambil sekolah-sekolah rakyat yang sungguhpun 70,000 penuntut-penuntut kerana hendak memperbetulkan keadaan supaya wujud satu sistem sahaja yang boleh memberikan perpaduan ummah sebagai matlamat dasar itu sendiri. Kalau kita wujudkan sekolah-sekolah yang bertaraf .....

**Puan Jamilah linti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perbetul sedikit mengenai pasti. Pasti itu hanya budak-budak prasekolah yang kami didik mereka untuk membaca *Allahumma*....saya pun tidak ingat baca doa makan. Maknanya tempat pasti itu kita ajar ia mengenal alphabet alif, ba, ta, ya, mengeja 'alif-ya-ha-ya' – ayah. Kemudian di tempat pasti kita tidak gantung gambar-gambar pemimpin pun - tidak gantung. Macam mana budak-budak pasti itu hendak pijak-pijak gambar-gambar pemimpin. Jadi, yang seronoknya sekarang pasti-pasti itu kebanyakan masyarakat kampung itu menilai di taska mengajar apa, di pasti mengajar apa? Tetapi yang pergi mengaji di pasti, dia boleh baca al-Quran, dia boleh hafal, dia boleh baca doa. Jadi pengaruh itu sahaja saya rasa tidak lebih dari situ. Itu sebagai pembetulanlah. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan negara saya rasa elok satu sahaja kementerian. Tidak payahlah ada kementerian-kementerian lain yang mengendalikannya supaya dalam sistem itu kita mempunyai satu titik persamaan, serupa, yang common, titik-titik yang sama, yang tidak ada perbezaan, takkanlah kerajaan hendak membiarkan cara-cara hendak membaca doa dan sebagainya. Kita masukkan ke dalam kurikulum yang sedia ada, kita gunakan kurikulum itu untuk mementingkan dunia dan akhirat. Kerajaan Barisan

Nasional tidak pernah meminggirkan hal-hal akhirat. Walhal institusi-institusi yang ditegakkan oleh kerajaan sekarang ini, apa sekali institusi sekalipun ditiru di negara Arab. Sistem perbankan kita misalnya merupakan contoh oleh orang-orang Arab itu sendiri yang datang ke sini hendak tengok bagaimana kita buat, cara kita. Jadi, tidak perlu kita buat cara lain, saya mengesyorkan kepada kerajaan baik sistem sekolah rakyatkah, Taskikah, pastikah atau apa sekalipun kita buat satu sistem sahaja dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan yang ada menterinya dan pegawai-pegawainya yang cukup profesional di dalam bidang pendidikan ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyerulah supaya kita tengok gambaran yang lebih besarnya ialah negara itu sendiri sebagai negara bangsa *nation state*, mohon izin, itu yang perlu kita tengok. Kalau kita sayang kepada negara kita ini memang kita akan menjauhi apa yang berlaku. Tengok sahaja pada Iraq, Iran, tengok sahaja bagaimana orang-orang Arab sendiri diporak-perandakan oleh kuasa-kuasa besar luar. Walhal Allah s.w.t telah memberi khazanah yang paling banyak kepada negara-negara Arab yang padang tandus di atasnya, bawahnya ada minyak, *the black gold*, di panggil dahulu emas hitam, begitu kayanya Allah swt. Negara-negara Islam seluruh dunia boleh dikatakan terapung atas minyak. Negara-negara Arab, Indonesia, Malaysia, Brunei, Kazakstan, apa sahaja, sebut sahaja negara-negara Islam kebanyakannya terapung atas minyak, apa sudah jadi kepada kekayaan ini?

Dahulu kalau kita tinjau dari segi sejarah tamadun Islam lebih hebat daripada orang-orang putih itu dahulu. Apa sudah jadi kepada tamadun itu? Puncanya sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, perpecahan. Bila kita mengamuk, berpecah, ilmu kita sendiri hilang kerana ilmu hanya ditujukan kepada konflik, memecahkan masalah untuk menunjukkan siapa kuat, siapa yang tidak kuat? Hancur tamadun Islam dahulu sehinggakan sekarang tidak ada satu negara Islam pun yang boleh kita banggakan bersaing dengan negara-negara Kumpulan Tujuh misalnya, atau Kumpulan Lapan, tidak ada. Yang cuba hendak buat bom atom pun sudah kena sekat. Pakistan sudah kena sekat, tidak boleh. Tidak ada sebuah negara Islam yang diiktiraf boleh buat bom atomkah, kereta kebalkah, kapal terbang, tidak ada. Kalau dahulu, orang putih dahulu, orang-orang Barat meniru cara matematik kita, meniru cara perubatan kita, ke mana hilangnya khazanah ilmu itu dan kini kita hendak ilmu. Dalam ekonomi baru, dalam ekonomi pengetahuan, keekonomi, ilmu itu penting. Yang membebaskan

orang Islam daripada penjajahan apa sekalipun ilmu dunia dan akhirat, tetapi kita tidak berpeluang mencari ilmu kalau sekiranya kita bergaduh sesama kita.

Kekayaan minyak orang Iraq sekarang ini apa sudah jadi? Tiap-tiap bulan 7,000 anak-anak kecil mati kebuluran, tidak ada ubat, saya tidak tahu PAS sudah hantar duit ke sanakah, hantar rombongan ke, saya tidak tahu. Kalau betul-betul mereka benar-benar menginsafi hakikatnya, sekumpulan PAS sudah pergi ke sana, kita sudah hantar. Ramai orang sudah pergi, Perdana Menteri pun sudah bertemu dengan pemimpin-pemimpin, baru-baru ini isteri Perdana Menteri dengan sekumpulan wanita pun sudah pergi, sudah tengok sendiri, menyaksikan sendiri dan tiga orang kalau tengok daripada Iraq, pegawai-pegawai Iraq itu sendiri, pegawai-pegawai Bangsa-bangsa Bersatu sendiri sudah berhenti, marah sangat apa yang dibuat oleh orang-orang Amerika ini. Sampai mereka meletakkan jawatan - yang tiga orang itu telah meletakkan jawatan.

Yang saya tahu mula-mula sekali meletakkan jawatan di Iraq, kalau ikut dari maklumat yang saya dapat Penolong Setiausaha yang bertanggungjawab dari segi program kemanusiaan, iaitu Dennis Haleday, sudah berhenti, tidak bersetuju dengan cara Amerika menggunakan senjata sekatan ekonominya. Satu *weapon*, mohon izin, untuk menghancurkan bukan Saddam Hussein, seluruh generasi orang-orang muda Arab, anak-anak Arab di Iraq. Yang dua lagi, yang berhenti daripada tugas-tugas mereka ialah Hans Von Sponic pun berhenti dan Juter Bothguard, Ketua World Food Project berhenti, tidak bersetuju, marah kepada Amerika. Tetapi berterusan Amerika dengan Great Britain, dengan UK berterusan membawa Usul hendak menyekat perubatan sekarang baru ditukar, keluarkan minyak, orang Iraq keluar minyak sekarang ini baru boleh beli ubat, beli makanan untuk menyelamatkan generasinya. Apa gunanya perang sudah habis 1990 dahulu, masih lagi disekat dan disenggang oleh penjajah baru Amerika. Ini sebenarnya gambaran besar orang-orang Islam yang teraniaya dan terpinggir yang sepatutnya kita mengorbankan masa dan tenaga tetapi tidak.

Tidak pernah saya dengar orang-orang PAS mengatakan terima kasih Dato Seri Dr. Mahathir kerana menyelesaikan masalah ekonomi yang menggugat negara, saya tidak pernah lagi. Bahkan saya dengar penafian. Bila kita tunjuk statistik, negara sudah bangun, sudah maju meningkat 54% pertumbuhan ekonomi, IMF pun cover 7% tahun ini, saya tidak pernah dengar orang-orang PAS bersyukur dan

berterima kasih kepada pemimpin yang menganjurkan dan menyelesaikan masalah ekonomi. Orang putih yang dahulunya hendak menjahanamkan negara kita pun mengatakan hebatnya Malaysia dari segi hendak menjaga ekonomi kita, tidak perlu kita bergantung kepada dana kewangan antarabangsa, IMF tidak perlu. Tengok apa yang berlaku kepada negara jiran, yang melutut, kerana terpaksa bergantung kepada IMF sampai sekarang ini huru-hara. Inikah yang hendak ditiru oleh PAS supaya huru-hara wujud di sini supaya kita melutut kepada dana kewangan antarabangsa, berhutang di sana dan ikut telunjuknya. Ini sebenarnya penjajahan yang dibuat dan apakah alternatif yang dibuat oleh PAS untuk mengatakan apa yang kita buat ini tidak betul, ini cara betul, saya tidak pernah dengar. Sungguhpun mereka mewujudkan Barisan Alternatif tetapi tidak wujud dasar alternatif untuk membaik pulih ekonomi negara.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Boleh minta jalan sedikit?

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Banyak pun tak apa.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pada petang ini sekali lagilah PAS kena serang bertalu-talu. Tidak apa, saya ucap terima kasih. Kalau orang lain tidak ucap terima kasih, biasalah saya ucap terima kasih atas serangan yang begitu hebat. Tetapi saya ingin bertanya. yang pertama, tadi dibangkitkan mengenai anak-anak memijak gambar pemimpin-pemimpin. Saya ingat yang paling banyak pijak gambar pemimpin ini orang tua, bukan anak-anak, terutama sekali buruh-buruh majlis bandaran, buruh dewan bandaraya dan majlis-majlis daerah, saya tengok sendiri – masuk lori, lepas itu dipijak. Lepas pijak, bawa ke tempat sampah untuk dibakar - gambar Dr. Mahathir, gambar Ustaz Nik Aziz, gambar Ustaz Fadzil, gambar Yang Berhormat pun kalau digantung, minta maaf, mereka akan bakar juga. Jadi, soal pijak ini saya rasa tidak patutlah kita bangkitkan, lembu pun pijak, saya minta maaf, lembu, asal ada gambar itu di tengah jalan, gambar Dr. Mahathir, gambar sesiapa pun dia langgar dan pijak. Jadi, soal gambar ini saya rasa terlalu kecil. Kalau tidak mahu gambar kena pijak, saya minta supaya gambar-gambar pemimpin kita, waktu pilihan raya jangan digunakan. Itu satu.

Yang kedua, saya ingin juga menyebut kerana telah disebut, orang-orang PAS tidak pernah ke Iraq. Saya rasa dari segi Iraq ini, saya mempunyai hubungan persahabatan dengan Iraq. Dari segi pelajar-pelajar yang belajar di Iraq - perubatan, farmasi, sains, yang sekarang ini sesetengahnya telah bertugas, saya mempunyai

tanggungjawab menghantar sebahagian daripada mereka itu ke Baghdad atas hubungan peribadi saya dengan beberapa orang pemimpin Islam, bukan pemimpin parti Baath. Yang belajar sekarang ini pun, saya ikhtiarkan. Tidak tahulah kalau Kementerian Pendidikan hendak tarik, saya tidak tahu, tetapi mereka mempunyai kerjasama yang baik dengan kedutaan Malaysia di Baghdad. Jadi, jangan kita fikir orang PAS tidak pernah ke Iraq. Saya sendiri pernah ke sana. Kita telah menghantar banyak ubat-ubat ke Baghdad atas nama perikemanusiaan, bukan atas nama politik.

Kemudian, saya melihat bahawa kejatuhan umat Islam ini sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan saya ataupun tidak ialah kerana orang Islam meninggalkan ajaran Islam itu sendiri. Mereka tinggalkan syaria Islam yang begitu baik sedikit demi sedikit. Semalam saya sudah sebutkan - mereka mengambil suatu kefahaman yang liar daripada Islam, itulah sebabnya. Saya minta maaf kepada sahabat-sahabat Yang Berhormat yang bukan Islam kerana Islam seakan-akan digambarkan sebagai ganas. Saya berkali-kali menyebutkan bahawa tidak ada keganasan dalam Islam. Kalau dahulu waktu kempen pilihan raya dikatakan kalau undi PAS huru-hara. Barangkali Tuan Yang di-Pertua daripada Kelantan pun boleh tahu, adakah berlaku huru-hara di Kelantan yang pernah 28 tahun PAS perintah. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya beri laluan sedikit, bukan berucap, beri penjelasan sahaja. Jadi, terima kasihlah. Saya hendak ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Saudara Hassan kita sudah pergi ke Iraq atas peribadi, bukan atas PAS. Jadi, kita minta ramai lagi orang-orang yang bersimpati untuk pergi ke sana atas tiket sedemikian rupa.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, jadi kita hendakkanlah kalau boleh kita benar-benar menginsafi hakikat yang berlaku sekarang ini, jangan kita menafikan. Ada yang kata tidak wujud perpecahan ummah dan sebagainya. Kalau tidak wujud takkanlah dia cerita hendak sembahyang, hendak nikah, tidak ada nikah tidak sah, ada ini, ada itu, takkan perkara ini ditimbulkan begitu sahaja. Mestilah ada puncanya. Jadi, pergilah kepada puncanya. Kalau puncanya dimulakan oleh orang-orang PAS, ambillah tindakan kalau tidak bersetuju dengan cara mereka buat. Kita minta PAS itu sendiri mengambil tindakan. Kawal diri sendiri dahulu sebelum kerajaan mengambil tindakan keram ianya pada waktu itu sudah pun melampaui batasan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai juga yang mengatakan bahawasanya negara kita ini tidak ada hak asasi, tidak beri hak asasi, tidak wujud hak asasi kalau sekiranya Kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu dapat ditubuhkan atas kemenangan pilihan raya dan tidak wujud juga hak asasi kalau sekiranya orang PAS dapat berceramah di Songsang secara besar-besaran, saya tengok dengan mata saya sendiri, wujud. Hak asasi terpelihara kecuali kalau sekiranya ada penyalahgunaan hak asasi yang diberi seperti apa yang mula-mula hendak buat di Masjid Negara pada hari Jumaat dan Sabtu lepas. Itu saya ucapkan tahniah kepada pihak polis, pihak kerajaan kerana mengambil tindakan lebih awal untuk mengawal keadaan supaya tidak wujud satu demonstrasi yang mungkin selalunya mengakibatkan satu keadaan yang lebih liar daripada demonstrasi-demonstrasi yang ditaja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita ada ruangnya di Dewan yang mulia ini, di Dewan Rakyat, Dewan Negeri, ada ruang dan sekarang ini kita tengok semua parti sudah ada di dalam, negeri pun ada, Dewan Negara dan Dewan Rakyat pun ada. Gunakan ruang ini untuk menyuarakan segala kegelisahan, baik kegelisahan parti mahupun penyokong atau rakyat jelata, kita berpeluang, tidak ada sekatan. Dan sebab itulah pihak kita mengatakan, kerajaan mengatakan supaya Usul dibawa. Lalu-lalang untuk ke Parlimen ini polis kena jaga, tidak ada sekatan kerana hendak memberi peluang kepada wakil-wakil rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara untuk memberikan pendapat masing-masing.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, yang pentingnya rasa saya, negara kita, negara yang bermasyarakat majmuk ini, perpaduan itu kerana atas perpaduan segala-galanya dapat kita buat dengan baik. Negara kita ini kaya. Saya sebutkan tadi negara-negara Islam terutamanya semua terapung atas minyak. Soalnya yang terapung atas minyak semuanya ini bukan semuanya dapat hidup selesa, bahagia dan kita amat bersyukur kerana cara kita memerintah negara kita ini semuanya bahagia. Tidak ada orang pergi ke hulu, ke hilir kena tembak tidak tentu arah ataupun tidak disekat untuk mencari makan, mencari rezeki, tidak ada, bebas dan minyak pun kita keluarkan. Sungguhpun ia dikeluarkan di Terengganu, saya hendak tanya pihak kerajaan, apakah isi kandungan yang boleh membenarkan Terengganu dapat royalti 5% atas hasil-mahsul minyak? Saya pernah bertanya, hendak tanya sekali lagi, benarkah minyak itu hanya untuk Terengganu? Tidakkah ia mengalir daripada Pahang? Kerana dalam laut siapa

yang tahu. Dia duduk bawah laut itu dia sedutnya habis untuk kita Pahang pun tidak dapat satu sen dari segi minyak dan juga gas.

Jadi saya hendak tahu ceritakan secara sebenarnya bagaimana cara hendak menentukan supaya minyak itu khusus untuk Terengganu tidak ada masuk campur negeri-negeri lain. Dan apakah matan-matan perjanjian yang wujud antara negeri Terengganu dengan Petronas dan juga Kerajaan Malaysia itu sendiri kerana sekarang ini kita dengar, tadi saudara saya Yang Berhormat Rosli sudah kata bubarlah balik perjanjian yang dibuat dulu kerana sekarang ini kerajaan baru dia hendak 20% kah 30% buatlah perbincangan semula untuk menentukan terma-terma baru bagi memastikankepuasan Kerajaan Negeri Terengganu yang baru ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kita ini kaya dengan minyak. Negara-negara Islam kaya dengan minyak. Tetapi tidak semuanya dapat manfaat daripada kekayaan itu kerana tidak diurus dengan baik. Kerana wujudnya perpecahan antara kaum. Sebab itu mereka tidak dapat menikmati khazanah kekayaan Allah S.W.T. ini. Walaupun suatu ketika negara Arab bukan main banyak duit. Ada yang beli kapal terbang dengan pemetik-pemetik yang dibuat daripada emas, tidur dalam kapal terbang pada waktu itu. Masa di waktu harga minyak sudah melambung sampai US\$80 satu tong. Tetapi tidak diurus dengan baik entah ke mana pergi duit itu. Soalnya pengurusan. Dan kita amat bersyukur kerana pengurusan khazanah Allah S.W.T. di negara ini dibuat dengan cara yang baik. Bukan sahaja orang Islam yang mengakuinya, seluruh dunia sekarang ini menengok kepada Malaysia. Cara kita buat, cara Dr. Mahathir buat sendiri, formula sendiri untuk menyekat wang-wang yang panas datang ke Malaysia ini.

Dua tahun dulu pemimpin kita Dato Seri Dr. Mahathir di Hong Kong mengutarakan suatu idea yang amat ganjil kepada masyarakat dunia memerlukan international financial architecture iaitu kerangka sistem kewangan dunia. Semua orang kata ini gila punya pendapat. Sekarang ini IMFkah, Bank Duniakah, seluruh dunia mengatakan perlunya wujud satu kerangka kewangan untuk sistem kewangan antarabangsa ini. Hari ini hari semalam ada mesyuarat besar di Washington IMF, World Bank semua mesyuarat. Demonstrasi mengganas di sana kerana marah kepada IMF. Ini bukannya orang kita yang marah ini orang putih pun sudah marah kerana menghancurkan ekonomi satu-satu bangsa. Lihat kepada negara jiran 30 juta, 40 juta sekarang ini ditakrif sebagai miskin, dimiskinkan oleh IMF. Kalau saudara-saudara

ingat saya bawa hari itu gambar bagaimana waktu itu Presiden Suharto terpaksa sign, macam sign untuk hendak menyerah diri dan sini berdirinya Michel Camdessus dan saya bawa usul tidak percaya, saya bawa usul tidak percaya PAS pun sokong waktu itu, sebelum Yang Berhormat lagi. Sokong memecat supaya dipecat Michel Camdessus daripada menjadi Pengarah Urusan IMF. Rupanya dia sudah berhenti lebih awal. Dia sudah buat silap.

Negara jiran kita sekarang sampai sekarang ini tidak dapat menyelesaikan masalah. Lebih teruk dan itulah yang akan jadi kepada negara Malaysia kalau sekiranya kita terikat dan terhutang budi kepada IMF. Saya berjanji di sini sebab itulah Dato' Seri Dr. Mahathir lari cepat-cepat daripada bergantung kepada IMF. Kita buat cara kita sendiri dan syukur alhamdulillah kita berjaya. Tidak hendak tepuk dada. Kita bersyukur kerana kita berjaya kerana pengurusan yang baik wujudkan MTEN. Bila kita buat MAPEN II misalnya, saya bersyukur kerana diberi peluang menjadi ahli dari segi UMNO. Kita jemput orang PAS tidak terima. Tidak mahu bermusyawarah hendak menentukan arah perjuangan dari segi ekonomi negara. Hendak buat peta ini, peta perancangan pembangunan ekonomi dalam suatu dekad yang akan datang 2000 ke 2010. Ulama, persatuan ulama tidak datang, PAS tidak datang, DAP tidak datang. Sayangkan negara atau sayangkan parti. Di sinilah kita mengeluarkan buah pemikiran tidak ada. Orang PAS yang cerdik pandai tidak mahu masuk hendak memberikan pendapat masing-masing bagi menentukan masa depan nasib negara tidak ada, tidak masuk. Sekarang kita sudah hendak buat laporan terakhir sudah ini. Bulan lapan ini kita akan serah kepada kerajaan. Tidak ada seorang pun orang PAS, dia boikot, orang DAP boikot. Macam mana hendak bermuafakat kalau hak bangsa tidak kira bangsa ini Cina, Melayu, India, Iban dan sebagainya tidak kira, kita membuat satu pendekatan bersama untuk menyelesaikan masalah bersama bagi kepentingan negara.

Jadi pengurusan yang dibawa oleh Dato' Seri Dr. Mahathir dengan kabinetnya terbuka, telus, jemput semua orang. Tetapi ada yang tidak mengambil bahagian. Sebabnya saya tidak tahu. Hendak mencari kebaikan, hendak mencari titik-titik persamaan demi kepentingan negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, cabaran-cabaran kita ini besar. Bila wujudnya globalisasi, liberalisasi kita tengok orang PAS berkawan dengan DAP. DAP tidak bersetuju dengan hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu. Adakah ini

menunjukkan PAS sendiri tidak bersetuju dengan hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu kerana kita sekarang ini kerana kalau kita ada lumba lari ini Tuan Yang di-Pertua kalau kita berlumba lari orang-orang Melayu masih lagi memerlukan 30 ela di depan, 30 meter di depan untuk sampai sama dengan orang-orang lain. Orang-orang bumiputera memerlukan 30 ela di depan. DAP tidak bersetuju begitu kerana ia menular daripada PAP parti-parti dulu itu, meritokrasi. Nampaknya orang PAS sendiri tidak bersetuju. Yang banyak menganggotai PAS, profesional-profesional ini atas tajaan siapa, daripada mana mereka lahir dengan Ph.D dan sebagainya. Dasar ekonomi baru – biasiswa kerajaan. Yang hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu yang DAP tidak bersetuju yang kini berkawan baik dengan PAS sebagai sahabat.

Dan kita hendak menjelaskan dalam MAPEN II pentingnya keperluan-keperluan bumiputera yang jauh ketinggalan di belakang terus diperjuangkan mungkin tidak dengan nama dasar ekonomi baru. Mungkin tidak dengan nama dasar pembangunan negara. Mungkin dengan nama lain. Tetapi natijahnya, matannya ialah hendak menentukan wujud satu pendekatan dapat menyelesaikan masalah jurang pemisahan dari segi ilmu. Memang kita tahu anak-anak Melayu luar bandar ketinggalan dalam sains, teknologi dan matematik, saya tengok saya ada statistik saya tidak hendak bacakan lagi kerana ada ucapan yang lain yang kita hendak buat iaitu perbelanjaan. Kita tengok tercicirnya anak-anak luar bandar tidak kira apa bangsa sekalipun dalam bidang matematik, sains, teknologi juga bahasa Inggeris. Cabaran globalisasi, cabaran IT akan meminggirkan lagi mereka yang ketinggalan ini iaitu mereka di luar bandar. Ini cabaran bukan sahaja untuk UMNO bukan sahaja untuk Barisan Nasional cabaran negara yang sepatutnya didukung oleh sahabat-sahabat saya di sebelah. Inilah gambaran yang besar yang terpaksa kita dukung bersama.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada salah seorang Yang Berhormat berdiri ya, Yang Berhormat.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya sekadarkan PAS tidak mahu membetulkan, saya sekadarkan untuk membetulkan kenyataan yang telah dibuat oleh Datuk Aziz tadi di mana Datuk Aziz mengatakan PAS tidak bersetuju di atas dasar DEB. Sebenarnya PAS di bawah pimpinan nasionalis Melayu, Datuk Asri adalah bersetuju dengan dasar DEB. Tetapi PAS di bawah pimpinan ulama tidak bersetuju dengan dasar DEB.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Lagilah menakjubkan. Kerana kalau sekiranya dia ulama hendak tolong orang yang susah, orang yang ketinggalan, orang yang diperap oleh penjajah-penjajah dulu. Kalau sudah tidak bersetuju seperti yang tidak dipersetujui oleh ulama-ulama yang bersekongkol dengan DAP yang memang tidak bersetuju dengan Dasar Ekonomi Baru apakah ertinya perjuangan untuk bangsa, agama dan tanah air. Kita perlu menentukan kesaksamaan, keadilan wujud. Kalau begini saya dengar Keadilan mungkin tidak bersetuju juga dengan Dasar Ekonomi Baru. Orang-orang profesional – ini saya hendak minta pihak kerajaan sekarang ini mengkaji, saya ucap tahniah kepada Melaka, kepada Kerajaan Negeri Melaka di bawah kepimpinan Datuk Wira Ali Rustam saya ucap tahniah kerana berani membuat keputusan yang hendak menentukan keunggulan kerajaannya sendiri. Orang yang tidak menyokong bagaimana kita hendak sokong.

Saya harapkan kerajaan-kerajaan negeri lain pun ikut sama cara perbuatan itu. Dan kerajaan persekutuan pun ikut sama, kita tinjau sekarang ini calon-calon parti-parti lawan yang berlawan terutama di Temerloh misalnya, adalah mereka yang mendapat keistimewaan daripada Dasar Ekonomi Baru yang paling hebat. Kalau sekiranya ada parti lawan patut ada pula orang Barisan Nasional antara dua kita beri kepada Barisan Nasional kerana dia menggunakan kewangan dan faedah daripada perjuangan kita untuk menentang kita. Ini bukannya dari segi apa, dari segi politik pun terpaksa buat itu seperti kontrak-kontrak jawatankuasa ataupun pegawai-pegawai di Terengganu sudah habis kontrak tidak perlu disambung fasal bukannya orang PAS. Tidak perlu disambung. Serupa dengan kita kontrak-kontrak baik dengan doktorkah, panel lawyerkah tidak perlu kita teruskan. Kita tidak pernah buat begitu dulu apabila kita tengok Terengganu buat baru kita buat. Tidak pernah Barisan Nasional mengumumkan kepada dunia yang kita akan menyekat periuk nasi orang, itu zalim. Tidak pernah, tetapi apabila kita tengok kezaliman yang wujud di negeri Terengganu kita terpaksa menengok kembali cara-cara perbuatan kita, barulah kita katakan panel doktor, bank yang tidak sekongkol dengan kita tidak perlulah kita beri business. This is normal Tuan Yang di-Pertua, dengan izin perkara biasa.

Jadi sekarang saya hendak menyeru kerajaan negeri-negeri lain pun berbuat demikian. Begitu juga Kerajaan Persekutuan tengok dulu. Petronas tengok. Telekom, Tenaga, siapa yang mendapat kontrak, siapa mendapat tender. Saya pernah mengutarakan perkara yang sama di dewan lain atas perkara ini. Di Dewan yang

mulia ini saya hendak menyeru pihak kerajaan kaji semula siapa yang mendapat faedah di tangan kanan dan menikam dengan tangan kiri di belakang kita, kita kena tengok dan kaji. Ini soalnya sekarang Tuan Yang di-Pertua, cabarannya besar. Dan apabila kita tengok orang-orang yang bersimpati dengan kita dulu mendapat faedah sekarang ini menikam kita balik, kita terpaksa mengatur langkah baru. Biarlah alaf baru ini diikuti dengan langkah baru yang berani kerana kita tidak sangsi lagi bahawasanya untuk menegakkan kerajaan yang kuat kita terpaksa menentukan orang-orang kita kuat dari segi ekonomi pendidikan apa cara sekalipun. Maka barulah dapat kita bersaing bukan sahaja antara kita sesama kita tetapi berdepan dengan cabaran-cabaran baru, wujudnya AFTA esok, segala industri-industri terpaksa potong balik semua duti-duti ini, globalisasi. Saya hendak tanya pihak pembangkang adakah mereka menyedari apa ertinya, apa tujuannya IMF...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pembangkang hendak jawab itu.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya belum tanya lagi ini, apa ertinya IMF datang ke negara kita ini, datang ke Indonesia membantu kononnya, dia hendak buka jalan kepada korporat-korporat multinasional yang besar-besar untuk mengambil alih ekuiti dan khazanah kekayaan di negara-negara yang disebutkan tadi. Apabila wujudnya satu kekacauan di negara jiran bank pun banyak yang sudah susah, syarikat-syarikat banyak susah maka muncullah Soros. Soros sudah beli syarikat-syarikat di sana, bank-bank di sana. Ini sahaja maksudnya. Jadi agensi-agensi seperti IMF dan Bank Dunia ini adalah tangan-tangan, kuasa-kuasa yang besar dengan agenda yang tersendiri sebab itu kita ada suatu yang dinamakan Washington Wall Street Consensus di mana perbendaraan di Amerika Syarikat, institusi-institusi kewangan seperti World Bank dan IMF bersama dengan Wall Street satu pakatan untuk menentukan negara-negara hendak muncul ini bila berani sangat bila kuat sangat kita galakkan. Dalam target dia, dalam sasaran dia Tuan Yang di-Pertua negara Islam yang termaju tiga tahun dahulu Malaysia dan Indonesia. Dan Malaysia dan Indonesialah menjadi matlamat untuk mereka hendak meranapkan dan kita sekarang ini di negara kita sendiri tidak payah perlu orang luar hendak menjatuhkan kita sesama kita. Hendak memporak-perandakan perpaduan yang wujud.

Jadi, kalau ikut logiknya adakah mereka ini digunakan oleh kuasa-kuasa asing yang mempunyai agenda itu untuk meruntuhkan negara kita? Saya tidak tahu tetapi seolah-olah inilah yang berlaku kerana jelas nampak apa yang berlaku di negara jiran.

Kalau berlaku di sini saya tidak tahu bagaimana akan berlaku kepada ekonomi kita dan sebagainya. Orang ini beli ini, orang itu beli itu dan sekarang saya hendak tanya pihak kerajaan, apabila Times Communication apa semua ini menjual saham kepada Singapura Telecommunication (SingTel) adakah ianya dikaji dengan sebaik-baiknya? Adakah ianya kerana pembayaran RM460 juta itu sahaja yang patut kita fikirkan. Adakah kita memikirkan dari segi keselamatan kerana sekarang ini Times akan mempunyai satu saluran optic fiber daripada Selatan sampai ke Utara dan dalam Dewan ini pernah saya katakan, apa tindakan yang diambil waktu communication kita di jammed kan oleh Singapura.

Sekarang ini kalau mereka mempunyai saham dalam syarikat yang strategik, terutama dari segi communication, saya hendak bertanya pihak kerajaan adakah satu penelitian dibuat kerana Sintel gagal mengambil syarikat saham di Hong Kong – Cable Wireless kerana di sana pun orang hendak pergi ke ‘Likashi’ punya group tetapi sekarang hak kita telah dijual. Jadi, perkara semacam ini kena kaji semula, kena tengok. Ya, bagus dari segi ekonomi yang ada jejaring interaksi yang luas tetapi dari segi sekuriti, dari segi keselamatan kita kena fikir secara mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah parti-parti pembangkang menyokong kerja-kerja baik yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional, baik dari segi dasar-dasar yang hendak menolong kaum-kaum yang ketinggalan mahupun dasar-dasar untuk berbaik-baik dengan negara-negara yang bersekongkol dan membantu kita. Saya menyeru pihak kerajaan memikirlanlah, kalau sekiranya baru-baru ini kita dengar kerajaan akan menubuhkan satu pejabat di Havana, pejabat kedutaan kita, saya syorkan satu lagi pejabat di Lebanon kerana Lebanon sekarang ini sebenarnya memerlukan satu pendekatan baru – reconstruction, Tuan Yang di-Pertua, yang hebat. Jadi, kita tidak mahu peluang-peluang di sana pun terkeluar daripada batasan kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah...., kerana dalam ucapan Titah Baginda menyentuh semua aspek. Yang penting saya hendak sentuh ialah dari segi perlunya kita mewujudkan perpaduan kembali antara kita sesama kita supaya kekuatan negara di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dapat terus mengembangkan syiar Islam dan menentukan maruah dan martabat bangsa sentiasa dijaga. Maka, dapatlah kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum-kaum lain.

Saya menyokong Usul ini.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya minta laluan tiga kali tetapi Dato' tidak benar tetapi saya rasa kalau saya tidak menyampaikan hasrat, saya balik rasa tidak puas hati. Jadi, saya melayan perasaan saya sedikit sahaja cuma saya rasa Dato' menyarankan tadi kepada semua kementerian untuk check balik kakitangan profesional yang tidak menyokong Barisan Nasional, bertindak.

Kalau tindakan itu dibuat merenggangkan lagi kita dan memisahkan lagi kita di mana kita menyahut, kita menyahut, kita merayu dan kita merayu supaya semua kita kembali bersatu. Ini atas dasar kita, saya mencari pengaruh saya, Dato' mencari pengaruh Dato'. Masing-masing berjual beli untuk mendapat pengaruh orang yang membeli kita punya idea kita – ideologi kita tetapi kalau kita bertindak lebih agaknya tidak....., hendak kata peri kemanusiaan pun tidak boleh juga tetapi maknanya jangan bertindak sewenang-wenang kepada kakitangan yang memberi sumbangan, servis kepada kerajaan kita, takut lagi renggang perpaduan kita. Kalau kita katakan....., sebenarnya dalam UMNO ini saya rasa pecah, bukan bab-bab Melayu ini, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Itu sahajalah saya rasa, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**3.35 ptg.**

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau ikut tafsiran Islam, kita sebenarnya sama. Cuma perkara-perkara yang kecil yang barangkali dipertikaikan melalui politik tetapi apa yang dibacakan oleh Dato' sebentar tadi ialah sungguh mendukacitakan kita di mana semangat jihad dengan istilah yang barangkali yang bukan Islam boleh faham, semangat perang habis-habisan. Semangat inilah sebenarnya yang telah ditiupkan melalui pekeliling yang disebarkan kepada seluruh umat Islam yang telah menaikkan darah anak-anak muda kita. Inilah yang membuatkan perpisahan, perpecahan semasa kita. Yang lebih afdal sekali, kalau kita ingat, kita ambil dalam satu riwayat, satu hadis mengatakan seorang bertanya kepada Rasulullah, katanya, “Ada seorang jiran saya, seorang wanita yang kerjanya siang malam beribadah, mendekatkan diri dengan Allah, cuma satu kesilapan wanita ini, dia menyakiti hati jiran-jirannya”. Kita lihat apa jawapan Rasulullah dalam masalah ini sedangkan wanita ini *hablum minallah* nya cukup hebat,

ibadah siang malam tetapi jawapan Rasulullah, “Neraka tempatnya, kerana dia menyakiti hati jiran-jirannya”. *Hablum minannasnya*, hubungan sesama manusianya.

Jadi kita lihat di sini, kalau kita bercakap hubungan kita dengan Allah, sesama kita, kita sanggup menangkas semangat jihad, perang habis-habisan, apa maknanya ini? Siapa sebenarnya yang meniupkan semboyan peperangan sesama kita. Inilah yang berlaku sekarang ini.

Saya bekas pendidik. Saya tahu anak murid kita kalau kita ajar dengan betul, dia tidak akan buat benda yang salah. Takkan dia memijak gambar pemimpin, tidak menghina orang lain. Jadi, dalam masalah memecat tadi atau menarik balik, kita lihat bila kita diserang habis-habisan, kita tolong orang kita tetapi kita kembali diserang, saya rasa tindakan negeri Melaka betul. Kita kena defensive, kita tidak boleh sampai terkapar terus. Inilah yang dibuat. Saya rasa Terengganu misalnya, antara negeri yang cukup sabar, cukup fleksibel, misalnya di antara yang kita lihat apa berlaku? Jadi, oleh itu kita kalau lihat agresif dengan agresif, keluarnya api.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, selalu kita sebutkan, tangan yang menyuapkan digigit semula. Inilah di antara perkara yang saya rasa kita kena balik ke pangkal jalan dalam masalah ini. Tidak akan ada kesudahannya. Kalau di Dewan ini kita molek tetapi di luar kita lain. Jadi, saya rasa ianya akan berpanjangan dan merugikan semua pihak.

Tuan Yang diPertua, dalam perkara macam ini kita tidak usah berselindung, jujur. Kalau kejujuran itu ada, selesai tetapi hanya kalau kita manis di bibir, di depan lain di belakang lain, keikhlasan tidak ada, takkan ada perdamaian. Jadi, kita tidak mahu perkara ini berpanjangan, itu sebabnya kita mencari jalan di mana titik-titik penyelesaian. Kita lihat tadilah dalam hendak menangani masalah isu ekonomi yang boleh menjejaskan seluruh masyarakat, boleh menjejaskan gaji kita semua, periuk nasi kita semua seperti apa yang berlaku kepada negara jiran, kita sedih tetapi apa dilihat. Inilah kalau yang dikatakan kita tidak mengajak, kita tidak bersama-sama, kita tidak telus.

Jadi, dalam perkara ini kita harus jujur dan saya percaya kalau semua pihak menjunjung tinggi nilai-nilai yang dibawa oleh agama, kita dapat elakkan semua ini. Kalaulah kita tidak dapat titik-titik persamaan, setidak-tidaknya api permusuhan ini tidak dipanaskan. Kita boleh berhujah dengan tenang dan insya-Allah kita percaya benda ini boleh membawa kepada perpaduan dan kebaikan kita bersama tetapi kalau

kita terus menafikan, kalau dalam Dewan ini kita diperdengarkan dengan ayat-ayat Al-Quran, kita akur, kita tunduk tetapi itu bukan menjadi masalah. Yang menjadi masalah sekarang isu politik, yang teras semalam Dato' Zam menyebutkan, isu agama ini dipolitikkan Inilah yang menjadi masalah besar kepada kita. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

### **3.42 ptg.**

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, PAS ini sebenarnya adalah sebuah parti yang mudah menukar haluan mengikut kepentingan semasa. Demikian pada mulanya PAS mendakwa bahawa orang Islam yang bekerjasama dengan orang bukan Islam menjadi kafir dan dengan itu PAS menolak kerjasama dengan bukan Islam. Kemudian PAS menyertai Barisan Nasional dan bekerjasama dengan orang bukan Islam dalam Barisan Nasional. Pada masa itu PAS tidak lagi mendakwa bahawa orang Islam yang bekerjasama dengan bukan Islam menjadi kafir. Ternampak jelas tafsiran agama oleh orang-orang PAS boleh bertukar untuk kepentingan semasa. Kemudian PAS pula, keluar daripada Barisan Nasional dan menganggap orang UMNO tidak Islam sehingga ahli, pemimpin PAS sanggup sembahyang berasingan di masjid.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada Yang Berhormat berdiri.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya rasa biarlah Ahli Dewan ini jangan berbohong dalam Dewan ini. PAS tidak keluar daripada Barisan Nasional. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua sangat faham. PAS dikeluarkan, dipecat daripada Barisan Nasional. Ia lain "dipecat" dengan "dikeluarkan" – itu berbeza jauh. Jadi, janganlah Ahli-ahli Yang Berhormat di sini memperbodohkan Ahli-ahli Dewan Negara ini. Sudah dua kali saya ingatkan supaya mengeluarkan fakta-fakta yang betul. Ini fakta sejarah. Kita dipecat daripada Barisan Nasional dan kita rela pada waktu itu bila bertanding kita tinggal 'batu nesan' sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, PAS menang dua sahaja selepas kita dipecat oleh Barisan Nasional di Kelantan dan itu pun sebenarnya hasrat dan tujuan pemecatan itu supaya PAS hancur dan memang pada peringkat itu kita hancur tetapi sebagai pejuang Islam, kita tidak pernah undur, kita tidak pernah gosan dan saya hendak memberitahu, kami orang-orang PAS tidak ada harta di luar negeri untuk lari. Kami akan pertahankan negara ini habis-habisan. Jangan ada Ahli-ahli Yang Berhormat di

sini berfikir bahawa kami akan mengkhianati negara ini. Kalau sudah tidak ada orang lagi yang sanggup mempertahankan, kami bersedia untuk mempertahankan negara, mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara ini. Orang Islam tidak pernah lari daripada perjuangan Islam kerana kami menganggap bahawa negara itu sangat dekat hubungannya dengan Islam. Semalam saya sudah terangkan dan jalan pun saya sudah sebutkan, saya ingat Yang Berhormat semalam tidak hadir. Tubuhkan sebuah jawatankuasa tetap, muzakarahkah namanya, apakah namanya, kita runding betul-betul, saya tidak menganggapnya mustahil....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah ada jawatankuasa itu semua.

**Tuan Hassan bin haji Shukri:** Ha, terima kasih. Saya minta jangan bohong lagilah dalam Dewan ini.

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Yang Berhormat Dato' Asri pernah dikeluarkan daripada PAS.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Itu pun tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Saya jaga PAS ini lama. [*Disampuk*] Saya minta Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia keluar daripada tajuk, .....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** .....pasal sentuh PAS, minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** .....dalam ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ya, ya, betul. Saya minta laluan sedikit sahaja. Sebab kadang-kadang – saya mahukan begini sahaja supaya fakta yang disebut mengenai PAS ini betul. Misalnya, kita langsung tidak ada sumbangan dalam kemerdekaan, disebut. Kita hantar satu memorandum kepada Lord Reid dan kita desak supaya Islam itu dijadikan agama rasmi. Itu ada, di Perpustakaan Negara pun ada, di Muzium pun ada.

Kemudian, Dato' Asri ini kita tidak pecat dia. Dia keluar sendiri, dia tubuh parti baru mengikut Perlembagaan kita sesiapa tubuh parti baru dengan sendirinya terkeluar daripada parti itu, itu sahaja.

Jadi, saya tidak mahu menganiaya orang lain dalam perkara ini. Saya minta maaf kalau sekiranya apa yang saya tegur ini. Macam tadi, saya ingat saya disoal apakah jual *Time* RM400 juta hendak salahkan PAS juga. Saya tunggu juga tadi tetapi rupanya tidak ada. [*Ketawa*] Jadi, PAS tidak ada tanggungjawab jual *Time* RM400 juta itu kepada orang lain, yang itu PAS tidak sokong. Terima kasih.

**3.46 ptg.**

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut serta dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh pada 14 Februari 2000.

Seronok hari ini saya dengar, saya ini orang UMNO tetapi duduk tepi [*Ketawa*] tidak macam pedebat-pedebat hari ini yang lebat-hebat. Saya rasa kalau saya tidak bangun, mungkin hangat lagi di antara penyokong-penyokong kuat kerajaan dengan parti pembangkang hari ini.

Jadi, saya ini minoriti Orang Asli ini kena bangun jugalah untuk tenangkan keadaan, bagus itu. Jadi, semoga perkara ini tidak berpanjangan – pening juga kepala saya yang hendak fikir, banyak perkara, yang bahasa-bahasanya putar-belit, apa semuanya ini, hari ini banyak perkara saya boleh dengar. Jadi, saya hendak tafsir satu persatu pun pening juga.

Jadi, sebelum saya hendak teruskan banyak perkara, dalam Titah Ucapan yang semuanya ada 35 perkara dan saya akan sentuh sedikit sahaja. Hanya saya ada sedikit keraguan sahajalah tentang hal-hal parti-parti, terutama sekali – saya orang UMNO, terus terang saya katakan saya orang UMNO, tetapi saya hendak bantai PAS ini pun saya tidak pandai, sebab saya belum sampai masa hendak bantai PAS. Hanya saya rasa terkilan sedikit terutama daripada masyarakat saya, masyarakat Orang Asli yang mana kita tengok ramai yang baru hendak jadi masuk Islam, separuhnya sudah jadi mualaf. Sebahagian daripadanya hendak mendekati agama Islam dan banyak lagi yang berbuat demikian.

Saya pun sokong sebab beragama ini bagus, mengajar kita buat baik dan semua perkara baik dan semua agama menyuruh manusia ini buat baik, tetapi apabila sampai ke tahap agama dan kepartian, saya mintalah rakan-rakan saya renung betul-betul, fikir betul-betul. Jangan disebabkan agama ini, dengan fatwa, dengan perkara-perkara yang bukan-bukan, akibatnya masyarakat saya akan datang, dia lari, dia tidak hendak jumpa lagi dengan orang Islam, tidak hendak masuk Islam. Tolong fikirkan!

Dan banyak perkara semasa pilihan raya saya dengar bila masuk PAS, kata dia, "*Boleh masuk syurga; masuk UMNO, masuk neraka.*" Saya takut esok, orang saya semuanya masuk PAS semua sekali, sebab hendak masuk syurga tidak payah sembahyang, sebab masuk PAS boleh masuk syurga. Inipun saya jadi pening, dan saya hendak jawab satu persatu, anak-anak buah saya di kampung bercakap macam-

macam pasal agama yang dibawa oleh parti-parti, saya tidak erti hendak jawab sebab saya tidak mengerti sungguh.

Jadi, bila berkecamuk tentang parti dan dalam bahasa-bahasa yang berbelit-belit, orang ini cakap begini, orang itu cakap begitu, saya tambah pening dan bila balik kampung saya hendak cakap apa pun, saya tidak tahu. Tolonglah, saya minta sangat kepada rakan-rakan saya, daripada rakan-rakan yang beragama Islam, saya mohon maafkah kalau saya sedikit menguris hati saudara-saudara berkaitan dengan agama ini. Sebabnya saya melihat ada banyak masalah sebenarnya. Pergi dekat kampung, mereka banyak bertanya dan siapa hendak tolong jawab? Saya hendak jawab memang tidak boleh, tolong, kalau boleh, kalau hendak kempen pasal parti, kempenlah cara yang benar, yang betul supaya mereka tidak menyeleweng, esok akidah mereka berubah.

Saya tidak hendak perkara ini berlaku, esok orang kata, "*Alaa, Orang Asli masuk Islam. Masuk sahajalah, sembahyang [Ketawa] pun tidak erti apa semua.*" Minta tolong, tolong sangat-sangat hal ini. Melalui Dewan ini saya minta tolong, terutama parti-parti yang menggunakan Islam ini sebagai landasan mereka dan saya tidak hendak cakap banyak sangat pasal agama ini.

Jadi, saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam Titah Ucapan Yang pertama sekali tentang tanggungjawab kerajaan membasmi kemiskinan – Perkara 16. Jadi, masalah yang terdapat dalam membasmi kemiskinan ini, saya nampak projek yang kerajaan buat untuk orang-orang miskin ini banyak yang baik-baik, yang bagus-bagus tetapi malangnya, yang baik-baik ini sekejap sahaja. Bila sampai satu tahap berhenti. Mintalah kalau boleh, Tuan Yang diPertua, mohon sangat kepada kerajaan supaya menilai kembali, contohnya kepada pinjaman ASB. Bagus program itu, pinjam RM5,000 tiap-tiap tahun dapat dividen RM400 dan RM500, boleh tampung anak-anak mereka hendak pergi sekolah, buka sekolah, beli buku dan sebagainya. Tetapi program itu sekejap. Kawan-kawan lain yang saya tahu orang miskin ini kadangkala mula-mula dia kaya, kemudian mungkin esok lusa dia miskin.

Jadi, yang miskin ini bila masa dia hendak dapat juga pinjaman seperti rakan-rakan yang lain. Kalau boleh saya minta, saya mencadangkan kepada kerajaan wujudkan satu dana pinjaman ASB ini berterusan supaya dia tidak mati. Jangan habis peruntukan, habis program itu. Kalau boleh dana itu terus menerus, siapa yang miskin berilah peluang dia untuk meminjam RM5,000 supaya dia dapat RM400 atau

RM500 hujung tahun membantu menampung perbelanjaan terutama pendidikan kepada anak-anak mereka.

Yang kedua, pasal pilihan raya ini, pilihan raya ini tidak tahulah pada kaca mata ahli-ahli politik yang kuat pasal politik ini. Saya ini ahli UMNO tetapi tidak berapa kuat macam orang lain yang kuat-kuat. Saya ingin mencadangkanlah selepas Pilihan Raya Umum, sudahlah habis Pilihan Raya Umum kerajaan belanja banyak juta ringgit, duit kerajaan habis. Lepas itu ada wakil rakyat kita [*Ketawa*] yang meninggal, mati dan sebagainya. Akhirnya, kita buat lagi pilihan raya kecil. Duit kerajaan juga habis.

Jadi, saya ingat perkara yang paling mudah dan paling sesuai saya rasa sesiapa sahaja yang hendak jadi ‘Yang Berhormat’ ini kena pastikan dia ini tubuhnya cukup sihat, perlu dapat surat pengesahan daripada doktor yang bertauliah kalau boleh supaya tidak rugilah duit kerajaan. Lepas Pilihan Raya Umum, pilihan raya kecil, lepas ini esok, orang ini sakit, kita hendak tunggu, ada yang doa pula hal ini. Di Dewan Rakyat saya dengar parti pembangkang suruh doa wakil rakyat ini cepat mati, dia kata. Hai, saya pun tidak tahulah, saya bukan apa, pokok pangkalnya apabila sesuatu pilihan raya, duit parti biarlah dia habis, dia punya pasallah, tetapi duit kerajaan. Duit kerajaan ini sepatutnya hendak membangunkan pembangunan untuk rakyat tetapi kita gunakan duit ini untuk mengadakan pilihan raya semula, ini yang rugi.

Jadi, saya cadangkan kepada kerajaan sesiapa sahaja yang hendak menjadi wakil rakyat yang hendak bertanding, kalau boleh dia mesti dapat satu surat pengesahan doktor yang dia ini sihat tubuh badan. Janganlah pilih yang tua-tua itu, pilih yang muda-muda macam saya. [*Ketawa*] Itu bukan – seloroh-seloroh juga, saya bercakap perkara benar sebab saya tengok setiap pilihan raya duit kerajaan memang habis banyak. Tidak kiralah parti apa hendak masuk bertanding, itu tidak kisah tetapi duit kerajaan yang saya pentingkan.

Ketiga, tentang imej dan jati diri – Perkara 24 dalam Titah Ucapan. Jadi, saya dapati dalam Titah Ucapan Kebawah Duli ini, mengatakan bahawa imej dan jati diri ini melalui kefahaman mengenai kebudayaan. Saya rasa cadangan Titah Ucapan Kebawah Duli ini amat baik dan kalau tidak silap saya dahulu di peringkat akar umbi, kita ada satu Majlis Kebudayaan di peringkat daerah. Saya nampak majlis ini sudah tidak berkesan lagi, sudah tidak ada, Tuan Yang diPertua. Kalau di Terengganu,

Kelantan saya ingat yang parti PAS yang memerintah, saya rasa langsung tidak ada sebab 'demo' ini tidak sukalah berjoget-joget, berpentas-pentas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bersewang, boleh bersewang?

**Datuk Long bin Jidin:** Sewang boleh. [*Ketawa*]

[Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya Majlis Kebudayaan di peringkat daerah ini dihidupkan semula di semua peringkat akar umbi.

Saya, yang pentingnya, tidak tahulah kebudayaan orang lain, kebudayaan bangsa saya masyarakat Orang Asli ini memang kami ini minoriti. Ada 105,000 orang sahaja, hendak wujudkan kebudayaan kami ini, kalau melalui kami sendiri tidak mampu, kami ramai yang miskin. Jadi, harap pada kerajaan, kalau boleh majlis ini dapat membantu akar umbi supaya memperkukuhkan imej dan jati diri kita dan banyak masyarakat ataupun bangsa-bangsa lain di negara kita dapat memahami budaya masyarakat lain supaya kita lebih rapat lagi.

Jadi, saya mohonlah kepada kerajaan kalau dahulunya Tuan Pegawai Daerah, dia jadi Pengerusi Majlis Kebudayaan Daerah, saya rasa Tuan Pegawai Daerah ini dibebani dengan banyak kerja, dia pengerusi itu, dia pengerusi ini, kalau boleh carilah orang lain, Yang Berhormat kawasan, kalau ada senator dekat situ, berilah senator jadi Pengerusi Majlis Kebudayaan Daerah dekat situ supaya majlis ini boleh berkembang sebab perkara itu baik. Ucapan ini bacalah, saya rasa mungkin ramai yang tidak baca. Jadi, cuba bacalah, saya rasa Titah Ucapan Kebawah Duli ini amat bagus supaya memperkukuhkan imej jati diri melalui kebudayaan ini amat baik sekali dan saya amat menyokong perkara itu.

Berikutnya tentang sistem pengangkutan. Dalam perkara sistem pengangkutan – Perkara 20, kerajaan kita sudah buat jalan bermutu tinggi tetapi Kebawah Duli ada menyentuh tentang kemalangan kepada pengguna-pengguna jalan raya. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan kalau boleh menentukan tentang had laju. Had laju kalau boleh ditentukan mengikut c.c. kenderaan itu. Ini saya tengok, sejak akhir-akhir ini kereta-kereta buatan Malaysia. Perodua Kancil 650 c.c., 850 c.c. dia boleh potong Mercedes, dia boleh potong Pajero. Yang ini, saya mintalah kerajaan kalau boleh buat kajian apakah jenis kenderaan yang menyebabkan kemalangan. Adakah

disebabkan – dia sepatutnya 650 c.c. ini patut larinya 40 hingga 50 kilometer sejam tetapi dia lari 120 kilometer sejam. Hal ini kalau boleh kerajaan kaji, kaji betul-betul.

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat ini pakai Mercedes yang besar-besar ini, bolehlah dia lari 150 kilometer sejam tidak apa. Ini hendak lari 90, 60, cubalah, termasuk pegawai kerajaan cuba pakai Mercedes lari 60 kilometer macam kita duduk setempat sahaja rasanya. Dato' Abdul Aziz pakai 520 E.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Hai! *[Ketawa]*

**Datuk Long bin Jidin:** .....besar Mercedes dia. Kalau dia bawa 60 kilometer sejam, tidak tahulah macam mana cara bawa kereta itu. Mengantuk, mungkin ini yang menyebabkan kemalangan sebenarnya.

Jadi, saya minta kalau boleh kerajaan kaji semula perkara ini. c.c.nya besar boleh lari laju, c.c. yang kecil lari perlahan. Ini yang c.c. kecil potong yang besar. Benda ini perkara remeh tetapi saya tidak tahu, kalau di TV dia papar – jalan ini, kemalangan ini banyak ini, jalan itu kemalangan banyak itu. Betullah itu, boleh papar tetapi orang tidak hairan pun, orang bawa laju semacam sahaja, sama sahaja. Jadi kalau boleh perkara-perkara ini perlu dikaji.

Yang keduanya, pasal hisap rokok dalam kereta. Kalau pakai telefon dilarang oleh kerajaan. Jadi, kalau boleh hisap rokok dalam kereta, yang individu ini sambil pandu, sambil hisap rokok sedap sahaja. Dia pandu sambil hisap rokok. Semasa dia hisap rokok sebenarnya angan-angan datang. Ini pun menyebabkan kemalangan. Telefon boleh dihalang, kenapa hisap rokok tidak boleh dihalang? Saya mintalah – sebab saya tidak hisap rokok. Jadi, saya minta kalau boleh kerajaan ambil tindakan yang hisap rokok dalam kereta persendirian, kalau boleh saman juga. Buat satu peraturan baru atau tambahan kepada larangan memandu dengan cara menghisap rokok, perlu saman.

Jadi, hisap rokok ada lagi tambahan bahayanya. Lepas dia hisap rokok, dia hendak padam puntung rokok dalam kereta tidak boleh, dia campak ke tepi. Di tepi jalan JKR sudah racun, terbakarlah sehari-hari. Bila ditanya siapa buat, orang ramai tidak bertanggungjawab dan sebagainya. Dituduh orang kampung yang berhampiran. Sebenarnya pemandu penghisap rokok yang buat kerja ini. Jadi, saya minta kerajaan tambah kuat kuasa, siapa yang menghisap rokok dalam kereta persendirian, saman sama macam menggunakan telefon, kalau boleh.

Yang berikutnya tentang kemudahan awam, Perkara 17. Saya sentuh sedikit-sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Perkara 17 berkaitan dengan kemudahan bekalan elektrik luar bandar. Saya tengok sejak akhir-akhir ini ia tidak ada penyelarasan di antara TNB dengan kerajaan. Kadangkala bila kita ditanya, kerajaan ada duit hendak bekal elektrik di luar bandar. Duit sudah ada tetapi TNB tidak ada. Akibatnya, lambat, delay, dengan izin. Kenapa benda ini berlaku. Saya mintalah kepada TNB saya tahu kalau ia hendak salur mesti hendak dapat untung. Terutama sekali di kampung-kampung saya, di kawasan Tuan Yang di-Pertua dahulu ada pengundi-pengundi masyarakat saya memang jauh. Hendak sambung bekalan elektrik macam orang kata 'mahal rantai daripada buruk,' ibarat macam itulah. Tetapi pokoknya yang paling penting saya rasa kesejahteraan. Kasihan anak bangsa saya pakai pelita. Hendak belajar sampai pusat pengajian tinggi termasuk saya kena pakai cermin mata sebab dahulu semasa sekolah baca buku dengan pelita, akibatnya pakai cermin mata. Tak tahu Dato' pakai cermin mata sebab apa, sebab pelitakah atau sebab lain, tak tahulah. Jadi, saya tidak hendak sentuh panjang perkara ini.

Akhir sekali, tentang sektor pertanian, Perkara 18, cantik. Dalam sektor pertanian ini ada Dasar Pertanian Negara Satu, Dua, sekarang ini Ketiga. Selepas itu hendak berubah lagi. MAPEN pun ada banyak cadangan yang baik-baik. Tetapi saya hendak tahulah daripada kerajaan sekarang tentang sektor pertanian berskala besar, macam mana hubungannya dengan kerajaan negeri hendak beri tanah besar-besar hendak buat pertanian. Saya tidak nampak sampai hari ini. Ceritanya memang elok tetapi tidak ada. Tak tahulah sekarang ini kita mengimport hasil makanan daripada luar negara berkurangkah atau bertambah. Kata dahulu hendak tanam bawang. Tak tahulah di Terengganu, di Kelantan hendak tanam bawang sama ada menjadi atau tidak, berapa ekar. Saya rasa masalah tanah ini menjadi satu masalah yang rumit terutama sekali dalam sektor pertanian dan selepas itu orang tidak hendak melabur dalam pertanian ini sebab risikonya tinggi dan hasilnya kurang, untungnya kurang. Orang lebih suka melabur dalam saham. Beli saham, untung cepat, hari ini beli, esok jual, dapat untung banyak. Tetapi pertanian ini hendak tunggu lama-lama. Ini yang jadi masalah. Jadi, kalau boleh yang penting saya rasa penyelarasan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri perlu ada untuk merealisasikan kehendak-kehendak seperti mana yang dikehendaki dalam Dasar Pertanian Negara Ketiga ini.

Jadi, untuk itu sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh, 14 Februari 2000. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Abdillah.

**4.05 ptg.**

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Gapar bin Gurrohu berhubung dengan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 14 Februari 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas kata-kata nasihat yang telah Baginda beri kepada kita semua terutama sekali berhubung dengan perpaduan dan bagaimana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri telah menaruh keyakinan kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita menerajui kerajaan dan membawa banyak pembangunan kepada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita telah mengecapi nikmat pembangunan, banyak lagi kemajuan tetapi perlu juga kita meninjau beberapa perkara yang mana mungkin ada kelemahannya supaya kita akan dapat memperbaiki keadaan untuk masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan di sini perkara yang berhubung dengan pendidikan. Kita memang berasa bangga kerana negara kita telah begitu maju mencapai ke satu tahap di mana pendidikan dalam negara kita ini boleh membanggakan. Saya masih ingat semasa saya menuntut dahulu kita hanya mempunyai sebuah sahaja universiti di negara kita. Tetapi sekarang kita sudah mempunyai banyak universiti, baik ianya universiti awam bahkan juga universiti swasta. Di samping itu, kita banyak juga mempunyai IPTS yang lain yang bergabung bersama-sama universiti dari luar negara. Kita benar-benar bangga kerana hasrat kerajaan untuk menubuh atau membuat negara kita sebagai satu pusat kecemerlangan dalam pendidikan akan dapat kita capai. Banyak telah dibuat oleh kerajaan bukan sahaja dalam pendidikan di universiti, bahkan juga di kolej-kolej teknikal semoga rakyat kita, anak-anak muda kita akan dapat pendidikan yang baik dan semuanya akan

memperolehi peluang yang baik untuk menuntut pendidikan tinggi dengan harapan kita akan dapat membina satu masyarakat yang bukan sahaja pintar bahkan juga masyarakat yang berdisiplin apabila kita menuju ke arah Wawasan 2020 kelak.

Walau bagaimanapun, beberapa minggu yang lalu kita telah membaca berita banyak berkenaan masalah di sekolah di mana terdapat beberapa sekolah telah menjadi sekolah yang mempunyai banyak masalah. Saya tidak tahu sama ada takrif masalah di sini hanya melibatkan anak-anak murid sahaja. Mungkin masalah ini juga melibatkan guru-guru seperti mana yang telah kita dengar ataupun seperti mana kita maklum ada juga sesetengah guru yang nampaknya tidak menyokong kerajaan. Dan mungkin juga masalah-masalah yang lain seperti suasana di sekolah. Jadi, saya ingin memberi pandangan di sini supaya keadaan sebenarnya di sekolah dibuat kajian apakah masalah yang sebenarnya yang menjadi masalah ini.

Untuk konteks perbahasan saya pada tengah hari ini, saya ingin meninjau masalah yang melibatkan tingkah laku anak-anak sekolah. Anak-anak sekolah yang boleh kita takrifkan sebagai nakal di sekolah bukan sahaja berlaku pada waktu ini. Pernah berlaku dan pernah dibincang dalam Dewan ini di masa-masa yang lampau bagaimana anak-anak sekolah telah membuat masalah di sekolah dengan mengacau bukan sahaja kawan sama sekolah dengan mereka bahkan juga guru-guru sehingga polis pun datang ke sekolah. Apabila masalah seperti ini timbul bermacam-macam pandangan telah diberi dan ada yang mengatakan bahawa Jabatan Pendidikan akan mengadakan kelas moral ataupun kelas untuk mendidik akhlak supaya anak-anak kita faham dengan tatasusila selain daripada kelas-kelas agama. Tetapi nampaknya keadaan semakin rumit walaupun usaha saya percaya telah dibuat ke arah mengadakan kelas-kelas moral itu.

Di sini saya ingin bertanya apakah sebab yang sebenarnya membuat anak-anak kita menjadi liar. Adakah ia melibatkan unsur-unsur luar. Dalam berita kita membaca bahawa masalah di sekolah itu sudah melibat sebagai seolah-olah gengsterisme. Apabila saya membaca gengsterisme ini saya menjadi takut kerana saya tahu gengsterisme ini adalah satu kumpulan yang merbahaya. Kalau kita tengok filem gengsterisme ini sampai ke tahap membunuh. Jadi, adakah anak-anak murid kita sudah sampai ke tahap itu. Adakah ianya melibatkan unsur-unsur dari luar?

Saya terbaca satu laporan di negara jiran yang mengatakan bahawa di negara Jepun terdapat tiga orang budak sekolah yang memeras ugut seorang budak sekolah

wanita yang berumur 15 tahun untuk sejumlah wang kira-kira S\$148,000 atau lebih. Dan dikhuatiri terdapat 10 orang lagi anak-anak sekolah wanita dan lelaki yang terlibat dalam satu sindiket untuk memeras ugut anak-anak di beberapa buah sekolah. Jadi, di sini jikalau keadaan nakal itu berada di sebuah sekolah sahaja mungkin ia tidak akan menjadi besar. Tetapi yang membimbangkan ialah apabila ia sudah menjadi tahap gengsterisme seperti contoh tadi, bermaknanya ia sudah menjadi satu kegiatan kumpulan yang teratur dan terancang. Mungkin ada pihak luar yang terlibat yang mengurus dan mengatur supaya anak-anak ini menjalankan kegiatan yang tidak sihat. Kalau gengsterisme sudah wujud, bermakna anak-anak sekolah ini bukan sahaja mengacau anak-anak sekolah dalam sekolah mereka menuntut, bahkan mungkin mereka juga mengacau di sekolah-sekolah yang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara ini haruslah kita tangani bersama bukan sahaja oleh guru sekolah, bahkan juga ibu bapa dan juga masyarakat kita yang lain. Saya telah membaca juga dalam berita iaitu pihak polis berusaha memberi kuasa kepada guru-guru untuk mengambil tindakan ke atas anak-anak murid yang terlibat dalam gengsterisme ini. Ini adalah satu approach ataupun kaedah yang singkat. Yang lebih penting yang saya ingin cadangkan di sini ialah supaya kementerian berkenaan mencari kaedah jangka panjang. Perlu dikaji suasana pembelajaran anak-anak kita, adakah suasana sekolah itu menggalak pembelajaran? Adakah pengalaman pembelajaran anak-anak kita di sekolah menjadi satu suasana yang menarik dan elok? Kalau ianya menimbulkan suasana, dengan izin, dull mungkin anak-anak kita tidak berminat untuk belajar.

Dan suasana ini bukan sahaja timbulnya daripada alam sekeliling bahkan mungkin juga daripada minat dan komitmen guru-guru dan kemudahan-kemudahan di sekolah. Saya percaya sebilangan besar dari gangsterisma seperti yang dilaporkan wujudnya di bandar-bandar di mana kemudahan sekolah itu adalah lebih baik daripada kemudahan sekolah-sekolah di luar bandar. Jadi mengapakah anak-anak yang sudah mendapat kemudahan yang baik begitu mudah terpengaruh untuk menjalankan kegiatan yang tidak sihat, mungkin ada sebab-sebab yang lain. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap perkara ini akan difikirkan sedalam-dalamnya dan kita cari jalan untuk menyelesaikan masalah ini untuk jangka yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menimbulkan perkara ini tadi ialah kerana kita sebagai orang tua dan bapak kepada anak-anak, kita sayang kepada anak-anak kita,

kita ingin melihat mereka hidup dan membesar dengan mempunyai ilmu pendidikan yang baik dan berdisiplin sejajar dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat penyayang. Jadi dengan itu saya berharap kita akan dapat membina satu masyarakat yang akan membuat pendidikan itu menjadi amalan yang utama dalam hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai apa yang telah dilaporkan dalam berita surat khabar iaitu Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita telah menyarankan ataupun membenarkan sekolah-sekolah mencari sumber kewangan masing-masing supaya mereka akan dapat menjañkan kegiatan masing-masing dan tidak bergantung sangat kepada kerajaan. Ini adalah satu usaha yang baik supaya sekolah-sekolah itu akan dapat mencari sumber-sumber kewangannya sendiri untuk membaikkan lagi keadaan sekolah dan mungkin dengan cara begini ianya akan juga melibatkan anak-anak sekolah, supaya anak-anak sekolah juga akan menjadi inovatif dan kreatif.. Ini adalah penting kerana suasana di sekolah pada masa kini tidak hanya terhad kepada pembelajaran untuk ilmu-ilmu akademik sahaja. Kita juga harus melatihkan anak-anak kita supaya mereka bersedia untuk menghadapi masa apabila mereka sudah tamat sekolah, sama ada mereka dapat bekerja dengan kerajaan, dengan majikan yang lain ataupun berusaha sendiri.

Jadi untuk mendedahkan mereka supaya mereka bersedia untuk berusaha sendiri maka perlulah pendidikan ataupun latihan keusahawanan diadakan di sekolah-sekolah. Dengan penglibatan sekolah-sekolah mencari sumber kewangan mereka masing-masing, mungkin ianya juga dapat menggalakkan anak-anak murid terlibat dalam kegiatan keusahawanan. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memberi kebenaran ini kita mesti ada garis panduannya supaya tiap-tiap sekolah itu tidak akan melebihi batas. Jadi di sini sekali lagi saya ingin mengalukan saranan Menteri Pendidikan kita mudah-mudahan generasi baru kita, anak-anak kita di bangku sekolah akan menjadi bukan sahaja faham dengan ilmu akademik dan teknikal bahkan juga dari segi keusahawanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya cara mencari sumber kewangan ini boleh disalurkan melalui mengadakan kedai koperatif di sekolah-sekolah ataupun melalui Persatuan Ibumama dan Guru-guru. Saya lebih berminat kepada kegiatan koperatif kerana dengan koperatif itu ianya akan melibatkan anak-anak sekolah dengan bimbingan guru-guru, manakala jikalau ianya melibatkan PIBG ianya hanya

melibatkan guru-guru sahaja untuk menjalankan kegiatan mereka. Saya takut apabila sekolah menggunakan PIBG, nanti Ahli-ahli Yang Berhormat akan menjadi sasaran mereka untuk mendapat derma dan bantuan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengemukakan sedikit mengenai kewujudan institusi pengajian tinggi swasta. Apabila kerajaan menyeru dan ingin melihat institusi-institusi pengajian tinggi ditubuhkan untuk memberi kemudahan dan peluang kepada anak-anak kita belajar, banyak pihak swasta telah tampil ke hadapan dengan mengadakan institusi pengajian tinggi swasta masing-masing. Ada juga yang berjaya dan ada juga yang tidak berjaya, dan dari masa ke semasa tertubuh lebih banyak lagi IPTA bahkan juga IPTS yang dipunyai oleh agensi-agensi kerajaan. Maka timbullah satu suasana di mana timbulnya persaingan di antara mereka untuk mencari penuntut-penuntut dan juga mencari guru-guru. Memang tidak dapat dinafikan bahawa IPTA dan IPTS yang dipunyai oleh agensi-agensi kerajaan mempunyai bangunan yang indah, mempunyai alat kelengkapan yang cukup dan mempunyai pensyarah-pensyarah yang lebih bertauliah, yang lebih berpengalaman.

Manakala pihak IPTS memandang kepada terhadapnya, terutama sekali IPTS-IPTS yang kecil, terhadapnya kewangan mereka maka mereka semakin jauh ketinggalan dari segi kemudahan. Dan akhir-akhir ini ada sungutan daripada beberapa pihak untuk menutup sesetengah daripada IPTS ini ataupun menggabungkan mereka. Saya berharap pihak kementerian akan mengkaji perkara ini dengan teliti kerana sesetengah IPTS itu telah melaburkan banyak kewangan untuk mewujudkan institusi mereka terutama sekali yang melibatkan banyak alat-alat kelengkapan supaya mereka tidak akan rugi dan selain daripada itu usaha murni mereka dari peringkat awal semasa menubuhkan IPTS itu tidak dilupakan begitu sahaja.

Maka dengan itu saya berharap pihak kementerian akan mengkaji semula kursus-kursus yang diadakan dan mungkin jikalau ada kelemahan dari segi kewangan saya berharap Kementerian Pembangunan Usahawan boleh membantu untuk menampungkan keperluan kewangan mereka supaya IPTS ini akan dapat wujud terus dalam pembangunan pendidikan di negara ini.

Memanglah IPTS ini tidak seharusnya bergantung kepada penuntut-penuntut dalam negeri, mereka mestilah berusaha untuk membawa penuntut-penuntut dari luar negeri supaya kita akan dapat menambahkan lagi kegiatan ekonomi dalam

negara. Tetapi ada juga masalah yang timbul apabila mereka cuba hendak membawa penuntut-penuntut dari luar negeri seperti masalah imigresen. Maka di sini saya berharap pendekatan secara menyeluruh harus difikirkan bagaimana masalah yang dihadapi oleh IPTS ini dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai pinjaman dari Tabung Pendidikan. Saya bergembira apabila membaca bahawa begitu banyak wang yang telah diperuntukkan untuk Tabung Pendidikan Negara dan banyak juga jumlah wang yang telah dikeluarkan, dan ramai sudah anak-anak kita yang menikmati pinjaman ini. Tetapi dukacita Tuan Yang di-Pertua pinjaman seperti ini tidak diperolehi oleh anak-anak kita di tempat yang jauh terutama sekali misalnya di beberapa bahagian di Sarawak.

Saya telah mengetahui bahawa beberapa permohonan daripada anak-anak dari tempat-tempat yang jauh di Sarawak belum lagi dapat dipertimbangkan bahkan kebanyakan daripada mereka belum lagi dapat pinjaman daripada tabung ini. Jadi saya berharap dalam pemilihan pinjaman untuk anak-anak kita menuntut di institut pengajian tinggi dengan menggunakan pinjaman daripada tabung ini ianya harus dibuatkan secara terperinci dan meluas supaya ianya juga akan dapat memberi manfaat kepada rakyat kita pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin dan hari ini saya begitu terharu apabila mendengar banyak Yang Berhormat kita bercakap tentang perpaduan. Ini adalah satu-satunya khazanah ataupun peninggalan pemimpin-pemimpin kita di masa lampau. Kita tahu betapa susahnyanya pemimpin-pemimpin kita di masa lampau memupuk dan menyatu-padukan rakyat kita supaya bersatu dan saya berharap usaha untuk membawa perpaduan ini akan dapat terus dikekalkan dan janganlah sampai ada pihak-pihak tertentu yang ingin memecahbelahkan kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang menyedihkan sekali bagi saya ialah apabila ada pihak-pihak tertentu menggunakan unsur-unsur agama untuk kepentingan masing-masing yang mana dikhuatiri bukan sahaja memecah perpaduan di kalangan umat Islam tetapi mungkin juga boleh memecah perpaduan di antara umat Islam dengan bukan umat Islam kerana kadangkala apabila mereka bercerita pasal agama, mereka bukan bercerita hal Fardu Ain, bagaimana kita sembahyang, tetapi selalunya menyentuhkan isu-isu yang ada kaitan dengan polisi kerajaan yang mana dikatakan

tidak betul dan kadangkala timbul juga perkara-perkara yang sensitif yang mana boleh menimbulkan perkauman.

Jadi, saya berharap pihak-pihak yang berkenaan yang menggunakan agama dalam kepentingan parti janganlah menggunakannya sehingga memecahbelahkan rakyat. Biarlah kita menggunakan agama untuk mengenal kita lebih dekat lagi dengan Allah s.w.t dan juga untuk membawa kebaikan kepada diri kita sendiri, kepada masyarakat kita dan negara kita dan janganlah sampai ianya digunakan untuk memecahbelah rakyat di negara ini kerana sekali kita pecah saya fikir susah lagi kita hendak membaiki keadaan untuk bersatu semula.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai beberapa agensi di negara ini untuk memupukkan perpaduan, salah satunya ialah Rukun Tetangga. Saya tidak berapa senang hati melihat kegiatan yang diadakan oleh beberapa Rukun Tetangga kerana ianya banyak berunsur kepada majlis makan minum sahaja, majlis perjumpaan, majlis makan minum dan apabila ada majlis perjumpaan seperti ini ianya selalu diadakan di kalangan ahli mereka sendiri sahaja yang berada dalam satu tempat dan ianya boleh jadi mengandungi satu bilangan kaum sahaja. Sepatutnya majlis perpaduan ataupun majlis makan minum yang diadakan oleh Rukun Tetangga melibatkan percampuran dan pergaulan di antara rakyat kita yang berbilang kaum supaya kita akan dapat mewujudkan lebih erat lagi perpaduan kita.

Selain daripada itu saya berharap orang-orang yang menjalankan kegiatan Rukun Tetangga ini tidak mengadakan majlis dalam bentuk makan minum sahaja tetapi juga memberi maklumat yang sebenarnya mengenai polisi kerajaan kepada orang ramai kerana mereka adalah satu badan dalam sebuah kampung yang dapat mengumpulkan orang ramai dan melalui majlis-majlis ini, mereka akan dapat memberi maklumat yang sebenarnya mengenai kerajaan. Jadi, adalah penting bagi mereka yang menganggotai Jawatankuasa Rukun Tetangga memahami polisi kerajaan terlebih dahulu supaya mudah mereka memberi penerangan kepada rakan-rakan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Rukun Tetangga dapat menjalankan kegiatan mengawal keselamatan dalam kampung ataupun tempat di mana Rukun Tetangga itu berada. Dengan cara begini mereka akan dapat membantu pihak polis dalam membanteraskan kegiatan jenayah kerana jenayah seperti mana yang kita maklum walaupun pihak polis, kita memang memuji pihak polis kita kerana telah

berusaha dengan keras untuk membendung ataupun mengurangkan kewujudan jenayah tetapi alangkah baik sekiranya banyak lagi orang yang dapat melalui badan seperti Rukun Tetangga dalam membanteraskan kewujudan jenayah di kampung-kampung.

Saya dapat tahu bahawa kecurian sering berlaku di kawasan perumahan dan didapati anak-anak juga mengamal kegiatan yang tidak sihat seperti menghisap gam, dadah dan lain-lain dan dengan adanya penglibatan Rukun Tetangga kegiatan seperti ini akan dapat kita bendungkan dan kita tidak akan hanya bergantung kepada pihak polis sahaja untuk berusaha dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tindakan yang telah dibuat oleh kerajaan untuk memberi dua hari Sabtu dalam satu bulan untuk dijadikan hari tidak bekerja dan saya percaya matlamatnya ialah untuk membolehkan kita lebih mesra dengan keluarga supaya dapat lebih banyak lagi masa kita bergaul mesra dengan keluarga dan ianya juga membolehkan kita melancong dari satu negeri ke satu negeri dalam Malaysia dengan mana kita akan dapat meningkatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat negara ini.

Jadi saya inginlah bertanya kepada pihak kerajaan sama ada kajian telah dibuat untuk meninjau ataupun menilai kepada hasil yang tercapai dengan memberi dua hari Sabtu cuti dalam satu bulan kerana ini penting. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak buat kajian kita tidak tahu sama ada matlamat kita itu sudah dicapai atau tidak. Kalau ianya tidak tercapai mungkin kita harus kajikan kelemahan supaya kita akan dapat membaikkan keadaan dan mencapai matlamat kita yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita seperti apa yang saya faham, yang saya tahu sebelum kita berada dalam peringkat pembangunan yang ada sekarang ialah kita ini bergantung sangat kepada pertanian dan saya percaya masih banyak lagi rakyat di negara kita ini yang masih bergantung kepada pertanian. Usaha kerajaan untuk membanyakkan lagi pengeluaran makanan dengan meningkatkan lagi kegiatan-kegiatan pertanian sangatlah dialu-alukan. Apatah lagi baru-baru ini kita bercadang untuk melibatkan pertanian secara berskala besar. Sama seperti soalan dari Yang Berhormat Datuk Long Jidin tadi, saya juga ingin bertanya bagaimanakah kerjasama di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri untuk memperolehi tanah yang besar untuk pertanian berskala besar dapat dilaksanakan.

Dalam usaha kerajaan untuk mengadakan pertanian yang berskala besar, saya berharap ianya tidak akan menjejaskan kepentingan petani-petani kecil dan sekiranya petani-petani kecil ini dibawa bersama dalam pertanian secara skala besar, di mana mereka akan memberikan tanah mereka ataupun menyewakan tanah mereka untuk penggunaan pertanian skala besar, besar kemungkinan mereka akan hanya menjadi pemilik saham ataupun menjadi pekerja di situ sahaja.

Saya berharap petani kita dengan *approach* moden ini harus juga diberi peluang untuk mengusahakan tanah masing-masing dengan menggunakan teknologi moden. Jadi, dengan itu saya berharap pihak kerajaan akan dapat memberi kemudahan kepada petani-petani kecil supaya mereka akan dapat mempertingkatkan hasil pengeluaran mereka. Sebagai contoh, kalau kita hendak mengerjakan tanah kita dengan cepat, tidak mungkin kita dapat mencapai matlamat kita kalau kita menggunakan cangkul, tentu sekali kita perlu dengan jentera.

Dan jika mereka hendak membeli jentera, memang mungkin mereka tidak mampu kerana jentera mahal. Maka, adalah baik sekiranya kerajaan mengadakan satu pusat di mana jentera-jentera itu boleh dibekalkan dan pinjam ataupun disewa kepada petani-petani kecil supaya mereka akan dapat membangunkan tanah mereka dalam masa yang singkat dan dengan sendirinya saya percaya ianya akan dapat mempertingkatkan hasil pengeluaran mereka. Jadi, saya berharap *approach* kita menggunakan teknologi moden juga ditumpukan kepada petani-petani kecil.

Dalam usaha kita untuk memberi maklumat kepada petani-petani kecil, memang banyak masalah yang akan timbul seperti penerimaan mereka mungkin lambat ataupun mungkin ada bantahan ataupun mereka tidak akan dapat menerima apa-apa yang ditujukajarkan. Saya berharap pihak kerajaan akan menggunakan cara yang lebih *patience* sedikit iaitu dengan izin, sabar kerana mungkin pihak petani lambat dapat menerima pendidikan-pendidikan yang baru dan saya berharap keadaan ini tidak akan disalahgunakan oleh pihak pembangkang untuk melambatkan usaha kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekiralah wujud di mana petani-petani kita tidak dapat menerima cadangan-cadangan dari kerajaan, saya rasa adalah baik sekiranya kerajaan mengadakan satu *pilot project* di mana kita *adopt* petani-petani kecil itu dan kita bantukan mereka sehingga mereka berjaya dan saya percaya kejayaan mereka itu kelak akan dapat menjadi contoh kepada petani-petani kecil yang lain yang mana

dengan sendirinya akan dapat menarik minat mereka supaya ikut serta dalam projek kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai alam sekitar. Alam sekitar ini adalah penting bagi kita. Sepertimana yang kita maklum, kita tidak dapat hidup dalam keadaan yang mempunyai pencemaran yang terlalu tinggi dan dengan itu adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menentukan alam sekitar di negara ini adalah bebas daripada pencemaran. Sepertimana yang kita maklum juga, pencemaran ataupun keadaan alam sekitar bukan sahaja menggugat kesihatan kita, tetapi juga bagi jangka yang panjang, menjejaskan imej negara kita dan juga perhubungan perdagangan kita dengan negara lain. Kerana alam sekitar ini boleh digunakan oleh negara-negara yang ada saingan dengan kita, mungkin, untuk memboikot hasil yang dikeluarkan daripada negara kita. Jadi, dengan itu saya berharap kita bersama-sama memainkan peranan untuk menentukan alam sekitar kita bebas daripada pencemaran.

Saya menimbulkan perkara ini ialah kerana saya berasa bimbang apabila membaca dalam surat khabar yang mana bukan sahaja kita yang membacakannya, tetapi juga orang luar negara kita betapa mudahnya pencemaran itu dilakukan oleh banyak kilang. Kenapa pencemaran di kilang itu tidak dapat dikesan dari awal lagi sebelum ianya menjadi masalah yang besar sehingga membawa pencemaran yang besar? Kenapa sampai begitu? Adakah kita tidak mempunyai pegawai untuk menguatkuasa keadaan ini? Atau adakah kerana jabatan yang berkenaan tidak mendapat kerjasama daripada jabatan-jabatan lain yang ada kaitan dengan alam sekitar? Jadi, saya percaya soalan kedua itu sudah ada terjawab apabila saya membaca berita lagi di mana Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mengatakan bahawa Jabatan Alam Sekitar akan memberi kuasa kepada pihak-pihak majlis tempatan supaya mereka dapat juga mengawal keadaan pencemaran itu yang berlaku di kilang-kilang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerjasama daripada jabatan-jabatan yang lain hendaklah benar-benar komited, jangan hanya di bibir sahaja tetapi mesti ada komitmen daripada jabatan-jabatan lain terutama sekali daripada pegawai-pegawai yang terlibat untuk menentukan supaya pencemaran tidak berlaku dalam alam sekitar kita terutama sekali di kilang-kilang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kerana baru-baru ini telah memberi Ahli-ahli

Parlimen satu taklimat mengenai dengan kemajuan pelancogan di negara kita. Saya amat tertarik dengan maklumat yang telah diberi yang menggambarkan betapa usaha kerajaan selama ini yang membawakan kemajuan kepada sektor *tourism* sehingga ianya telah dapat menjadi sektor yang ketiga yang membawa pendapatan tukaran asing.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk kerajaan kita membawa pelancong-pelancong ke dalam negara adalah dialu-alukan dan banyak juga yang tidak disenangi oleh pihak-pihak tertentu, sebagai contoh, *Formula One*, *Grand Prix* dan banyak lagi perkara yang lain. Saya berharap pihak kerajaan akan dapat memberi penerangan yang sebenar-benarnya mengenai hasil dan bagaimana kita, negara ini dapat menerima manfaat daripada semua kegiatan ini kerana ada orang yang memikirkan bahawa kita membazir tetapi sebenarnya kita tidak membazir. Sebenarnya kita membawa pulangan kepada negara secara tidak langsung dan ada juga yang secara langsung. Tetapi ini tidak difahamkan oleh sebilangan besar daripada rakyat kerana mereka tidak faham dengan bagaimana pulangan itu boleh didapati.

Jadi, oleh yang demikian, saya berharap pihak-pihak yang berkenaan mestilah memberi penerangan yang jelas kepada rakyat supaya mereka tidak mudah dipengaruhi oleh pihak-pihak tertentu. Kalau tidak, usaha kita yang baik begitu akan menjadi sia-sia dan sebaliknya dapat dipergunakan dan diperalatkan oleh pihak yang mempunyai kepentingan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa bangga, negara kita pada masa ini sudah terkenal di masyarakat antarabangsa. Kita boleh melawat negara-negara di luar negeri sekarang dengan bangga dan kita tidak malu lagi ataupun segan untuk kita bercakap dengan mereka mengenai kemajuan yang ada di negara kita. Banyak orang sudah kenal dengan kita dan oleh yang demikian, saya dengan ada peluang ini, ingin juga minta kementerian berkenaan, sekiranya ada temasya-temasya antarabangsa yang hendak diadakan di negara ini, adakan juga temasya ini di negeri-negeri yang lain seperti negeri Sarawak dan juga Sabah supaya dengan sendirinya temasya ini akan dapat mendedahkan lagi negeri-negeri kami yang berada dalam Malaysia ini di kalangan masyarakat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan saya ke atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin lagi sekali menyeru kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini supaya kita berfikir bersama-sama

bagaimana kita akan dapat mengeratkan lagi perpaduan di kalangan rakyat kita. Saya menyentuh perkara ini lagi ialah kerana saya runsing juga apabila melihat perkembangan yang berlaku di negara-negara yang berdekatan dengan kita di mana rusuhan telah berlaku disebabkan sudah ada keretakan dalam perpaduan mereka.

Negara jiran kita itu, sepertimana yang kita maklum sebelum ini adalah terkenal dengan keunggulan mereka dalam perpaduan, dalam persatuan mereka dan kekuatan mereka. Tetapi nampaknya pada masa ini, mereka sudah mula retak. Marilah kita bersama-sama berusaha untuk memikir cara yang baik bagaimana kita akan dapat meningkatkan lagi perpaduan di kalangan semua rakyat yang berbilang kaum di negara kita untuk selama-lamanya untuk kepentingan kita pada masa sekarang dan juga generasi di masa yang akan datang.

Sekian, sekali lagi saya ingin menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Tuan Haji Gapar bin Gurrohu berhubung dengan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 14 Februari 2000. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui. Silakan.

**4.48 ptg.**

**Datuk William Lau Kung Hui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahas dan mengucapkan ucapan syukur dan terima kasih kepada titah ucapan Tuanku semasa membuka Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Yang Kesepuluh. Titah ucapan Tuanku telah merasakan semua rakyat Malaysia langsung mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan negara untuk memastikan pembangunan negara boleh diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membangkitkan beberapa isu. Satu daripadanya adalah berkenaan hal-hal keselamatan dan keamanan di negara kita. Pada amnya, kita harus bersyukur kepada Tuhan dan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad kerana negara kita aman, damai, stabil dan tenteram. Perkara ini mustahak kerana tanpa kestabilan, keamanan dan keselamatan dalam negara kita, pembangunan negara akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini, saya ingin mengucapkan ribuan tahniah kepada anggota Polis Diraja Malaysia di bawah pimpinan Ketua Polis Negara,

Tan Sri Dato' Seri Norian Mai. Anggota polis telah menunjukkan sikap dedikasi dan tidak mementingkan diri sendiri untuk menjaga dan memelihara keselamatan dan undang-undang. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kontinjen Polis Diraja di Sarawak atas operasi mereka baru-baru ini di mana mereka telah berjaya menumpaskan sindiket yang mengendalikan aktiviti-aktiviti haram

Seperti yang kita ketahui, mengeluarkan lesen dan memiliki senjata api secara sah telah diperuntukkan di bawah Akta Senjata Api 1950 yang dilaksanakan oleh Pentadbiran Kerajaan Wilayah. Walau bagaimanapun akibat daripada fakta sejarah, Setiausaha Negeri Sarawak melalui pentadbir dan penduduk juga diberi kuasa untuk memberi lesen untuk memiliki senapang. Berbanyak-banyak rakyat di Sarawak tidak pasti sama ada kuasa ini juga diberi kepada pentadbir dan penduduk negeri Sarawak ataupun peruntukan diliputi dalam Akta Senjata Api ataupun persetujuan khas pernah dicapai di antara kerajaan Wilayah dan negeri-negeri lain secara berasingan mengenai isu pemilikan senapang.

Tuan Yang diPertua ini telah memberi peluang kepada sindiket dan pihak-pihak lain yang tidak bertanggungjawab untuk mengeksploitasi keadaan huru hara ini dan aktiviti-aktiviti pihak tertentu sudah pun ditetapkan. Buat masa ini masih terdapat mereka yang masih cuba mengelirukan rakyat untuk mempercayai bahawa lesen untuk memiliki senapang yang dikeluarkan adalah sah. Daripada siasatan awal tahun ini perancang sindiket telahpun berjaya ditahan. Seorang daripada mereka merupakan pekerja Majlis Daerah di pedalaman Sibu dan dua orang lagi rakyat biasa telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana kesalahan melibatkan diri dalam aktiviti pemalsuan dokumen perlesenan. Adalah nyata bahawa sebilangan mereka masih memiliki senjata api senapang secara haram yang masih belum disahkan. Mereka mungkin tidak tahu bahawa lesen memiliki yang telah dikeluarkan ini adalah tidak sah dan sejumlah wang yang besar telah dibayar kepada sindiket yang tidak bertanggungjawab itu adalah haram. Mereka telah diberi gambaran yang palsu oleh pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang diPertua, saya ingin mencadangkan dan minta kepada pihak yang bertanggungjawab agar melindungi sekumpulan rakyat ini yang telah menjadi mangsa kepada penggambaran palsu yang diberi oleh sindiket ini. Kesedaran ini patut diberi kepada mangsa-mangsa sedemikian. Kebanyakan mangsa ini terdiri daripada rakyat

awam yang dihormati dalam masyarakat dan ahli perniagaan yang tidak mempunyai rekod jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak harus didakwa bersalah di bawah undang-undang negara kecuali jika terdapat bukti yang kukuh menunjukkan bahawa mereka telah melaksanakan aktiviti sedemikian secara sukarela dan mereka adalah rakan saya yang terlibat dalam kesalahan yang terbabit. Orang yang patut digandakan hukuman ialah penjenayah yang jelas bersalah dan bukan rakyat umum yang melakukan kesalahan secara tidak sengaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya adalah mengenai informasi teknologi ataupun lebih dikenali sebagai IT. Memang tidak dinafikan bahawa negara Malaysia masih ketinggalan jika berbanding dengan negara-negara lain dalam penggunaan sistem komputer. Jikalau Malaysia sebagai sebuah negara mengalami ketinggalan dalam sistem komputer berbanding dengan negara lain apakah lagi bagi negeri Sarawak dan Sabah yang jauh lebih ketinggalan dalam sistem informasi teknologi ini. Pada waktu ini harga pasaran komputer masih dianggap tinggi dan terdapat banyak lagi keluarga yang tidak mampu memilikinya. Langkah kerajaan baru-baru ini di mana peruntukan telah dibuat untuk membenarkan rakyat mengeluarkan sebahagian daripada simpanan mereka dari EPF dengan izin, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja amatlah disanjung.

Dengan kehadiran komputer sebagai media pendedahan kepada Internet, e-commerce dan sebagainya di rumah, anak-anak Malaysia tidak perlu lagi mengunjungi tempat yang dikenali sebagai dengan izin, cyber café untuk mendapatkan pendedahan menerokai alam sistem komputer. Ibu juga dapat mengawal dengan lebih teliti aktiviti ataupun jenis pendedahan IT anak-anak mereka. Ini jelas dapat mengundang kesihatan sosio di kalangan anak-anak Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun masih terdapat kalangan yang masih tidak mampu memiliki komputer lebih-lebih lagi mereka yang menetap di kawasan pedalaman dan bergaji rendah. Dengan ini saya ingin mencadang supaya pihak berkuasa melancar atau mempertimbang untuk mempertingkatkan pemilikan komputer secara sewa ataupun bayaran secara bulanan untuk kalangan yang tidak berkemampuan ini supaya mereka tidak diabaikan atau terpaksa menanggung bayaran kaedah komisyen yang tinggi dalam perjanjian sewa beli.

Saya berharap pihak berkuasa yang berkenaan akan mempertimbangkan cadangan ini dengan lebih serius dan terperinci supaya lebih ramai rakyat berupaya memiliki komputer lebih-lebih lagi mereka yang menetap di kawasan pedalaman di mana gaji purata mereka adalah jauh lebih rendah daripada yang terdapat di bandar. Langkah ini Tuan Yang di-Pertua dapat merapatkan lagi pendedahan sistem komputer di seluruh negara dengan kadar yang sama rata.

Berhubung dengan perkara ini atas saya ingin mencadangkan supaya negeri Sabah dan Sarawak diberi sepenuh perhatian dalam perkara ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa negeri Sabah dan Sarawak adalah jauh lebih ketinggalan bukan sahaja dari segi sistem informasi teknologi malah juga dalam berbagai segi pembangunan seperti kemudahan infrastruktur dan pendidikan jika berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, isu selanjutnya ingin saya bangkitkan dan di mana perhatian yang terperinci mesti diberi adalah mengenai pendedahan yang mempunyai ciri negatif di kalangan mereka yang bethah kepada sistem komputer. Yang pertama Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencatatkan supaya langkah cermat dan waspada untuk memastikan supaya ciri negatif ini tidak mempunyai peluang untuk berleluasa ataupun muncul supaya negara kita dapat menguasai IT secara positif. Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa pembangunan IT dari segi e-commerce atau dengan izin, knowledge management adalah suatu yang mesti dikuasai oleh semua sektor dan warganegara untuk terus maju akan tetapi informasi sulit yang dihantar mesti dijamin tidak dapat disekat oleh penggemar komputer. Bayangkan 'jenayah penggemar'komputer yang telah berjaya 'mengamal' akhbar utama New York Times di peringkat media elektronik. Mereka ini berpotensi mengamal banyak lagi jenis media komunikasi secara elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya adalah dapatkah sistem yang dikatakan buat masa ini menyekat 'kehayatan' penggemar komputer. Saya ingin cadangkan supaya pihak pentadbiran kerajaan menubuhkan satu pasukan istimewa untuk menyelenggarakan perkara untuk memastikan ruang siber kita tidak dirancang atau disekat oleh penggemar komputer.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua adalah mengenai yang dibangkit oleh dengan izin, free access for internet di mana perjudian on line secara besar-besaran adalah tidak digalakkan. Tuan Yang di-Pertua, malangnya akibat daripada

penguasaan IT, pendedahan kepada aktiviti sedemikian telah mendapat perhatian kita dan ini sungguh membimbangkan masyarakat. Perjudian secara on line sungguh mudah sekali. Pemain hanya perlu mendaftar, menekan button tertentu untuk 'mendekati' tanpa mengunjung secara fizikal ke Genting Highlands mungkin untuk menikmati keseronokan sedemikian. Pada masa ini terdapat lebih daripada 700 tapak perjudian demikian di Internet yang beroperasi dari seluruh dunia. Jenis perjudian yang lebih terkenal ialah Royal 'Fresh' Net, CaribbeanGold dan 'Fargash' USA.

Seorang pengunjung muda sahaja ketagih kerana perjudian dapat dilaksanakan dengan menggunakan komputer di rumah. Di Amerika Syarikat lebih kurang 2 juta rakyat berjudi secara on line pada tahun 2000. Dengan pertarungan berjumlah lebih daripada USD1 bilion. Sebelum keadaan sedemikian terjadi di negara Malaysia kita harus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya supaya aktiviti perjudian sedemikian disekat daripada memasuki tanah air kita. Saya tidak pasti sama ada polisi tiap-tiap sekat yang diamalkan oleh kerajaan bererti tidak sekat terhadap aktiviti perjudian sedemikian kerana ini bernama cyber casino, dengan izin akan diberi peluang untuk menembusi Malaysia. Saya sedang berfikir sendiri sama ada kerajaan kita akan membenarkan pendedahan negatif ini untuk meresap ke dalam budaya masyarakat dan juga membiarkan anak-anak Malaysia yang belum cukup umur untuk mendapat pendedahan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mengumumkan bahawa kerajaan akan menubuhkan, Internet Security Committee, dengan izin, dengan tujuan melindungi maklumat rasmi daripada mengalami kebocoran yang akan mengurangkan keyakinan orang ramai dalam zaman teknologi maklumat ini. Ini memang adalah suatu langkah yang mustahak dan penting.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Abdillah, rakan saya dari Sarawak sudah menyentuh di atas perkara tentang alam sekitar. Saya ingin juga menyentuh sedikit tentang alam sekitar. Banyak perkara yang pernah diperkatakan tentang isu alam sekitar yang semakin hari semakin mendesak. Antaranya adalah penukaran iklim disebabkan pengeluaran karbon dioksida, pembasmian hutan yang mengakibatkan sungai dibanjiri lumpur, hakisan tanah dan tanah runtuh. Ini seterusnya akan mengubah kekerapan hujan, kekurangan air, kehadiran bahan racun dan buangan yang kemudian menjejaskan sungai, tanah dan bumi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya beberapa langkah pengawalan diambil untuk mengatasi masalah ini. Satu daripadanya adalah peruntukan undang-undang dengan ketatnya mewajibkan seorang pengarah yang bertanggungjawab membuat satu laporan secara tahunan lebih-lebih lagi jikalau syarikatnya ialah sebuah syarikat yang dipaparkan di Bursa Saham Kuala Lumpur, laporan tersebut patut disertakan di dalam laporan tahunan mengikut peruntukan undang-undang di mana laporan tersebut mesti menerangkan sama ada jenis perniagaan yang dijalankan oleh syarikat itu adalah diliputi atau dilaporkan menurut peruntukan undang-undang alam sekitar selain daripada laporan kewangan tahunannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya syarikat-syarikat yang ingkar berbuat demikian dikenakan hukuman undang-undang dan menanggung risiko melanggar undang-undang kerana tidak membuat laporan tersebut. Lanjutan daripada perkara ini, saya percaya bahawa ini akan mengakibatkan hilangnya keyakinan atau kepercayaan pada amnya akan mengakibatkan kejatuhan harga saham.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di negara Australia telah pun menggubal undang-undang sebegini di mana sikap bertanggungjawab dan pemberian informasi mengenai pelaksanaan korporat dalam isu alam sekitar serta langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi isu alam sekitar mesti dikemukakan dan memastikan mengikut peruntukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin membangkitkan satu perkara mengenai sikap pelabur di BSKL. Perhatian teliti mesti diambil mengenai aktiviti jual-beli di Bursa Saham Kuala Lumpur. Sejak kebelakangan ini, indeks BSKL semakin pulih, syabas diucapkan kepada pemimpin negara kerana pemulihan ekonomi yang begitu pantas dan berada di luar jangkauan dunia. Walau bagaimanapun, ini bermakna peristiwa pahit di mana saham jatuh menjunam pada tahun 1997 hingga tahun 1998 tidak patut dilupakan begitu sahaja. Kita mesti bertanya kepada diri sendiri apakah pengalaman dan kesan peristiwa yang dapat kita pelajari?

Persoalan seterusnya adalah sama ada pelabur-pelabur masih terdorong atas amalan membeli berdasarkan khabar angin dan menjual berdasarkan berita yang benar dan kukuh. Pendek kata, adakah rakyat masih didorongi oleh sikap membeli sewaktu orang lain membeli dan menjual sewaktu orang lain menjual?

Saya ingin bertanya sama ada pihak berkuasa akan mengambil langkah untuk mendidik rakyat umum supaya mengamalkan tabiat berhati-hati dan mengamalkan sikap berfikir secara waras ketika melabur di BSKL dan bukan menggunakan BSKL sebagai satu tempat perjudian dan untuk diperalatkan sewenang-wenangnya. Pernahkah kita mempertikaikan bilangan mereka yang membuat pelaburan untuk jangka masa pendek dan mereka yang melabur untuk jangka masa panjang?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya percaya pihak berkenaan di BSKL dan Suruhanjaya Sekuriti patut memainkan peranan yang amat penting untuk mengendali dan mendidik rakyat awam. Langkah-langkah yang diambil telah berjaya mengukuhkan sikap pentadbiran korporat dan telah membaiki rangka kerja syarikat yang dipaparkan di BSKL. Ini seterusnya akan meninggikan lagi kepercayaan dan membuka peluang perniagaan di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong dengan sepenuhnya Usul mengucapkan syukur kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya membahas. Sekian, saya ucapkan terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk William Lau. Kita ada masa 17 minit sahaja lagi sebelum Dewan ditangguhkan. Saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat. Tadi, ada yang bersedia untuk berucap. Ya, silakan Yang Berhormat Che Jam.

#### **5.13 ptg.**

**Puan Hajah Che Jam binti Haron:** Assalamualaikum. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan yang terakhir mungkin pada hari ini untuk saya bersama-sama menerima ucapan Diraja yang telah dilangsungkan sebelum ini.

Sesungguhnya ucapan ataupun Titah Diraja telah menyentuh masalah pendidikan yang menjadi garis panduan hidup manusia di alam ini. Saya ingin menyaran dengan ringkas beberapa perkara sahaja terutamanya diucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana telah merancang dan menjalankan pelajaran kemahiran hidup di sekolah rendah dan menengah. Apa yang berlaku ialah kurangnya tenaga pengajar berhubung dengan kemahiran hidup terutamanya di bidang-bidang yang diperlukan, kadang-kadang seperti “melepaskan batuk di tangga”.

Pelajar-pelajar yang tidak mampu di dalam akademik patut disalurkan kepada bidang-bidang kemahiran tertentu yang akhirnya dapat menyumbang kepada dirinya, masyarakat dan negara. Bukan semua pelajar dapat masuk sekolah vokasional, teknik dan sebagainya. Sebenarnya latihan-latihan kemahiran di Pusat-pusat Giat MARA, PERDA, IKM juga disarankan di FELDA-FELDA amatlah baik. Diharap pihak-pihak yang berkenaan tersebut dapat membuat susulan kembali supaya pelajar-pelajar yang mengambil latihan-latihan tertentu dapat meneruskan kerjayanya hingga mencapai kemahiran khusus peringkat sijil, diploma dan seterusnya yang lebih tinggi.

Pada masa ini pelajar-pelajar yang berkenaan kebanyakannya telah dilatih dengan beberapa kemahiran, setelah itu dibiarkan tanpa bimbingan dan tidak disalurkan ke haluan-haluan atau disalurkan ke hala tuju yang berkenaan dengan apa yang telah dipelajarinya. Perancangan yang rapi di bidang pendidikan kemahiran hidup ini juga patutlah diberi keutamaan atau perhatian khusus kepada pelajar-pelajar yang cacat dan yang tercicir kerana sebab-sebab tertentu. Semoga masalah jenayah kanak-kanak dan remaja dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan melalui beberapa program yang dirancang sedang berusaha menerapkan budaya ilmu kepada pelajar-pelajar sekolah supaya mereka akan menjadi masyarakat berilmu dan berketrampilan berlandaskan wawasan negara. Mengikut kajian yang telah dijalankan, pengurusan dan penggunaan pusat sumber sekolah atau perpustakaan di seluruh negara berada pada tahap yang kurang memuaskan.

Untuk menjadikan pusat sumber sekolah berfungsi ianya perlu diuruskan oleh seorang guru pustakawan sepenuh masa. Pada masa sekarang pusat sumber sekolah diuruskan oleh seorang guru sahaja. Memandangkan guru-guru yang menguruskan pusat sumber itu perlu menjalankan tugas berdasarkan sasaran kerja utama di bilik-bilik darjah maka guru-guru tersebut tidak dapat menjalankan tugas guru perpustakaan yang berkesan. Akibatnya penggunaan pusat sumber sekolah di tahap yang rendah. Bahan-bahan yang dibekalkan ke pusat sumber tersebut tidak diuruskan dengan cara yang profesional. Dicadangkan seorang guru khas sepenuh masa pusat sumber sekolah bagi setiap sekolah yang bilangan pelajarnya melebihi 500 orang. Perpustakaan atau pusat sumber adalah mini universiti.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah perkara yang hangat dibincangkan oleh masyarakat umum ialah berhubung dengan pelbagai masalah yang

sedang wujud berhubung dengan pelaksanaan program pendidikan. Di dalam beberapa hal pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan terpaksa menangani perkara-perkara yang berkaitan dengan perundangan. Beberapa kes tindakan mahkamah ditujukan kepada pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan. Hal tersebut telah mengganggu pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan dalam urusan melaksanakan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, ada guru atau guru besar didakwa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, ada sekolah dihadapkan ke mahkamah dan berbagai-bagai lagi. Pegawai-pegawai di Jabatan Pendidikan dan para pendidik sekolah di sekolah tidak dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna dengan adanya kes-kes perundangan yang semakin bertambah seperti yang sedia kita maklum pada hari ini. Difahamkan seorang penasihat undang-undang sahaja yang ada di Kementerian Pendidikan pada masa kini. Beliau tentulah tidak mungkin dapat mengatasi kes-kes yang wujud di seluruh negara dengan segera.

Oleh yang demikian, disarankan seorang pegawai undang-undang perlulah ditempatkan di semua Jabatan Pendidikan Negeri bagi mengatasi hal ini di samping meringankan beban kementerian dan meningkatkan prihatin masyarakat terhadap pendidikan. Semoga diberi perhatian.

Selain daripada itu, dalam perkara pendidikan di sekolah juga sebagai mana kata yang telah lalu iaitu pengucap sebelum ini, komputer di sekolah-sekolah adalah amat perlu dan pada hari ini kita ucapkan terima kasih juga kepada kementerian dan tahniah kerana telah mengadakan pelajaran komputer di sekolah-sekolah tetapi ramai atau banyak di sekolah-sekolah di luar bandar tidak dapat menikmatinya dengan kesempurnaan kerana amat kurang komputer disediakan dan anak-anak juga dengan keadaan yang demikian tidak dapat memenuhi hasrat mereka untuk ke bandar terlalu jauh dan memakan belanja yang begitu banyak. Jadi disarankan khasnya di sekolah-sekolah menengah patulah diperbanyakkan kelas-kelas yang terancang komputer.

Semoga semua pelajar yang berminat terutamanya di luar bandar dan pada ibu bapa yang tidak mampu memilikinya di rumah-rumah dapat memenuhinya ataupun diizinkan kepada ibu bapa membenarkan membuka kelas yang berbayar tetapi di sekolah kerana kita tahu di luar bandar tiada tempat. Dengan keadaan yang demikian kita rasa dan kita harap semoga anak-anak kita di luar bandar khasnya akan dapat menikmati apa yang telah dinikmati oleh kanak-kanak di bandar dan oleh pelajar-pelajar daripada sekolah yang walaupun bukan bestari tetapi separuh bestari, asrama

penuh dan lain-lain lagi. Dan dengan keadaan yang demikian kita berharap anak-anak kita juga remaja yang mana kita tahu anak-anak hari ini adalah remaja di hari esok yang merupakan pemimpin di hari akan datang. Semoganya akan dapat perhatian daripada pihak yang berkenaan.

Dengan ini saya sudah dengan terima kasih sekali lagi.

**Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** ..Yang Berhormat Puan Hajah Che Jam.....

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kementerian pendidikan sedar gejala samseng atau gengster di sekolah. Gejala ini kalau diteliti seperti mendarahdagingkan terutama di pusat pengajian tinggi IPT dan di institusi pendidikan perguruan.

Yang kedua, akhir-akhir ini ...

**Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, fasal apa ini?

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** Saya sudah berucap semalam. Ini untuk ucapan.

**Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tidak boleh dah. Tunggu giliran pula. Kecuali kalau Yang Berhormat ada soalan dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah itu. Ha, hendak minta penjelasan?

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** Ya. Untuk hendak penjelasan sebab jenayah di situ. Tidak boleh?

**Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Itu tidak boleh itu out of order.

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** Terima kasih.

**Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Jadi kita ada sepuluh minit lagi. Siapa yang berucap hari ini boleh sambung pula hari esok. Jadi saya hendak persilakan, ya sila. Siapa lagi hendak berucap? Silakan Yang Berhormat Datuk Joseph Balan Seling, orang lama kita ini.

**5.20 ptg.**

**Datuk Joseph Balan Seling:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak begitu bersedialah tetapi supaya tidak membuang peluang yang ada, saya mengambil bahagian sedikit berkenaan usul menjunjung kasih titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Seri Paduka Baginda telah menyentuh tentang keamanan negara. Saya akan tumpukan perhatian saya terhadap perkara itu dalam beberapa minit yang tinggal.

Memang keamanan negara adalah suatu perkara yang terutama bagi setiap negara, setiap masyarakat majmuk di seluruh permukaan bumi ini. Tanpa adanya keamanan di dalam sesebuah negeri atau di dalam sebuah masyarakat tidaklah mungkin bagi penduduk-penduduknya dapat hidup dalam aman damai dan selesa setiap hari, tidur nyenyak malam, turun kerja pagi, berusaha dalam usaha-usaha harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi keamanan tidak akan wujud apatah lagi berkekalan sendirinya. Ia memerlukan usaha dengan berkorban dari setiap insan yang hidup di bumi ini. Yang lebih penting lagi dasarnya bila manusia ada perhubungan aman damai sentosa dengan Tuhannya ia akan hidup di dalam aman damai dan harmoni dengan sesama manusia. Itu puncanya. Di mana ada perhubungan seolah-olah manusia berada di dalam peperangan setiap hari dengan penciptanya maka begitulah hubungannya dengan sesama manusia.

Saya telah mendengar dengan panjang lebar ucapan-ucapan Ahli Yang Berhormat tadi berhubung dengan hal-hal agamalah. Dan saya percaya sama ada mereka UMNO atau PAS saya percaya memang dari batin dan jiwa mereka memang sama-sama ikhlaslah dalam perkara ini. Lain-lain penganut agama juga memang usaha mereka yang utama di dalam mengendalikan agama dan kepercayaan mereka adalah usaha di bidang rohaniah. Dan keduanya sahaja melibatkan hal sosial dan jasmani, kerana bila keadaan rohani tidak baik maka segala-galanya hal sosial dan jasmani akan terjejas.

Malaysia merupakan suatu negara yang bernasib baik. Kita ada keamanan beberapa tahun hingga sekarang ini. Ini tergantung kepada kualiti pihak pemimpin dan juga tergantung kepada kualiti rakyatnya. Perlembagaan sesuatu negara atau negeri di lain tempat di dunia pun baik juga. Tetapi keadaan politik mereka tidak stabil. Ada kacau bilau, ada peperangan, ada permusuhan, pembunuhan walaupun sama warna kulit dan sama agama juga di beberapa tempat di Irelandkah, Nigeriakah, di mana-mana.

Perlembagaan, dasar-dasar kerajaan, yang tertulis dan terlukis di dalam buku dasar negara memang cukup baik. Kita punya pun baik, orang lain punya pun baik. Tetapi pengamalannya daripada pihak pemimpin mereka tidaklah dikendalikan dengan cukup baik. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *the policy in the book is good, ours or theirs, but the leaders, the management itu perlu.* Saya memuji para pemimpin atasan di negara ini, negeri Malaysia ini adalah cukup baik. Semakin

banyak rang undang-undang kawalan yang kita buat semakin banyak pelanggaran terjadi. Kerana itu daripada tabiat manusia yang tidak dengan naturalnya tidak begitu patuh kepada peraturan-peraturan. Ini bergantung kepada nilai pihak pemimpin kita.

Tetapi juga walau bagaimanapun baiknya para pemimpin atasan jikalau rakyat jelata di peringkat bawahan tidak punya kualiti hidup dan tidak punya kualiti batin yang baik juga akan terjejas keamanan di mana-mana satu negara pun. Dan ini di sini haruslah rakyat berfikir baik-baik supaya mereka juga secara berkorban memelihara the jewel of our country that is peace supaya kita memelihara. Saya tahu perbezaan, perselisihan dalam politik, memanglah itu budaya negara-negara yang berdemokrasilah, tetapi tidak sampai begitu sehingga rakyat di peringkat bawahan tidak dapat mengawal diri mereka, dan terjejaslah keamanan negara mereka, dan berlakulah pembunuhan, dengki dan benci. Dan saya mohonlah supaya rakyat semua di negeri ini bekerjasama dengan pihak pemimpin atasan kita supaya dapat memelihara keamanan di negeri ini. Ahli Yang Berhormat semua memang banyak kali sudah ke luar negeri. You know, bila kita sudah ke luar negeri, balik di negara kita ini barulah kita tahu we have a very good country in fact. Let us keep the peace that we have now.

Itu sahaja sedikit pandangan daripada saya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih Datuk Joseph Balan Seling yang menepati masa jam 5.30 petang.

Mesyuarat hari ini ditangguhkan untuk hari esok jam 10.00 pagi.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,  
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.  
(Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,  
Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti AbuHassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.  
(Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)

- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara**

Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH****PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid II****Bil. 2****Selasa****18 April 2000**

---

**K A N D U N G A N****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Ucapan Takziah Atas Kembalinya Ke Rahmatullah Allahyarham  
Tan Sri Ismail Khan, Bekas Yang di-Pertua Dewan Negara (Halaman 19)

**USUL:**

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda  
Yang Di-Pertuan Agong:  
- *Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu* (Halaman 19)